



# **LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN  
SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN HUTAN DAN  
IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR  
(DR.20/2024)**

**DR.39 TAHUN 2024**






#### AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15

- |   |  |
|---|--|
| 1. YB Datuk Wira Mas Ermeyati Samsudin [Masjid Tanah]       | <i>-Pengerusi</i>                                    |
| 2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]                     | <i>-Naib Pengerusi</i>                               |
| 3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]                         |  |
| 4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]                  |  |
| 5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]                  |  |
| 6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]                     |  |
| 7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]                        |  |
| 8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]                   |  |
| 9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]           |  |
| 10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]                     |  |
| 11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu] |  |
| 12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]                    |  |
| 13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratom]                        |  |
| 14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]                        |  |
| 15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin                   | <i>-Setiausaha PAC /<br/>Setiausaha Dewan Rakyat</i> |

#### WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC

##### (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



**MUKA SURAT 2**

**PENDAHULUAN**

**MUKA SURAT 3 - 4**

**LATAR BELAKANG**

**MUKA SURAT 4 - 7**

**PROSES VERIFIKASI**

**MUKA SURAT 8 - 40**

**TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PAC  
PARLIMEN**

**MUKA SURAT 40**

**PENUTUP**

**LAPORAN PROSIDING (HANSARD)**

**KANDUNGAN**



**LAPORAN TINDAKAN  
SUSULAN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN  
IMPAK KEPADA ALAM  
SEKITAR**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**BAGI SYOR-SYOR  
LAPORAN PAC PARLIMEN**

**BERHUBUNG**

**PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR  
(DR.20/2024)**

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) [kini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)] adalah sebahagian daripada penemuan audit yang dilaporkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022 mengenai Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar yang telah dibentangkan di Parlimen pada 22 November 2023.
- 1.2 Berdasarkan LKAN berkenaan, pengurusan hutan di Malaysia telah diurus secara berkekalan bagi memberi manfaat sosioekonomi dan mengekalkan kelestarian alam sekitar. Bagaimanapun, berdasarkan sampel audit yang disemak terhadap sembilan buah (9) negeri, terdapat kes di mana kelemahan pengurusan hutan bagi aktiviti pembalakan, pembangunan ladang hutan, perlombongan dan kuari di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) telah memberi impak negatif kepada alam sekitar.
- 1.3 Berikutan itu, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah memutuskan untuk membawa isu ini ke Mesyuarat Prosiding PAC Parlimen Bil. 10(a) Tahun 2023 pada 12 Disember 2023 serta Mesyuarat Prosiding PAC Parlimen Bil. 10(b) dan 10(c) Tahun 2023 pada 5 Februari 2024.
- 1.4 Antara isu utama yang telah dibangkitkan adalah seperti berikut:
  - i. Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE);
  - ii. isu pembalakan;
  - iii. isu penguatkuasaan;
  - iv. kesejahteraan sosial dan hidupan liar;
  - v. ladang hutan; dan
  - vi. isu berkaitan perundangan perhutanan.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 PAC Parlimen telah membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR. 20/2024) bertajuk Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar di bawah NRES di Dewan Rakyat pada 11 Julai 2024.
- 2.2 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan tujuh (7) syor yang perlu diambil tindakan oleh NRES seperti berikut:
- i. NRES perlu membentangkan kepada PAC dapatan daripada projek rintis perlombongan NR-REE di dalam kawasan HSK yang telah dijalankan serta butiran lengkap projek rintis berkenaan.
  - ii. NRES perlu segera meminda Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] supaya tindakan terhadap aktiviti perlombongan haram dapat dilaksanakan.
  - iii. NRES perlu terus berusaha bagi mendapatkan komitmen daripada kerajaan negeri/wilayah untuk mengurangkan aktiviti pembalakan serta memfokuskan ekopelancongan dan inisiatif perdagangan karbon supaya impak negatif dapat diminimumkan.
  - iv. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah (SFD) dan Jabatan Hutan Sarawak (FDS) bersama-sama pihak kerajaan negeri serta agensi yang terlibat dengan pengurusan perhutanan dan tanah perlu lebih aktif melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan termasuk penggunaan teknologi terkini.
  - v. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kerajaan negeri juga perlu melaksanakan kajian keperluan perjawatan bagi memastikan sumber manusia mencukupi daripada segi bilangan dan berkemahiran untuk

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara konsisten serta efektif.

- vi. NRES perlu melaksanakan libat urus bersama kerajaan negeri untuk menggalakkan pemakaian Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 (A1667) supaya amalan piawaian standard digunakan seperti yang digariskan dalam akta.
  - vii. NRES perlu memastikan Jabatan Alam Sekitar (JAS) segera melaksanakan penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) supaya pematuhan dan penguatkuasaan Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP) dapat segera dilaksanakan bagi menangani konflik manusia-hidupan liar.
- 2.3 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b) Tahun 2023, tindakan susulan perlu diambil NRES selepas Laporan PAC berkenaan dibentangkan di Dewan Rakyat. Justeru, NRES menerusi Kementerian Kewangan (MOF) telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Secara Bertulis Terhadap Syor-syor DR. 20/2024 kepada PAC pada 8 Ogos 2024.

### **3. PROSES VERIFIKASI**

- 3.1 Susulan penyerahan Laporan Tindakan Susulan Interim daripada NRES, proses verifikasi terhadap tindakan susulan ke atas syor-syor PAC telah dilaksanakan menerusi empat (4) sesi lawatan verifikasi oleh pegawai daripada MOF dan sekretariat PAC Parlimen seperti berikut:

- i. ibu pejabat JPSM, Kuala Lumpur pada 6 Ogos 2024;
- ii. tapak perintis perlombongan NR-REE di Mukim Kenering, Hulu Perak, Perak pada 15 Ogos 2024;
- iii. sekitar Sandakan, Sabah pada 22 Ogos 2024; dan

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

iv. sekitar Kuching dan Bau, Sarawak pada 4 dan 5 September 2024.

- 3.2 Lawatan ke ibu pejabat JPSM di Kuala Lumpur telah dilaksanakan bagi meninjau War Room JPSM bagi melihat pemantauan dan penguatkuasaan menerusi penggunaan teknologi terkini dan sumber manusia yang terlibat.
- 3.3 Seterusnya, lawatan ke Tapak Perintis Perlombongan NR-REE di Mukim Kenering, Hulu Perak, Perak telah diadakan bagi meninjau dan mendengar taklimat berhubung pengoperasian perlombongan NR-REE di luar HSK.
- 3.4 Di samping itu, lawatan di sekitar Sandakan, Sabah telah diadakan bagi menilai aktiviti penguatkuasaan, inisiatif perdagangan karbon, sistem aplikasi iForSabah. Tinjauan turut dilaksanakan di Pusat Pemuliharaan Beruang dan *Rainforest Discovery Centre* bagi menilai aspek ekopelancongan.
- 3.5 Akhir sekali, lawatan di sekitar Kuching dan Bau, Sarawak turut diadakan bagi menilai aktiviti penguatkuasaan, inisiatif perdagangan karbon, pemantauan hutan menggunakan teknologi terkini serta sistem yang digunakan. Pemantauan di tiga buah kawasan ekopelancongan di Sarawak turut dilaksanakan iaitu di Semenggoh Wildlife Centre, Tasik Biru, Sarawak Delta Geopark dan juga Fairy Cave.
- 3.6 Usai proses verifikasi, Pegawai Pengawal NRES menerusi MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Muktamad Pegawai Pengawal Terhadap Syor-syor DR.20/2024 kepada PAC pada 27 September 2024.
- 3.7 Sehubungan itu, melalui mandat dan punca kuasa yang diberikan di bawah Peraturan Mesyuarat 83(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR), Perkara 304(b) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) dan Seksyen 5(3)(d) Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2024: Organisasi Kementerian-Kementerian, PAC Parlimen telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR


Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar di bawah NRES pada 14 Oktober 2024 dan 24 Oktober 2024.

- 3.8 Kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil Pegawai Pengawal terhadap Syor-syor Laporan PAC Parlimen - DR. 20/2024 diringkaskan seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/MASA	PERKARA
1.	11 Julai 2024	Pembentangan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen di Dewan Rakyat.
2.	6 Ogos 2024	Lawatan verifikasi di Ibu Pejabat JPSM, Kuala Lumpur
3.	8 Ogos 2024	Laporan Tindakan Susulan Interim Terhadap Syor-syor PAC berhubung Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar (DR. 20/2024) dikemukakan.
4.	15 Ogos 2024	Lawatan verifikasi di Tapak Perintis Perlombongan Unsur Nadir Bumi (REE) di Mukim Kenering, Hulu Perak, Perak.
5.	22 Ogos 2024	Lawatan verifikasi di sekitar Sandakan, Sabah.
6.	4 – 5 September 2024	Lawatan verifikasi sekitar Kuching dan Bau, Sarawak
7.	27 September 2024	Laporan Tindakan Susulan Muktamad Pegawai Pengawal Terhadap Syor-syor Laporan PAC DR.20/2024 dikemukakan.
8.	14 Oktober 2024	Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC DR. 20/2024 Saksi: <b>i. MOF</b> - Dato' Zamzuri bin Abdul Kadir, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) <b>ii. NRES</b> - Puan Norsham binti Abdul Latip, Timbalan Ketua Setiausaha

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
		<p><b>iii. JPSM</b>            - Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah</p> <p><b>iv. JMG</b>            - Datuk Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah</p> <p><b>v. FDS</b>            - Datu Haju Hamden bin Haji Mohamad, Pengarah Hutan Sarawak.</p> <p><b>vi. SFD</b>            - Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto, Timbalan Ketua Konservator Hutan</p>
9.	24 Oktober 2024	<p>Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 20/2024)</p> <p>Saksi:</p> <p><b>i. NRES</b>            - Puan Norsham binti Abdul Latip, Timbalan Ketua Setiausaha</p> <p><b>ii. JPSM</b>            - Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah</p> <p><b>iii. JMG</b>            - Datuk Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah</p> <p><b>iv. Jabatan PERHILITAN</b>            - Datuk Abdul Kadir bin Abu Hashim</p> <p><b>v. FDS</b>            - Datu Haju Hamden bin Haji Mohamad, Pengarah Hutan Sarawak.</p> <p><b>vi. JAS</b>            - Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)</p> <p><b>vii. SFD</b>            - Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto, Timbalan Ketua Konservator Hutan</p>



**TINDAKAN SUSULAN BAGI  
SYOR-SYOR PAC  
(DR.20/2024)**

**4. TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN  
(DR.20/2024)**

- 4.1 Syor 1: NRES perlu membentangkan kepada PAC dapatan daripada projek rintis perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah dijalankan serta butiran lengkap projek rintis berkenaan.**

**Maklum Balas NRES**

Projek rintis perlombongan NREE di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak, Perak Darul Ridzuan ini meliputi kawasan seluas 87.459 hektar dan berada di luar kawasan HSK. Hal ini kerana dasar semasa NRES yang tidak membenarkan sebarang aktiviti perlombongan dijalankan di kawasan HSK masih berkuat kuasa.

Pihak Berkuasa Negeri Perak telah mengeluarkan Lesen Melombong Tuan Punya (PML) kepada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak bagi sebahagian lot tanah PT.1761 untuk tempoh 30 tahun bermula dari 18 Januari 2021 hingga 17 Januari 2051. Projek rintis ini secara rasminya telah beroperasi pada bulan Oktober 2022, yang mana pihak penggerak projek iaitu Syarikat MCRE Resources Sdn. Bhd. telah menjalankan aktiviti perlombongan setelah semua kelulusan berkaitan diperoleh.

Sepanjang pelaksanaan aktiviti perlombongan yang dijalankan dalam tempoh 23 bulan bermula dari bulan Oktober 2022 hingga Ogos 2024, sebanyak 13,032 tan metrik bahan mentah NREE dalam bentuk *Rare Earth Carbonate* (REC) telah dihasilkan. NRES telah meluluskan pengeksportan REC sebanyak 8,300 tan metrik. Berdasarkan rekod pengeksportan REC yang diterima daripada pihak penggerak projek, sebanyak 8,143.40 tan metrik telah dieksport ke Republik Rakyat China (RRC).

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

Kerajaan telah menetapkan moratorium pengeksportan bahan mentah REE di seluruh negara berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024 sebagai inisiatif untuk membangunkan industri NREE di peringkat pertengahan dalam negara. Pelaksanaan moratorium ini juga dinilai setiap enam (6) bulan.

Bagi negeri Perak, moratorium pengeksportan diberikan sehingga 2 April 2024. NRES telah memberi semula kebenaran eksport kepada syarikat MCRE Resources Sdn. Bhd. pada 25 September 2024 selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 3 September 2024. Pengeksportan dibenarkan untuk kuantiti 8,000 tan metrik yang telah diteliti dan diperakui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengeluaran Lesen Eksport Bilangan 3 2024 pada 13 Mac 2024. Tempoh sah lesen eksport adalah selama 12 bulan selaras dengan tempoh sah lesen eksport yang dikeluarkan oleh NRES.

Prosedur Pengendalian Standard (SOP) NRREE negeri Perak telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Disember 2021 dan telah diguna pakai bagi tujuan pemantauan dan kawalan aktiviti perlombongan yang dijalankan di tapak projek perintis mukim Kenering, daerah Hulu Perak. Pengauditan Projek Perintis Perlombongan REE di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit yang ditubuhkan dan diketuai oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Perak bagi menilai keberkesanan pematuhan pemakaian SOP REE Negeri Perak.

Pengauditan pematuhan SOP merangkumi pematuhan di peringkat pra-perlombongan, semasa perlombongan dan pasca perlombongan. Jawatankuasa audit terdiri daripada 11 buah agensi teknikal dan penguatkuasaan seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, Jabatan Perhutanan Perak, Jabatan Pengairan dan Saliran Perak, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Perak, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pejabat Daerah dan Tanah

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

Hulu Perak, Majlis Daerah Gerik, Jabatan Tenaga Atom Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Hasil pengauditan pematuhan SOP di peringkat pra-perlombongan menunjukkan bahawa projek perintis perlombongan tersebut telah mematuhi keperluan perundangan yang berkaitan antaranya seperti permohonan tenemen mineral, Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan Kebenaran Merancang (KM).

Di peringkat semasa perlombongan pula mendapati terdapat beberapa ketidakpatuhan penggerak projek ke atas kelulusan yang telah dikeluarkan, antaranya daripada aspek kawalan runtuhan cerun dan pemantauan kawalan pencemaran. Namun begitu, tindakan penambahbaikan telah diambil oleh penggerak projek setelah teguran dibuat.

Bagi peringkat pasca perlombongan melibatkan penilaian ke atas penyediaan Pelan Penutupan Lombong. Pengauditan bagi peringkat pasca perlombongan masih belum dapat dilaksanakan memandangkan kerja-kerja pengekstrakan unsur nadir bumi masih dijalankan.

### **Ulasan PAC**

NRES seharusnya mencari peluang bekerjasama dengan negara lain dalam membangunkan industri NREE agar keseluruhan rantaian industri nadir bumi dapat dibangunkan, serta memastikan pemindahan teknologi dilaksanakan kepada kerajaan-kerajaan negeri.

**4.2 Syor 2: NRES perlu segera meminda Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] supaya tindakan terhadap aktiviti perlombongan haram dapat dilaksanakan.**

**Maklum Balas NRES**

Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan menetapkan perkara berkenaan pengeluaran tenemen mineral adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Justeru, penggubalan Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen Mineral Negeri (EMN) dibuat bagi tujuan penyelarasan kuasa antara Persekutuan dan negeri selaras dengan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, perlombongan tanpa lesen (haram) secara jelas telah diperuntukkan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) menurut seksyen 158 Enakmen Mineral Negeri (EMN) yang memperuntukkan bahawa:

**“Penalti melombong tanpa lesen atau pajakan**

158. Mana-mana orang yang menjalankan perlombongan tanpa suatu lesen atau pajakan yang sah yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini sama ada atau tidak apa-apa mineral didapati adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.”

Oleh itu, perlombongan haram adalah tertakluk kepada undang-undang lain iaitu EMN di bawah Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri. Kanun Tanah Negara 1965 memberikan kuasa kepada kerajaan negeri untuk menguruskan dan mengeluarkan lesen atau konsesi tanah bagi tujuan perlombongan. Dalam konteks ini, perlombongan haram boleh berlaku jika aktiviti dijalankan tanpa kebenaran dan juga lesen sah daripada kerajaan negeri.

Sehubungan itu, walaupun JMG mempunyai kepakaran daripada segi teknikal dalam perlombongan dan pengkuarian, JMG tidak boleh mengatasi bidang kuasa kerajaan negeri. JMG hanya mempunyai kuasa dari segi mengeluarkan Surat

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

Kelulusan Melombong [*Operation Mining Scheme (OMS)*]. Bagi isu berkaitan penyelarasan polisi, ia dilaksanakan melalui Majlis Mineral Negara dan Majlis Tanah Negara.

Bagaimanapun, NRES sedang dalam proses membuat pindaan terhadap Akta 525 bagi memasukkan fungsi berkaitan urusan eksport/import mineral. Pindaan tersebut dijangka selesai pada suku keempat tahun 2025.

**Ulasan PAC**

Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan perlu dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan lebih kerap dan tegas, bersama-sama agensi penguatkuasaan di bawah Kerajaan Persekutuan untuk membasmi aktiviti perlombongan haram. Selain itu, fungsi Majlis Mineral Negara dan Majlis Tanah Negara perlu diperkasakan.

- 4.3 Syor 3: NRES perlu terus berusaha bagi mendapatkan komitmen daripada kerajaan negeri/wilayah untuk mengurangkan aktiviti pembalakan serta memfokuskan aktiviti ekopelancongan dan inisiatif perdagangan karbon supaya impak negatif dapat diminimumkan.**

### **Maklum Balas NRES**

Amalan pengurusan hutan di Malaysia adalah berpandukan kepada Dasar Perhutanan Malaysia yang bermatlamat untuk memelihara dan mengurus hutan negara berdasarkan amalan-amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB), memelihara kepelbagaian biologi dan sumber-sumber genetik serta meningkatkan penyelidikan dan pendidikan perhutanan.

### **Catuan Tebangan Tahunan**

Salah satu kriteria utama dalam PHSB ialah pengawalan terhadap pembukaan kawasan hutan untuk pengusaha hasilan melalui pelaksanaan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang ditetapkan di semua negeri pada setiap Rancangan Malaysia (RM) Lima Tahun. Pematuhan terhadap CTT oleh semua negeri akan menjamin sumber bekalan kayu kepada industri secara berterusan dalam kuantiti yang stabil. Tujuan utama CTT ditetapkan ialah untuk mengimbangi jumlah pengeluaran dan penghasilan kayu dengan keupayaan dan keluasan kawasan hutan pengeluaran di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) atau Hutan Simpan Negeri.

Bagi tempoh RMKe-12 (2021-2025), Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-77 yang bersidang pada 8 September 2020 telah menetapkan CTT bagi Semenanjung Malaysia seluas 188,550 hektar, Sabah seluas 250,000 hektar dan Sarawak seluas 725,000 hektar. Perincian penetapan CTT bagi ketiga-tiga wilayah adalah seperti di **Jadual 1**. Manakala, perbandingan penetapan CTT bagi RMKe-11 dan RMKe-12 adalah seperti di **Jadual 2** dan keluasan kawasan pengusaha hasilan dalam HSK atau Hutan Simpan Negeri bagi tempoh tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti di **Jadual 3**.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

**Jadual 1: Penetapan CTT bagi Tempoh RMKe-12 (2021-2025)**

Wilayah	Penetapan CTT RMKe-12 (hektar)	
	Tahunan	Jumlah
Semenanjung	37,710	188,550
Sabah	50,000	250,000
Sarawak	145,000	725,000
<b>Jumlah</b>	<b>232,710</b>	<b>1,163,550</b>

**Jadual 2: Perbandingan Penetapan CTT bagi RMKe-11 dan RMKe-12**

Wilayah	CTT RMKe-11 (ha)	CTT RMKe-12 (ha)	Perbezaan (ha) (+) tambah / (-) kurang
Semenanjung	209,440	188,550	-20,890
Sabah	250,000	250,000	0
Sarawak	775,000	725,000	-50,000
<b>Jumlah</b>	<b>1,234,440</b>	<b>1,163,550</b>	<b>-70,890</b>

**Jadual 3: Keluasan Kawasan Pengusahasilan dalam HSK bagi Tempoh Tahun 2021- 2023**


Wilayah	Tahun	CTT (ha)	Luas Usahasil (ha)
Semenanjung	2021	37,710	25,755
	2022	37,710	23,841
	2023	37,710	23,583
	<b>Jumlah</b>	<b>113,130</b>	<b>73,179</b>
Sabah	2021	50,000	38,908
	2022	50,000	51,029
	2023	50,000	25,155
	<b>Jumlah</b>	<b>150,000</b>	<b>115,092</b>
Sarawak	2021	145,000	59,183
	2022	145,000	44,823
	2023	145,000	58,518
	<b>Jumlah</b>	<b>435,000</b>	<b>162,524</b>

Berdasarkan statistik seperti di **Jadual 2** dan **Jadual 3**, penetapan CTT menunjukkan pengurangan dan luas kawasan HSK atau hutan simpan negeri yang diusahasil adalah kurang daripada CTT yang ditetapkan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri/Wilayah komited dalam mengurangkan aktiviti pembalakan di wilayah/ negeri masing-masing.

### **Aktiviti Ekopelancongan di Semenanjung Malaysia**

Pengurusan kawasan HSK di negara ini turut mengambil kira kepentingan pemuliharaan sumber dan keperluan untuk rekreasi dan ekopelancongan. Di Semenanjung Malaysia, beberapa buah kawasan dalam HSK yang mempunyai landskap yang menarik dan unik telah dibangunkan dan diurus sebagai Taman Eko Rimba (TER) dan Hutan Taman Negeri (HTN). Sehingga kini, sejumlah 116 TER dan 17 buah HTN telah ditubuhkan bagi memenuhi permintaan masyarakat terhadap kepentingan rekreasi dan ekopelancongan.

**Graf 1: Bilangan Pengunjung dan Kutipan Hasil daripada Aktiviti Ekopelancongan Berdasarkan Hutan di Semenanjung Malaysia (2016-2023)**



Sumber: Slaid pembentangan NRES pada 14 Oktober 2024

**Graf 1** menunjukkan kutipan hasil meningkat bermula tahun 2019 susulan penguatkuasaan Kaedah-kaedah Perhutanan Negara (Wilayah Persekutuan) 2019 di mana kaedah fi permit masuk hutan simpanan kekal di Wilayah Persekutuan adalah tertinggi iaitu RM10 bagi warganegara dan RM40 bagi bukan warganegara.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

Pada tahun 2023, kutipan hasil meningkat kepada RM8.33 juta dengan bilangan pengunjung seramai 3.2 juta orang.

Selain itu, pelaksanaan Program Peningkatan Kemahiran Malim Gunung Perhutanan (MGP) kepada komuniti setempat terutama melibatkan golongan belia dan orang asli telah berjaya melatih seramai 1,877 orang sebagai MGP dengan kemahiran sebagai jurupandu pendakian dalam HSK yang seterusnya mampu menjana pendapatan antara RM2,000.00 sehingga RM4,000.00 sebulan.

Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-81 pada 19 September 2024 bersetuju dengan cadangan penyeragaman kadar bayaran Permit Memasuki HSK dengan julat antara RM5.00 hingga RM100.00 bagi aktiviti ekopelancongan berdasarkan hutan di Semenanjung Malaysia melalui pindaan ke atas Kaedah-kaedah Hutan Negeri. Langkah ini diharapkan dapat menjana pendapatan untuk negeri dalam aspek ekopelancongan.

**Jadual 4: Penyeragaman Kadar Bayaran Permit Memasuki HSK**


	Kadar asal	Cadangan Kadar Baharu
Warganegara	RM1.00 – RM10.00 seorang	RM5.00 – RM50.00 seorang
Bukan warganegara	RM5.00 – RM50.00 seorang	RM30.00 – RM100.00 seorang

**Aktiviti Ekopelancongan di Sabah**

Di Sabah, Kerajaan Sabah melalui Jabatan Perhutanan Sabah (SFD) telah membangunkan 52 buah tapak rekreasi hutan di beberapa buah hutan simpan dalam usaha untuk meningkatkan hasil daripada sektor rekreasi berdasarkan hutan.

**Graf 2** menunjukkan kutipan hasil kekal sekitar RM100,000 setahun dari tahun 2014 hingga 2019, namun pada tahun 2020 dan 2021 kutipan menurun disebabkan oleh pandemik COVID-19. Pada tahun 2022 dan 2023, bilangan pengunjung dan kutipan hasil kembali meningkat dengan jumlah kutipan tertinggi pada tahun 2023 iaitu sebanyak RM2.33 juta dengan kehadiran 143,682 orang pengunjung.

**Graf 2: Bilangan Pengunjung dan Kutipan Hasil daripada Aktiviti Rekreasi Berasaskan Hutan di Sabah (2014-2023)**



Sumber: Slaid pembentangan NRES pada 14 Oktober 2024

### **Aktiviti Ekopelancongan di Sarawak**

Manakala bagi Sarawak, keutamaan penggunaan tanah diberikan kepada pewartaan kawasan yang mempunyai ciri-ciri ekologi dan juga biodiversiti khas dengan matlamat untuk mencapai sekurang-kurangnya 10 peratus atau satu juta hektar daratan daripada keluasan tanah di Sarawak sebagai kawasan terlindung sepenuhnya.

Oleh sebab itu, setiap kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan rekreasi dan juga ekopelancongan dalam hutan simpanan kekal yang telah diwartakan akan melalui proses nyah warta untuk dinaiktarafkan sebagai kawasan terlindung sepenuhnya. Kawasan-kawasan ini boleh diwartakan semula sama ada sebagai

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR


taman negara untuk tujuan pemuliharaan dan rekreasi, sanktuari burung hidupan liar bagi melindungi spesies fauna yang terancam atau endemik atau rizab semula jadi yang berfungsi sebagai kawasan pemuliharaan alam semula jadi yang tidak terganggu oleh pembangunan manusia.

Pada tahun 2020, fungsi FDS dan Sarawak Forestry Corporation (SFC) telah diselaraskan bagi memastikan pelaksanaan fungsi utama kedua-dua agensi dapat dicapai dengan tahap optimum serta memudahkan tadbir urus fungsi masing-masing. FDS diberi tanggungjawab dalam mentadbir urusan berkaitan dengan Ordinan Hutan 2015 (FO 2015) yang khusus kepada pengurusan hutan di Sarawak dan juga pewartaan hutan simpanan kekal. Manakala, SFC pula diberi tanggungjawab untuk mentadbir perkara berkaitan dengan hidupan liar dan kawasan terlindung sepenuhnya seperti termaktub dalam *Wild Life Protection Ordinance 1998* dan juga *National Park and Nature Reserves Ordinance 1998*.

SFC mengawal selia 47 buah Taman Negara, 15 buah Rizab Semula Jadi dan lima (5) buah pusat hidupan liar. Daripada jumlah ini, sebanyak 15 buah buah Taman Negara, tujuh (7) buah Rizab Semula Jadi dan sebuah pusat hidupan liar melibatkan kawasan daratan yang turut menyumbang kepada hasil daripada sektor ekopelancongan berdasarkan hutan di Sarawak.

**Graf 3** menunjukkan bilangan pengunjung dan kutipan hasil bagi aktiviti ekopelancongan berdasarkan hutan di Sarawak dari tahun 2014 sehingga 2023 di mana pada tahun 2014 hingga 2019, bilangan pengunjung kekal stabil sekitar 480,000 hingga 600,000 orang dengan kutipan hasil antara RM5.28 juta hingga RM5.85 juta. Sektor ekopelancongan berdasarkan hutan Sarawak turut terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda pada tahun 2020 dan 2021. Namun, bilangan pengunjung dan hasil kutipan kembali meningkat pada tahun 2022 dan 2023 dengan bilangan pengunjung pada tahun 2023 seramai 494,913 orang dan jumlah kutipan sebanyak RM4.85 juta.

**Graf 3: Bilangan Pengunjung dan Kutipan Hasil daripada Aktiviti Ekopelancongan Berasaskan Hutan di Sarawak (2014-2023)**



Sumber: Slaid pembentangan NRES pada 14 Oktober 2024

Pada 19 Mei 2022, Kerajaan Sarawak telah meluluskan pindaan FO 2015 untuk membolehkan pelaksanaan aktiviti perdagangan karbon hutan dan pewartaan *amenity forest*. Pindaan ini membolehkan FDS menjadikan sesebuah hutan simpanan kekal yang telah dikenal pasti sebagai hutan lipur yang khusus untuk kegiatan ekopelancongan di bawah kawalan hutan FDS.

### **Inisiatif Perdagangan Karbon di Peringkat Persekutuan**

NRES telah melancarkan Panduan Pasaran Karbon Sukarela Sektor Hutan pada tahun 2020 yang berfungsi sebagai sebuah dokumen rujukan kepada negeri-negeri yang berminat untuk terlibat dalam aktiviti berkaitan dengan karbon hutan. Panduan ini turut mengenal pasti peranan dan juga fungsi-fungsi pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek karbon di Malaysia.

Di peringkat Persekutuan, NRES sedang dalam proses untuk membangunkan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) dan dijangka siap pada akhir tahun 2025. Dasar ini dibangunkan sebagai panduan kepada pemaju projek karbon dan lain-lain pemegang taruh di Malaysia yang berminat untuk menyertai Pasaran Karbon Pematuhan [Voluntary Carbon Market (VCM)] di bawah Perjanjian Paris. Pada masa yang sama, DPKK penting bagi memastikan pelaksanaan mekanisme pasaran karbon di Malaysia adalah selaras dengan keputusan *United Nations*

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

*Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC), memenuhi integriti persekitaran serta menyumbang kepada pembangunan mampan negara. Secara umumnya, DPKK mengandungi beberapa komponen asas seperti ketetapan dasar, prinsip asas, dan aturan kebangsaan (*national arrangement*) bagi pelaksanaan mekanisme pasaran karbon di Malaysia.

Pada tahun 2021, NRES telah menubuhkan sebuah Syarikat Dengan Jaminan Terhad (CLBG) iaitu *Malaysia Forest Fund* (MFF) bagi membangun dan melaksanakan strategi kewangan inovatif bagi sektor hutan. Justeru, MFF telah diberikan mandat untuk membangunkan Kerangka Kewangan REDD Plus (RFF) untuk melindungi perkhidmatan ekosistem dan memastikan penggunaannya secara mampan.

Mekanisme RFF telah dirangka secara khusus untuk membolehkan mobilisasi kewangan daripada sumber selain daripada pembiayaan kerajaan sama ada melalui instrumen berdasarkan pasaran ataupun berdasarkan *credit carbon* dan bukan pasaran iaitu tidak melibatkan transaksi atau perdagangan *credit carbon* untuk disalurkan kepada aktiviti projek di lokasi kawasan berhutan yang dikenal pasti.

Untuk menggalakkan dan mendapatkan komitmen kerajaan negeri dalam inisiatif projek karbon dan penyertaan dalam FCC, pihak MFF giat mengadakan sesi libat urus, membangunkan kapasiti dan juga latihan teknikal bersama agensi dan juga jabatan berkaitan di peringkat negeri. Perkara ini dilaksanakan bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri mengenal pasti kawasan-kawasan berhutan yang berpotensi serta mendedahkan kepada prinsip pengiraan karbon dan kerangka pembangunan projek karbon yang agak kompleks. Siri jelajah negeri ini melibatkan seluruh negeri di Semenanjung serta wilayah di Sabah dan Sarawak dan mula dilaksanakan sejak tahun 2022 sehingga kini.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

Selain itu, MFF telah melancarkan instrumen pertama di bawah mekanisme RFF yang dikenali sebagai *Forest Conservation Certificate* (FCC) pada Mei 2024. FCC merupakan instrumen berdasarkan bukan pasaran yang memainkan dwi peranan dalam mengiktiraf inisiatif pengurusan hutan dan menggalakkan sumbangan korporat kepada aktiviti-aktiviti mengekal, memulihara, melindungi dan menguruskan hutan secara berkekalan.

FCC yang dioperasikan oleh MFF turut memberi insentif seperti potongan cukai sehingga 10 peratus daripada pendapatan agregat syarikat serta pengiktirafan kepada mana-mana syarikat yang menyumbang kepada usaha pengurusan hutan secara mampan, konservasi biodiversiti, aktiviti melibatkan komuniti serta pemuliharaan dan perlindungan hutan.

MFF juga sedang membangunkan instrumen kedua di bawah mekanisme RFF iaitu *Forest Carbon Offset* (FCO) yang merupakan instrumen berdasarkan pasaran. FCO membolehkan manfaat yang terhasil daripada tindakan mitigasi iklim dalam sektor perhutanan dipindahkan dalam bentuk *credit carbon* kepada pembeli dan boleh diniagakan di platform pasaran karbon. Sehubungan itu, FCO berfungsi untuk menjadi suatu piawaian domestik yang setara ataupun alternatif kepada piawaian karbon antarabangsa seperti Verra dan Gold Standard untuk membangunkan projek karbon di Malaysia.


Inisiatif pembangunan piawaian domestik seperti ini memudahkan pembangunan projek dengan kos fi yang rendah, mengambil kira spesifikasi setempat serta mengurangkan isu kelewatan validasi projek seperti mana dialami oleh pemaju projek yang menggunakan piawaian antarabangsa seperti Verra.

### **Inisiatif Perdagangan Karbon di Sabah**

Di Sabah, projek kerjasama perdagangan karbon dimulakan sejak pada tahun 2013, di mana ia melibatkan kerjasama Kerajaan Sabah, Yayasan Sabah dan Permian Global di kawasan Hutan Simpan Northern Kuamut yang meliputi keluasan 83,381 hektar seperti di **Rajah 1**.

Projek ini menghasilkan 4.2 juta *Verified Carbon Unit* (VCU) yang telah ditentusahkan oleh VERRA sebagai *vintage unit* (2015-2021). Sebanyak 3 juta VCU telah didagangkan dan 20 ribu VCU sedang didagangkan dalam Bursa Malaysia. Setakat ini, Kerajaan Sabah telah mengutip RM1 juta sebagai *advance carbon fee*. Lima (5) peratus daripada kutipan ini akan dihitung sebagai royalti kepada Kerajaan Negeri Sabah.

**Rajah 1: Peta Lokasi Kawasan Projek Karbon di Hutan Simpan Kuamut, Sabah**




Sumber: Slaid pembentangan NRES pada 14 Oktober 2024

## Inisiatif Perdagangan Karbon di Sarawak

Sementara itu, Wilayah Sarawak telah memperkenalkan *Forests (Forest Carbon Activity) Rules 2022* pada 1 Januari 2023, selaras dengan pindaan FO 2015 pada tahun 2022. Sejak *Forests (Forest Carbon Activity) Rules 2022* dikuatkuasakan, FDS telah menerima 17 permohonan untuk penyelidikan karbon hutan. Daripada jumlah tersebut, satu (1) lesen karbon berada dalam proses akhir, tiga (3) permit telah dikeluarkan, sembilan (9) permohonan masih dalam proses penilaian, dan empat (4) permohonan telah ditolak.

Permit penyelidikan karbon (*carbon study permit - CSP*) yang telah dikeluarkan melibatkan kawasan dengan keluasan keseluruhan 96,847 hektar melibatkan tiga (3) buah kawasan lesen pembalakan seperti di **Rajah 2**, dengan tempoh sah laku CSP selama dua (2) tahun. Kawasan CSP ini akan dikeluarkan dari kawasan lesen setelah lesen karbon hutan diberikan kelak. Sarawak juga mengenakan caj lima (5) peratus bagi transaksi penjualan karbon dan dijadikan sebagai royalti kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak.

**Rajah 2: Peta Lokasi Kawasan yang Diluluskan CSP di Sarawak**



Sumber: Slaid pembentangan NRES pada 14 Oktober 2024

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

**Ulasan PAC**

Aktiviti pembalakan dan penerokaan hutan wajar dihentikan secara beransur, dengan mencari alternatif lain bagi menjana pendapatan negara, demi kelestarian alam semula jadi di Malaysia.

- 4.4 Syor 4: JPSM, SFD dan FDS bersama-sama pihak kerajaan negeri serta agensi yang terlibat dengan pengurusan perhutanan dan tanah perlu lebih aktif melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan termasuk penggunaan teknologi terkini.**

**Maklum Balas NRES**

NRES melalui Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3) bagi membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar dalam kawasan perlindungan di Semenanjung Malaysia sejak tahun 2020 sebelum diperluaskan di Sabah dan Sarawak bermula tahun 2023.

Dua Komponen utama dalam BP3 ialah Operasi Bersepadu Khazanah dan Renjer Komuniti yang turut melibatkan PERHILITAN, JPSM, Jabatan Hidupan Liar Sabah, SFC, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, PBN dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

BP3 telah menunjukkan keberkesanannya dalam membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar. Pelaksanaan Operasi Bersepadu Khazanah sejak tahun 2021 hingga Julai 2024 mencatatkan tangkapan seramai 431 orang warganegara dan 91 orang warga asing yang melibatkan sitaan berjumlah RM158.49 juta.

Selain itu, BP3 telah membuka peluang pekerjaan kepada komuniti Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Veteran PDRM, komuniti Orang Asli/Asal dan komuniti setempat. Pada tahun 2024, seramai 1,920 orang Renjer Hidupan Liar telah dilantik melalui program BP3 dengan peruntukan sebanyak RM60 juta. Program Renjer Komuniti BP3 telah menerima pengiktirafan daripada *Asia Environmental Enforcement Awards 2023* di bawah kategori *Collaboration* oleh *United Nations Environment Programme (UNEP)*.

### **Pemantauan dan Penguatkuasaan Hutan di Semenanjung Malaysia**

Pemantauan secara berkala dan berterusan ke semua kawasan HSK dilaksanakan melalui penggunaan teknologi *Geographic Information System* (GIS) dan *remote sensing* yang terkini. Pemantauan terhadap perubahan litupan kawasan berhutan dan perubahan guna tanah kawasan berhutan di dalam HSK dilaksanakan melalui pemerkasaan operasi War Room, JPSM. Laporan data perisikan daripada hasil pemantauan ini dikemukakan kepada Pengarah Perhutanan Negeri yang berkenaan untuk tujuan pengesahan (verifikasi) di lapangan dan tindakan penguatkuasaan segera.


JPSM menyasarkan pemantauan bulanan ke atas semua 595 HSK melalui pemerkasaan operasi War Room, JPSM. Tindakan pengesahan awal ini akan memberikan impak terhadap penguatkuasaan di lapangan oleh pihak penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri.

Selain itu, JPSM juga telah meningkatkan keupayaan Pasukan Penguatkuasaan Perhutanan yang dikenali sebagai *JPSM Elite Team* (JET) yang diselaraskan oleh Bahagian Penguatkuasaan Hutan JPSM. Pasukan taktikal ini adalah terdiri daripada pegawai/kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) yang telah diberikan latihan khas dalam operasi penguatkuasaan, perisikan, serbuan dan tangkapan. Pasukan ini akan digerakkan secara berpusat (*centralized*) dalam setiap operasi yang dijalankan.

Pasukan penguatkuasaan di JPN pada masa kini mempunyai kelengkapan operasi yang lebih baik dan terkini selaras dengan kemajuan teknologi seperti penggunaan dron dalam pemantauan harian, peralatan komunikasi yang lebih berkesan, pemasangan *camera trap* pemantauan dan langganan imej satelit terkini.

**Graf 4** menunjukkan tren kesalahan hutan di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 5 tahun kebelakangan ini (2019-2023). Berdasarkan graf ini, didapati jumlah kes kesalahan hutan pada tahun 2023 (259 kes) telah menunjukkan penurunan ketara berbanding dengan tahun 2019 (386 kes) dan tahun 2020 (437 kes).

**Graf 4: Bilangan Kes Kesalahan Hutan di Semenanjung Malaysia (2019-2023)**



Sumber: Slaid Pembentangan NRES pada 24 Oktober 2024


Penurunan ketara kes kesalahan hutan selepas tahun 2020 ini adalah kerana usaha-usaha penguatkuasaan hutan yang dipertingkatkan oleh JPN melalui kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan lain. Di samping itu, program-program kesedaran awam kepada pihak berkepentingan, masyarakat awam, pelajar sekolah dan penduduk setempat terutamanya kepada komuniti yang penempatan berhampiran dengan kawasan HSK turut dilaksanakan bagi memberikan kefahaman mengenai kepentingan pemeliharaan dan pengekalan kawasan berhutan.

### **Pemantauan dan Penguatkuasaan Hutan di Sabah**

Kerajaan Sabah melalui Jabatan Perhutanan Sabah (SFD) telah meningkatkan keupayaan pemantauan dan penguatkuasaan hutan dengan melaksanakan pelbagai inisiatif seperti berikut:

- i. memeterai memorandum persefahaman dengan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) untuk memantau perubahan litupan hutan melalui pembangunan sistem iForSabah melibatkan cerapan dan interpretasi maklumat imej satelit;
- ii. pembangunan sistem pengurusan spatial hutan melalui Projek Teknologi Geospatial di bawah RMKe-12 melibatkan kos pembangunan berjumlah RM7.6 juta dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui NRES;
- iii. pembangunan *Forest Danger Rating System* untuk memantau tahap ancaman dan kesiagaan menghadapi bencana kebakaran hutan;
- iv. penubuhan pasukan penguat kuasa taktikal khas, iaitu *PROTECT Team* yang dianggotai 50 orang kakitangan dengan kelengkapan latihan separa militer;
- v. menjalankan auditan *Sabah Timber Legality Assurance System* (Sabah TLAS) sejak tahun 2009 sehingga kini melibatkan auditan seluas 1.16 juta ha kawasan hutan simpan dan sebanyak 1,300 sijil pematuhan dikeluarkan kepada industri hutan huluan dan hiliran; dan
- vi. mewajibkan semua pelesen untuk mematuhi pensijilan pengurusan hutan kebangsaan dan antarabangsa, yang mana seluas 298,332 ha kawasan hutan asli dan 72,294 ha kawasan ladang hutan telah disijilkan.

**Graf 5: Bilangan Kes Kesalahan Hutan di Sabah (2019-2023)**



Sumber: Slaid Pembentangan NRES pada 24 Oktober 2024

Berdasarkan **Graf 5**, didapati sejak usaha pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan terutamanya dengan penubuhan Unit Khas PROTECT pada tahun 2019, terdapat peningkatan jumlah kes pada tahun 2020. Peningkatan ini berlaku sebagai kesan pemerkasaan penguatkuasaan di mana kaedah pengesanan dan tindakan adalah lebih berkesan. Terdapat impak yang positif terhadap pendekatan penguatkuasaan yang dijalankan apabila berlaku pengurangan jumlah kes kesalahan hutan pada tahun 2021 dan 2022 sebelum jumlah kes meningkat sedikit pada tahun 2023. Peningkatan kes pada tahun 2023 adalah disebabkan oleh aktiviti pembukaan tanah berimilik yang melibatkan beberapa kes kesalahan hutan.

Bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan hutan di Sabah, SFD mengesyorkan supaya rakan strategik jabatan iaitu MYSA dapat diiktiraf sebagai agensi berkepakaran (*subject matter expert*) berkenaan penggunaan imej satelit, bagi memastikan kewibawaan imej satelit dapat digunakan sebagai ekshibit pendakwaan dalam proses perbicaraan di mahkamah.

### **Pemantauan dan Penguatkuasaan Hutan di Sarawak**


Kerajaan Sarawak melalui FDS telah melancarkan inisiatif *Continuous Monitoring and Surveillance* (COMOS) untuk meningkatkan pengawasan dan pemantauan hutan secara berterusan menggunakan teknologi canggih. Inisiatif ini mengintegrasikan penggunaan imej satelit dengan kaedah verifikasi udara menggunakan pesawat khas. Pesawat ini membolehkan pemeriksaan fizikal dan pengumpulan data terperinci yang tidak dapat diperoleh melalui imej satelit sahaja. Dengan teknologi imej satelit, FDS dapat memperoleh gambaran menyeluruh tentang keadaan hutan dan aktiviti pembalakan di seluruh kawasan Sarawak secara *real-time*.

FDS juga telah mengembangkan keupayaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan membangunkan sistem-sistem aplikasi seperti *Sarawak Logs Tracking and Forest Revenue System* (REVLOG). REVLOG ialah sistem aplikasi dalam talian bagi mengurus dan memantau aktiviti pembalakan daripada pengeluaran lesen, pemindahan balak dan kutipan cukai pengusahasilan balak.

Selain itu, kejayaan dalam menangani masalah pembalakan haram di Sarawak juga merupakan hasil daripada sokongan politik yang kukuh dengan penubuhan *State Taskforce on Illegal Logging* (STIFL). STIFL ialah sebuah badan yang dianggotai oleh pelbagai agensi penguatkuasaan persekutuan dan negeri, termasuk FDS, PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan pelbagai agensi tempatan lain. Penubuhan *taskforce* ini dipimpin dan dipengerusikan oleh YB Timbalan Premier Sarawak, yang memastikan koordinasi dan kerjasama antara semua pihak berkepentingan dalam memerangi pembalakan haram.

**Graf 6** menunjukkan tren kesalahan hutan di Sarawak bagi tempoh 5 tahun (2019-2023). Berdasarkan graf ini, jumlah kes menunjukkan tren pengurangan. Antara faktor yang menyumbang kepada pengurangan jumlah kes adalah pindaan kepada FO 2015 (Chapter 71) yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 22 April 2015 dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 bagi menggantikan FO 1958 (Chapter 126). Pindaan ini merangkumi peningkatan nilai penalti dan hukuman serta menambah baik kuasa-kuasa pegawai hutan dan polis bagi menjalankan penguatkuasaan hutan.

**Graf 6: Bilangan Kes Kesalahan Hutan di Sarawak (2019-2023)**



Sumber: Slaid Pembentangan NRES pada 24 Oktober 2024

Bagaimanapun, terdapat peningkatan kes pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 disebabkan aktiviti pembukaan kawasan di Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) atau tanah milikan sendiri tanpa memohon lesen dan ia dianggap sebagai satu kesalahan hutan iaitu kesalahan menebang tanpa permit.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

**Ulasan PAC**

PAC bersetuju dengan syor SFD bahawa Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) perlu diiktiraf sebagai agensi berkepakaran (*subject matter expert*) berkenaan penggunaan imej satelit, bagi memastikan kewibawaan imej satelit dapat digunakan sebagai ekshibit pendakwaan dalam proses perbicaraan di mahkamah.

Sehubungan itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) perlu mengambil tindakan sewajarnya bagi memperkasakan MYSA dalam mengukuhkan lagi pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan hutan di Malaysia.

**4.5 Syor 5: Jabatan Perkhidmatan Awam dan kerajaan negeri juga perlu melaksanakan kajian keperluan perjawatan bagi memastikan sumber manusia mencukupi dari segi bilangan dan berkemahiran untuk menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara konsisten serta efektif;**

### **Maklum Balas NRES**

NRES telah mengadakan sesi libat urus bersama dengan Bahagian Perjawatan dan Organisasi (BPO), JPA pada bulan Ogos 2024 mengenai keperluan pelaksanaan kajian keperluan perjawatan. Pada sesi berkenaan, JPA memaklumkan bahawa kajian keperluan perjawatan perlu dilaksanakan berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan, PB3.1 berkenaan Garis Panduan Kawalan Perbelanjaan Awam (Kemas kini 2024) bertarikh 25 Julai 2024 masih terpakai dan perlu dipatuhi. PB3.1 menyatakan bahawa perwujudan jawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (*trade-off*) dan pindah butiran (*deployment*) serta tiada implikasi kewangan tambahan.

JPA turut memaklumkan perkara-perkara seperti berikut:

- i. dasar semasa dalam melihat sebarang keperluan perjawatan berdasarkan objektif organisasi, pertambahan atau pengurangan fungsi serta pertambahan kompleksiti tugas;
- ii. kajian keperluan perjawatan yang dilaksanakan perlulah berdasarkan kepada relativiti, kompleksiti dan beban tugas;
- iii. perbandingan dengan jawatan yang mempunyai fungsi tugas setara sama ada dalam kementerian yang sama mahupun dengan kementerian-kementerian lain juga perlu dikaji; dan
- iv. keperluan perjawatan mengikut keutamaan perlu dikaji bagi memastikan pertimbangan perjawatan adalah optimum.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

JPSM sedang melihat semula keperluan perjawatan secara menyeluruh khususnya melibatkan pengukuhan dan pemerkasaan fungsi pemantauan dan penguatkuasaan hutan di peringkat Ibu Pejabat JPSM dan juga di peringkat jabatan-jabatan perhutanan negeri di Semenanjung Malaysia. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengemukakan permohonan penstrukturkan organisasi kepada JPA pada tahun 2023 dan permohonan ini masih dalam perhatian JPA.

SFD telah selesai melaksanakan kajian perjawatan melalui JPA Wilayah Sabah pada tahun 2024 dan kini dalam proses pengisian jawatan.

FDS juga telah selesai melaksanakan kajian perjawatan melalui JPA Wilayah Sarawak pada tahun 2023 dan kini dalam proses pengisian jawatan. JPA telah meluluskan perjawatan melibatkan 143 jawatan pelbagai gred di bawah Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP) untuk melaksanakan fungsi pemantauan dan penguatkuasaan di Sarawak.

Maklumat perjawatan dan pengisian keseluruhan mengikut jabatan bagi tempoh tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5: Perjawatan dan Pengisian Keseluruhan (2022 – Jun 2024)**

Jabatan	Bilangan Jawatan Diluluskan oleh JPA/JPA Negeri	Pengisian Jawatan			Peratus Pengisian 2024 (%)
		2022	2023	2024	
JPSM*	729	587	584	566	77.64%
SFD	2022-2023: 1,802 2024: 1,796	1,175	1,152	1,240	69.04%
FDS	1,533	975	991	1,040	67.84%

Nota: \* Pegawai lantikan Persekutuan yang penempatannya di Ibu Pejabat JPSM dan JPN

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

Maklumat perjawatan dan pengisian bagi menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan mengikut jabatan bagi tempoh yang sama adalah seperti di **Jadual 6.**

**Jadual 6: Perjawatan dan Pengisian bagi Menjalankan Aktiviti Pemantauan dan Penguatkuasaan (2022 – Jun 2024)**

Jabatan	Bilangan Jawatan Penguatkuasaan Diluluskan oleh JPA/JPA Negeri	Pengisian Jawatan			Peratus Pengisian 2024 (%)
		2022	2023	2024	
JPSM*	459	380	379	361	78.65%
SFD	777	513	556	549	70.66%
FDS	796	450	465	560	70.35%

Nota: \* Pegawai lantikan Persekutuan yang penempatannya di Ibu Pejabat JPSM dan JPN

Secara umumnya, pengisian jawatan secara keseluruhan di jabatan perhutanan ketiga-tiga wilayah adalah antara 68-78%, manakala pengisian jawatan bagi menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan pula adalah antara 70-79%.

Seorang pegawai penguat kuasa perlu memantau hutan seluas 15,775 ha di Semenanjung Malaysia. Di Sabah, seorang pegawai penguat kuasa perlu memantau kawasan hutan seluas 8,526 ha. Manakala di Sarawak, seorang pegawai penguat kuasa perlu memantau kawasan hutan seluas 13,698 ha. Justeru, terdapat keperluan untuk pengisian penuh jawatan di jabatan-jabatan perhutanan bagi menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara efektif.

Cabarannya pemantauan dan penguatkuasaan isu alam sekitar juga semakin kompleks seiring dengan pembangunan yang di kecapi oleh negara termasuk isu alam sekitar yang timbul merentasi sempadan. Maklumat pengisian perjawatan di JAS adalah seperti di **Jadual 7.**

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

**Jadual 7: Pengisian Perjawatan di JAS (2022 – September 2024)**

Bilangan Jawatan Diluluskan oleh JPA	Pengisian Jawatan			Peratus Pengisian 2024 (%)
	2022	2023	2024 (sehingga 30/9/2024)	
*1539 (2022)				
*1528 (2023)	1,435	1,410	1,402	91.87%
*1526 (2024)				

Nota: \* Jumlah bilangan jawatan diluluskan JPA pada lajur kedua dilihat semakin berkurang kerana terdapat jawatan Penolong Jurutera (JA29) yang bersifat Jawatan Sementara Pertukaran Skim. Jawatan ini akan dimansuhkan apabila penyandangnya bersara.

Peratus pengisian bagi tahun 2024 adalah melebihi 90 peratus namun jumlah ini tidak mencukupi dan perlu dikaji semula. Sehubungan itu, JAS sedang melihat semula keperluan perjawatan secara menyeluruh khususnya melibatkan pengukuhan dan pemerkasaan fungsi pemantauan dan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] termasuk mengenai penguatkuasaan EIA sebelum permohonan dikemukakan kepada JPA melalui NRES.

Pengukuhan perjawatan JAS akan memberi tumpuan untuk memperkasakan keseluruhan perjawatan di JAS Ibu Pejabat, JAS Negeri dan Cawangan. Penstrukturkan semula dan pengukuhan organisasi secara keseluruhan ini perlu dilakukan kerana kali terakhir penstrukturkan semula jawatan di JAS adalah pada tahun 2002.

Bagi penstrukturkan semula jawatan di ibu pejabat, ia melibatkan aspek kawal selia terhadap obligasi antarabangsa, pengurusan buangan terjadual, penyiasatan melalui kaedah forensik alam sekitar, tindakan khas dan risikan serta operasi tangkapan. Manakala bagi JAS Negeri dan Cawangan, cadangan naik taraf cawangan sedia ada serta pewujudan pejabat JAS Daerah di beberapa buah negeri disyorkan kerana keperluan penguatkuasaan termasuk bagi hal berkaitan penguatkuasaan keperluan EIA secara lebih intensif di peringkat lapangan.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

Bagi JMG pula, peratus pengisian ialah 87.41 peratus tetapi perjawatan sedia ada tidak mencukupi disebabkan oleh kompleksiti tugas pada masa kini.

JMG sedang melaksanakan cadangan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara. Perkara ini telah diangkat ke Jemaah Menteri dan dipersetujui secara prinsip pada Februari 2024. Sehubungan itu, kertas cadangan ini sedang dimuktamadkan sebelum dikemukakan kepada JPA dalam tempoh terdekat. Cadangan pengukuhan organisasi JMG dilaksanakan setelah urusan penubuhan Pusat Bencana Geologi dilakukan.

JMG telah mengenal pasti beberapa isu utama yang akan diberi perhatian dalam Kajian Pengukuhan Organisasi JMG seperti berikut:

- i. kekurangan pegawai bagi melaksanakan aktiviti penguatkuasaan;
- ii. pertindihan tugas antara pelesenan dan penguatkuasaan di mana pengasingan dua tugas ini perlu dilaksanakan dalam dua unit berbeza; dan
- iii. keperluan perjawatan pegawai undang-undang JMG kerana JMG merupakan satu-satunya jabatan yang tidak mempunyai pegawai undang-undang. Pada masa ini, nasihat perundangan dirujuk kepada penasihat undang-undang NRES.

### **Ulasan PAC**

JPA perlu memastikan keperluan perjawatan yang dipohon oleh JPSM, SFD, FDS, JAS dan JMG diteliti serta dipenuhi dengan kadar segera dan secara teratur.

- 4.6 Syor 6: NRES perlu melaksanakan libat urus bersama kerajaan negeri untuk menggalakkan pemakaian Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 [A1667] supaya amalan piawaian standard digunakan seperti yang digariskan dalam akta.**

**Maklum Balas NRES**

Sehingga 31 Ogos 2024, hanya negeri Perlis sahaja telah menerima pakai Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 [Akta A1667] pada 1 April 2023. Manakala, status pemakaian Akta A1667 bagi negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8: Status Pemakaian Akta A1667 di Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sehingga 31 Ogos 2024**

Negeri	Status Pemakaian Akta A1667
Kelantan	Proses warta dan pemakaian
Kedah	
Melaka	Proses pembentangan di Dewan Undangan Negeri (DUN)
Pulau Pinang	
Negeri Sembilan	
Pahang	Tindakan Penasihat Undang-undang (PUU) negeri
Perak	
Selangor	
Terengganu	
Johor	Proses konsultasi dengan agensi negeri
Wilayah Persekutuan	Penguatkuasaan Akta A1667 akan disekalikan dengan Kaedah-kaerah Siasatan Awam (Pengeluaran Kawasan Tanah daripada Hutan Simpanan Kekal) (Wilayah Persekutuan) 2024 yang kini dalam peringkat semakan Jabatan Peguam Negara (AGC).  Jangkaan tarikh kuat kuasa Akta A1667 di Wilayah Persekutuan adalah pada 1 Disember 2024.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

Bagi menggalakkan negeri-negeri menyegerakan pemakaian akta ini, Kerajaan Persekutuan melalui NRES telah menjadikan pemakaian Akta A1667 dalam Enakmen Perhutanan Negeri masing-masing sebagai kriteria tambahan dalam pemberian insentif *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT).

Di samping itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Peringkat Nasional Siri 2 Bil.2/2024 telah bersetuju supaya proses penyiasatan awam diguna pakai di semua JPN di Semenanjung Malaysia. Keputusan ini telah dimaklumkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri semasa Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia yang berlangsung pada 6 hingga 9 Oktober 2024.

**Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum mengenai perkara ini dan berharap Akta A1667 akan segera diguna pakai oleh negeri-negeri yang masih mempertimbangkan mengenai perkara ini.

- 4.7 Syor 7: NRES perlu memastikan JAS segera melaksanakan penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] kepada Jabatan PERHILITAN supaya pematuhan dan penguatkuasaan WMP dapat segera dilaksanakan bagi menangani konflik manusia-hidupan liar.**

**Maklum Balas NRES**

Draf Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pemakaian Kuasa Kepada Agensi) 2024 telah disediakan dan kini sedang dalam peringkat semakan. Draf ini dijangka akan dimuktamadkan pada akhir tahun 2024 sebelum dikemukakan kepada AGC. Dalam hal ini, Jabatan PERHILITAN telah disenaraikan dalam jadual sebagai agensi yang diwakilkan kuasa oleh Ketua Pengarah JAS bagi menguatkuasakan WMP.

**Ulasan PAC**

Jabatan PERHILITAN perlu memastikan pematuhan dan penguatkuasaan WMP dilaksanakan dengan tegas, cekap dan teratur selepas diwakilkan kuasa oleh JAS kelak.

**5. PENUTUP**

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen DR. 20/2024 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**



**LAPORAN PROSIDING  
(HANSARD)**

**TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN PADA**

**ISNIN, 14 OKTOBER 2024**

**DAN**

**KHAMIS, 24 OKTOBER 2024**



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 14 Okt 2024

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Tindakan Susulan:  
Prosiding Tindakan Susulan berhubung Auditan Khas  
Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar

- (i) **Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**  
YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz  
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)]
- (ii) **Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)**  
YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip  
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
- (iii) **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)**  
YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim  
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
- (iv) **Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)**  
YBhg. Datuk Zamri bin Ramli  
Ketua Pengarah
- (v) **Jabatan Perhutanan Sabah (JPS)**  
Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto  
Timbalan Ketua Konservator Hutan
- (vi) **Jabatan Hutan Sarawak (JHS)**  
YBhg. Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad  
Pengarah Hutan Sarawak

PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 14 OKTOBER 2024

### AHLI-AHLI JAWATANKUASA

#### Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi  
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]  
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

#### Tidak hadir [Dengan maaf]

YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

### URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan, Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit, Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit, Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha, Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

### HADIR BERSAMA

#### Jabatan Peguam Negara (AGC)

Puan Wan Sabariah binti Wan Mamat [Peguam Kanan Persekutuan]

#### Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

#### Kementerian Kewangan (MoF)

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

#### **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Encik Mohd Mustakim bin Muhamad Sedeck [Penguasa Kanan (Bahagian Siasatan)]

Encik Mohd Hazni bin Mohd [Penguasa Kanan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Encik Arfahairy bin Aris [Penolong Pegawai Penyiasat (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

#### **Jabatan Audit Negara (JAN)**

Puan Azizah binti Daud [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian 1, Sektor Audit Prestasi)]

Puan Nor Munirah binti Sidik [Penolong Pengarah (Bahagian 1, Sektor Audit Prestasi)]

#### **Kementerian Ekonomi (KE)**

Puan Zawati Yusrah binti Zainuddin [Timbalan Pengarah II (Bahagian Ekonomi Alam Sekitar dan Sumber Asli)]

#### **Jabatan Akauntan Negara (JANM)**

Encik Hafizal bin Ahmad [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Puan Hanim binti Abdul Rahim [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

### **SAKSI**

#### **Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**

YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)]

Encik Mohd Ridha bin Mohsin [Ketua Penolong Pengarah Belanjawan Negara]

#### **Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)**

YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip [Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) (Sektor Sumber Asli)]

Encik S. Siva Kumar [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan)]

Puan Nadzmin binti Ahmad Nazir [Timbalan Setiausaha Bahagian (Pengurusan Perhutanan) (Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan)]

#### **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)**

YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim [Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia]

YBrs. Tuan Mohd Radhi Chu bin Abdullah [Pengarah Kanan (Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan)]

#### **Jabatan Perhutanan Sabah (JPS)**

Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto [Timbalan Ketua Konservator Hutan]

Puan Fong Pek Yee [Pemelihara Hutan]

**Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)**

YBhg. Datuk Zamri bin Ramli [Ketua Pengarah]

YBhg. Dato' Nurul Huda bin Romli [Pengarah Cawangan Perkhidmatan Lombong dan Kuari]

**Jabatan Hutan Sarawak (JHS)**

YBhg. Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah Hutan Sarawak]

YBrs. Abang Arabi bin Abang Aimran [Pengurus Besar]

Encik Semilan Anak Ripot [Timbalan Pengarah Hutan Sarawak]

Encik Jeremy Ayum Juan [Pemelihara Hutan]

Encik Jerry Radin Anak Gasan [Pegawai Hidupan Liar (Sarawak Forestry Corporation)]

**Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN)**

Encik Noor Alif Wira bin Osman [Pengarah (Bahagian Penguatkuasaan)]

**Jabatan Alam Sekitar**

YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari [Timbalan Ketua Pengarah Operasi]

**Malaysia Forest Fund (MFF)**

Puan Suhaini binti Haron [Senior Director Corporate Development & Strategy]

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA**

**BILIK JAWATANKUASA 1,  
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,  
PARLIMEN MALAYSIA**

**ISNIN, 14 OKTOBER 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.01 tengah hari**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempergerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat tengah hari saya ucapkan kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan juga seluruh ahli-ahli ex-officio PAC yang terdiri dari Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir ke mesyuarat pada tengah hari ini.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, prosiding tindakan susulan pada hari ini adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) terhadap syor-syor PAC dalam Laporan Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar D.R.20/2024 yang telah pun dibentangkan dari Parlimen Malaysia pada 11 Julai 2024.

Jadi, hadir di hadapan PAC pada hari ini yang pertamanya, Yang Berbahagia Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP Dasar), Kementerian Kewangan (MoF) yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Keduanya, Yang Berbahagia Puan Norsham binti Abdul Latip, TKSU Sumber Asli (NRES) yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha NRES dan yang ketiga Yang Berbahagia Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Keempat, Yang Berbahagia Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Hutan Sarawak, Jabatan Hutan Sarawak. Dekat mana ya? Belakang? Okey. Dan Yang Berusaha Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto, Timbalan Ketua Konservator Hutan, Jabatan Perhutanan Sabah.

Untuk makluman ahli-ahli mesyuarat sekalian, terdapat tujuh syor PAC yang telah pun dikemukakan. Yang pertama iaitu NRES perlu membentangkan kepada PAC dapatan

dari pada projek rintis perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di dalam kawasan HSK yang telah pun dijalankan serta butiran lengkap projek rintis berkenaan.

Keduanya, NRES perlu segera meminda Akta Pembangunan Mineral 1994 iaitu Akta 525 supaya tindakan terhadap aktiviti perlombongan haram dapat dilaksanakan.

Yang ketiga, NRES perlu terus berusaha bagi mendapatkan komitmen daripada kerajaan negeri ataupun wilayah untuk mengurangkan aktiviti pembalakan serta memfokuskan ekopelancongan dan inisiatif perdagangan karbon supaya impak negatif dapat diminimumkan.

Yang keempat, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah (SFD) dan Jabatan Hutan Sarawak (FDS) bersama-sama dengan pihak kerajaan negeri serta agensi yang terlibat dengan pengurusan perhutanan dan tanah perlu lebih aktif melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan termasuk menggunakan teknologi terkini.

Yang kelima, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kerajaan negeri juga perlu melaksanakan kajian keperluan perjawatan bagi memastikan sumber manusia mencukupi dari segi bilangan dan juga berkemahiran untuk menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara konsisten dan juga efektif.

Yang keenam, NRES perlu melaksanakan libat urus bersama dengan kerajaan negeri untuk menggalakkan pemakaian Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 (A1667) supaya amalan piawaian standard digunakan sebagaimana yang digariskan dalam akta.

Yang ketujuh, NRES perlu memastikan Jabatan Alam Sekitar (JAS) segera melaksanakan penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) supaya pematuhan dan penguatkuasaan Pelan Pengurusan Hidupan Liar dapat segera dilaksanakan bagi menangani konflik manusia dengan hidupan liar.

Sehubungan dengan itu, saya berharap MoF dan juga NRES telah bersedia untuk memberikan maklum balas terhadap syor-syor ini sebagaimana yang telah pun dikehendaki di dalam Arahan Perbendaharaan 304(B) bagi Tahun 2023. Selepas daripada prosiding ini, PAC akan mengadakan satu lagi mesyuarat penyediaan Laporan Tindakan Susulan ini dan akan dibentangkan di Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Ketiga pada tahun ini juga. Jadi, tanpa membuang masa saya dengan ini menjemput Yang Berbahagia Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan Dato'. Terima kasih.

**Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz [Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)]:**  
*Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat tengah hari. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Malaysia; Yang Berhormat Puan Teresa Kok, Timbalan Pengerusi PAC Parlimen; Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC Parlimen; Yang Berusaha Puan

Norsham binti Abdul Latip, Timbalan Ketua Setiausaha Sumber Asli, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES); dan pegawai-pegawai ex-officio kementerian dan Sekretariat PAC Parlimen.

Saya Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Kewangan. Sebelum saya hendak mulakan, saya hendak sampaikan salam daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan yang mohon maaf tidak dapat hadir pada sesi ini, terlibat dengan kerja-kerja untuk memuktamadkan bajet yang akan dibentangkan pada hari Jumaat ini.

So, bersama-sama saya pada hari ini adalah rakan-rakan daripada NRES yang terdiri daripada Puan Norsham binti Abdul Latip, Timbalan KSU NRES dan juga kakitangan daripada jabatan-jabatan berkaitan termasuklah juga Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Perhutanan Sarawak. Pembentangan ini seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pengerusi adalah susulan daripada syor-syor PAC berhubung dengan pengurusan hutan dan impak kepada alam sekitar yang telah dibuat oleh Jabatan Audit Negara.

Susulan daripada audit khas— pembentangan khas yang berhubung pengurusan hutan dan impak kepada alam sekitar seperti yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022, PAC Parlimen telah memutuskan untuk membawa isu ini dalam empat prosiding antara 12 Disember 2023 hingga pada 29 Januari 2024. Laporan PAC berhubung isu ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 11 Julai di mana terdapat tujuh syor PAC seperti yang telah dinyatakan oleh Pengerusi tadi yang berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh pegawai pengawal selaras dengan Arahan Perbendaharaan Pindaan 2023 304(B).

Dalam konteks ini, pihak NRES melalui Kementerian Kewangan telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim bagi isu ini kepada PAC Parlimen pada 9 Ogos 2024 dan laporan akhir pada 26 September 2024. Oleh itu, pada hari ini Kementerian Kewangan bersama NRES akan membentangkan kepada PAC Parlimen status tindakan susulan yang telah dilaksanakan terhadap syor-syor PAC berhubung dengan isu ini. Sebelum diteruskan dengan— untuk pembentangan oleh Timbalan KSU NRES untuk membentangkan tindakan-tindakan yang telah diambil, izinkan saya untuk berkongsi mengenai proses verifikasi yang telah— terhadap tindakan susulan pegawai pengawal yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan dan Sekretariat PAC.

#### ■1210

Untuk makluman Yang Berhormat, sesi verifikasi lawatan fizikal di empat negeri berhubung dengan syor 1, 3 dan 4 PAC telah dilaksanakan.

Antara lain seperti berikut, pada 6 Ogos 2024 adalah dilaksanakan di *war room* Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur berkaitan syor 4 PAC iaitu aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan menerusi penggunaan teknologi terkini.

Pada 15 Ogos 2024, di tapak perintis perlombongan unsur nadir bumi (REE) Mukim Kenering, Hulu Perak untuk syor 1 PAC. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli PAC, lokasi ini adalah di luar hutan simpan kekal kerana Projek Perintis Perlombongan REE dalam hutan simpan kekal masih belum dilaksanakan.

Pada 22 Ogos 2024 di Sandakan, Sabah untuk syor 3 dan 4 PAC iaitu di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Sabah, taklimat aktiviti penguatkuasaan, inisiatif perdagangan karbon dan sistem aplikasi iForSABAH yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Puan Vivian dan dua produk ekopelancongan di Sandakan iaitu di Pusat Pemuliharaan Beruang Matahari Borneo dan juga *Rainforest Discovery Centre*.

Seterusnya pada 4 dan 5 September 2024 untuk syor 3 dan 4 di Sarawak iaitu Ibu Pejabat Jabatan Hutan Sarawak, taklimat aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan hutan serta inisiatif perdagangan karbon. Seterusnya, harga Hornbill Kuching, lawatan dan demonstrasi pemantauan menggunakan teknologi *hyperspectral* dan tiga produk ekopelancongan iaitu Semenggoh Wildlife Centre, Tasik Biru, Sarawak Delta Geopark dan juga Fairy Cave di Bau, Sarawak.

Daripada pemerhatian *team* Kementerian Kewangan hasil daripada lawatan-lawatan verifikasi tersebut adalah seperti berikut. Maknanya, secara umumnya kaedah perlombongan REE secara *in situ leaching* seperti yang dilaksanakan di projek perintis di Kenering, Perak dilihat sebagai mampan. Walau bagaimanapun, cadangan pelaksanaan projek perlombongan REE di dalam kawasan hutan simpan kekal, memerlukan kajian lebih terperinci kerana dikhuatir akan mendedahkan kawasan tersebut kepada risiko pencerobohan, pencemaran dan juga gangguan kepada habitat hidupan liar.

Kedua, pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak telah mengambil tindakan proaktif bagi memantapkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan hutan termasuk memanfaatkan penggunaan teknologi seperti *Geographic Information System* (GIS), *remote sensing*, dron, peralatan komunikasi dan *camera trap* dan langganan imej satelit terkini.

Ketiga, inisiatif *Continuous Monitoring and Surveillance* (COMOS) yang mengintegrasikan penggunaan imej satelit dengan kaedah verifikasi udara menggunakan pesawat khas DA42-MPP. Sistem aplikasi seperti *Sarawak Logs Tracking and Forest Revenue System* (REVLOG) dan juga *Enterprise Forest Information Management System* di Sarawak merupakan amalan terbaik bagi aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan hutan.

Keempat, inisiatif perdagangan karbon seperti yang telah mula dilaksanakan di Hutan Simpan Kuamut, Sabah dan akan datang di Sarawak merupakan satu usaha yang mampan dalam mengekalkan kelestarian alam sekitar tanpa mengabaikan aspek ekonomi dan mampu memberi impak positif kepada sosioekonomi komuniti setempat.

Terakhir adalah pengurusan aktiviti ekopelancongan yang dilawati di Sabah dan Sarawak adalah sistematik dan fasiliti juga didapati diselenggara dan diuruskan dengan baik serta telah berjaya menarik kehadiran pelancong dari luar dan dalam negara.

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan laporan serta verifikasi yang telah dilaksanakan, pihak Kementerian Kewangan berpandangan bahawa pihak NRES telah dan sedang melaksanakan tindakan-tindakan sewajarnya terhadap syor-syor PAC berhubung dengan perkara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, izinkan saya untuk menjemput Timbalan Ketua Setiausaha NRES bagi menyampaikan taklimat yang lebih *detail* untuk selanjutnya. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)]:** Terima kasih Dato' TKSP. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Salam Malaysia Madani.

Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai kanan kementerian; Dato', Datuk, tuan-tuan yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, bagi pihak Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, beliau menyampaikan salam tidak dapat hadir pada hari ini kerana ada tugas rasmi di Kota Kinabalu.

Saya juga bagi pihak NRES ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa dan amat mengalu-alukan segala pandangan, teguran dan juga intervensi dalam siri PAC yang lepas bagi membantu mengukuhkan lagi pengurusan hutan di negara ini.

Selain daripada Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Sarawak, bersama-sama saya pada hari ini juga adalah Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains, TKP Jabatan Alam Sekitar dan juga TKP daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar (PERHILITAN) dan juga Puan Suhaini binti Haron, pemangku Ketua Pegawai Eksekutif *Malaysia Forest Fund*.

Okey, *next slide*. Sebelum memulakan pembentangan pada hari ini, saya ingin menarik segala perhatian semua ahli mesyuarat terhadap Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Bidang kuasa Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) adalah dalam memberikan nasihat mengenai pengurusan dan pembangunan hutan serta menjalankan penyelidikan dan khidmat latihan.

Menyedari pengurusan dan pemeliharaan hutan adalah tanggungjawab kolektif Kerajaan Persekutuan dan negeri, Majlis Tanah Negara telah diwujudkan di bawah Perlembagaan Persekutuan sebagai satu platform untuk Kerajaan Persekutuan dan negeri membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan dasar perhutanan dan pengurusan hutan di Malaysia.

Sejak penubuhan MTN, beberapa keputusan dasar penting melibatkan sektor perhutanan telah diputuskan secara bersama penglibatan kerajaan negeri. Contohnya, seperti penetapan catuan tebangan tahunan, penggubalan Dasar Perhutanan Malaysia pada tahun 2021, penggubalan Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 dan lain-lain lagi. Ini jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam menjaga dan menguruskan khazanah negara yang tidak ternilai.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Penggerusi dan juga Dato' TKSP tadi, pembentangan saya hari ini akan mengemukakan maklumat dan tindakan susulan terhadap tujuh syor PAC.

Saya mulakan dengan syor pertama iaitu NRES perlu membentangkan kepada PAC dapatan daripada projek rintis perlombongan unsur nadir bumi di dalam kawasan hutan simpanan kekal yang telah dijalankan serta butiran lengkap projek perintis berkenaan. Untuk makluman Ahli PAC, projek rintis perlombongan REE kini sedang dijalankan di Mukim Kenering, Hulu Perak yang meliputi kawasan seluas 87.459 hektar dan berada di luar kawasan hutan simpanan kekal.

Pihak berkuasa negeri Perak telah mengeluarkan lesen melombong tuan punya atau PML kepada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak bagi sebahagian lot tanah PT.1761 untuk tempoh 30 tahun bermula dari 18 Januari 2021 sehingga 17 Januari 2051. Projek rintis ini secara rasminya telah beroperasi pada Oktober 2022 yang mana pihak penggerak projek ialah syarikat MCRE Resources Sdn. Bhd. Sepanjang pelaksanaan aktiviti perlombongan yang dijalankan dalam tempoh 23 bulan bermula dari bulan Oktober 2022 hingga Ogos 2024, sebanyak 13,032 tan metrik bahan mentah REE dalam bentuk *rare earth carbonate* (REC) telah dihasilkan. NRES telah meluluskan pengeksportan REC sebanyak 8,300 tan metrik.

## ■1220

Berdasarkan rekod pengeksportan REC yang diterima daripada pihak penggerak projek, sebanyak 8,143.40 tan metrik telah dieksport ke Republik Rakyat China. Kerajaan juga telah menetapkan moratorium pengeksportan bahan mentah REE di seluruh negara berkuat kuasa melalui 1 Januari 2024 sebagai inisiatif untuk membangunkan industri NRREE di peringkat pertengahan dalam negara.

Pelaksanaan moratorium ini dilihat/dinilai setiap enam bulan. Bagi negeri Perak, moratorium pengeksportan diberikan sehingga 2 April 2024. Namun selaras dengan

keputusan Jemaah Menteri pada 3 September 2024, NRES telah memberi semula kebenaran eksport kepada syarikat MCREE Resources Sdn. Bhd. pada 25 September 2024. Pengeksportan dibenarkan untuk kuantiti 8,000 tan metrik yang telah diteliti dan diperakui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengeluaran Lesen Eksport Bilangan 3 2024 pada 13 Mac 2024. Tempoh sah lesen eksport adalah selama 12 bulan selaras dengan tempoh sah lesen eksport yang dikeluarkan oleh NRES.

*Standard operating procedure* (SOP) NRREE negeri Perak telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Disember 2021 dan telah diguna pakai bagi tujuan pemantauan dan kawalan aktiviti perlombongan yang dijalankan di tapak projek perintis Mukim Kenering, daerah Hulu Perak. Pengauditan projek perintis perlombongan REE di Mukim Kenering, daerah Hulu Perak telah dilaksanakan oleh jawatankuasa audit yang ditubuhkan dan diketuai oleh Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak bagi menilai keberkesanan pematuhan pemakaian SOP REE negeri Perak.

Pengauditan pematuhan SOP merangkumi pematuhan di peringkat praperlombongan, semasa perlombongan dan pascaperlombongan. Jawatankuasa audit terdiri daripada 11 agensi teknikal dan penguatkuasaan seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, Jabatan Perhutanan Perak, Jabatan Pengairan dan Saliran Perak, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Perak, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Majlis Daerah Gerik, Jabatan Tenaga Atom Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Hasil pengauditan mendapati bahawa pengauditan pematuhan SOP di peringkat praperlombongan menunjukkan projek perintis perlombongan tersebut telah mematuhi keperluan perundangan yang berkaitan. Antaranya seperti permohonan tenemen mineral, penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA), pelan pengurusan alam sekitar (EMP) dan juga kebenaran merancang. Di peringkat semasa perlombongan mendapati bahawa terdapat beberapa ketidakpatuhan penggerak projek ke atas kelulusan yang telah dikeluarkan. Antaranya daripada aspek kawalan runtuhan cerun dan pemantauan kawalan pencemaran. Namun begitu, tindakan penambahbaikan telah diambil oleh penggerak projek setelah teguran dibuat.

Di peringkat pascaperlombongan pula, melibatkan penilaian ke atas penyediaan pelan penutupan lombong. Untuk makluman, pengauditan bagi peringkat pascaperlombongan masih belum dapat dilaksanakan memandangkan kerja-kerja pengekstrakan unsur nadir bumi masih lagi dijalankan. Itu untuk syor yang pertama, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Boleh tanya?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Adakah *stop* di sini ataupun saya teruskan?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya. Siapa hendak tanya?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Bagi dahulu.

**Seorang Ahli:** Maybe syor, soalan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Better. Kita pergi syor by syorlah ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey. Syor by syor sebab itu banyak sangat kan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebab yang ini baru syor yang pertama. Ada muka surat belakang lagi kan untuk ini? Okey.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Yang seterusnya adalah syor yang kedua. Yang ini, dah. Ini stop sini.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Syor by syor.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Ini yang pertama.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, Dato'.  
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey. Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Soalan saya yang pertama ialah kita buat ini di negeri Peraklah. Bagaimana pula negeri-negeri lain yang belum dimulakan projek ini seperti di Kedah, di Terengganu dan banyak lagi negeri yang banyak orang kata REE ya?

Keduanya ialah daripada pengalaman kita di Perak, apa kesan terhadap alam sekitar? Ketiga, ialah kita gunakan hutan simpan kekal. Apa kesannya dan bagaimana kerajaan negeri untuk mengeluarkan kawasan ini daripada hutan simpanan? Itu tiga soalan saya, Datuk Wira Pengerusi. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Saya jawab terus ya. Terima kasih Yang Berhormat. Untuk negeri-negeri lain, di peringkat NRES, kita telah membangunkan SOP NR-REE di Malaysia bagi memantau dan juga mengawal aktiviti perlombongan REE yang akan dijalankan. Jadi, SOP ini telah dipersetujui di peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 2023 dan SOP ini telah pun diedarkan kepada negeri-negeri untuk – sebagai rujukan kepada negeri-negeri sekiranya ingin melaksanakan perlombongan REE. Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua tentang kesan alam sekitar di Perak dan juga kesan kepada HSK. Untuk makluman, untuk projek perintis di Kenering, ia dilaksanakan di luar hutan simpanan kekal. Untuk makluman ahli mesyuarat juga, dasar sedia ada kementerian adalah kita tidak benarkan perlombongan REE di dalam kawasan hutan simpanan kekal, kawasan sensitif alam sekitar dan juga kawasan *totally protected area*.

Jadi, buat masa ini, yang di Perak itu adalah kawasan ladang getah dilaksanakan REE berkenaan. Kesan alam sekitar seperti yang saya maklumkan tadi, yang dijalankan oleh auditan tersebut didapati ada ketidakpatuhan tentang aspek kawalan runtuhan cerun dan juga pemantauan kawalan pencemaran tetapi yang ini telah diambil tindakan oleh pihak NCRC dan juga pihak-pihak pemaju projek.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh tak terangkan kepada PAC berkenaan dengan pada 1 Januari 2024 itu yang mengatakan untuk moratorium pengeksportan bahan mentah REE di seluruh negara. Boleh *explain* lebih *on that*?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey. Jemaah Menteri menetapkan untuk moratorium pengeksportan sebab kerajaan hendak memastikan REE ini diproses di peringkat dalaman dalam negara iaitu di peringkat pertengahan dan juga hiliran. Jadi, pada masa ini – dan kementerian juga, NRES, telah diminta untuk membentangkan hala tuju tentang *business model* berkaitan dengan REE. Pada 5 Ogos yang lepas, NRES telah membentangkan di Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Pada masa mesyuarat tersebut, juga ditekankan supaya peringkat pertengahan dan juga hiliran ini ditekankanlah sebab kita tak nak hasil daripada dalam negara ini terus dibawa untuk ke luar negara *especially* kepada Kerajaan China.

Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, China merupakan negara utama yang untuk REE ini dan mereka mempunyai dasar di mana...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Perkara utama apa tadi?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Negara utama...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Pelanggan?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Pemain utama untuk industri REE ini dan mereka mempunyai dasar di mana tidak dibenarkan teknologi itu datang ke Malaysia.

Jadi, semasa dalam mesyuarat MTEN yang lepas, kita telah membincangkan perkara ini juga dan keperluan untuk G2G punya dua hala untuk perbincangan di antara peringkat tertinggi di Malaysia dengan Kerajaan China untuk memastikan bahawa bahan mentah tersebut kita majukan industri *midstream* di dalam Malaysia dan tidak dihantar ke China.

Untuk...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada tak – kejap ya. Ada tak usaha daripada pihak kerajaan bukan hanya fokus kepada China tetapi mungkin ada negara lain yang ada *that the same technology* ataupun teknologi lebih baik? Ada tak kementerian kenal pasti?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey, kita telah mengadakan beberapa siri perbincangan sebenarnya dan kita juga didatangi oleh pihak Amerika Syarikat, Korea pun

datang, Japan pun datang dan sebagainya. Tetapi kalau kita lihat dari segi industri REE ini, sebenarnya yang nombor satu adalah China.

■1230

Kalau teknologi itu di luar daripada China yang keduanya adalah kita punya syarikat LYNAS dekat Pahang. Tapi dia memproses bahan REE bentuk mineral daripada Australia dia bawa ke sini. Jadi, kita juga dalam perbincangan perjumpaan dengan beberapa pemain syarikat-syarikat China dan sebagainya. Pada masa ini memang kita perlukan bilateral di antara dua negara untuk pastikan China sanggup untuk memberi teknologi itu kepada Malaysia. Mungkin Datuk KP...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** YB Wira Pengerusi. Saya nak tambah sedikit. Tadi dalam jawapan Menteri MITI terhadap perkara ini khususnya REE. Beliau menyatakan bahawa kita akan pastikan supaya kita ada industri hiliran. Bukan sahaja pertengahan. Hiliran terus kepada produk supaya kita dapat memaksimumkan *benefit* daripada industri REE dalam negara. Itu disebut dengan jelas. Tapi sekarang kita ada masalah oleh kerana China tak mahu nak bagi teknologi dia. Tapi mungkin ada opsyen lain iaitu dia buat *investment* di sini, guna teknologi dia di sini. Bukan dia bagi kepada kita tapi kita belajar lah daripada situ. Kita kena juga cari opsyen yang saya pasti ialah Australia dan Amerika Syarikat amat serius dalam REE ini. Bukan sahaja China sebagai pemain utama. Tapi yang selalu duk berlegar di sini ialah syarikat-syarikat melalui China. Kita perlu berikan penekanan juga kepada negara-negara lain seperti Korea yang disebutkan tadi, Amerika Syarikat dan juga Australia.

Lagi satu, di sini disebutkan bahawa pengeksportan sebanyak 8,300 tan telah pun dihantar ke China. Itu kita dah *break* kita punya polisi dah. Kita dah hantar. *Then* kalau ini berterusan dan kita punya dasar kita untuk mengembangkan ekonomi gunakan sepenuhnya hasil daripada REE ini tidak tercapai. Itu sahaja Datuk Pengerusi. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Siapa boleh jawab?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Untuk makluman juga, berikut daripada pelaksanaan moratorium pengeksportan REE yang telah dikuatkuasakan, pihak syarikat yang beroperasi di Perak menghadapi dalam keadaan kewangan yang teruk disebabkan *reserve tunai* yang berkurangan. Malahan untuk memastikan— sebab kita tak boleh nak *stop* perlombongan itu terus begitu sahaja sebab dia akan mendatangkan impak kepada alam sekitar. Jadi, dia punya aktiviti di Kenering itu masih berjalan ketika itu.

Bagi sebab rekod di peringkat Perak mendapat bahawa terdapat seramai 160 orang pekerja tempatan yang terlibat dalam aktiviti perlombongan REE di Mukim Kenering ini. Berdasarkan anggaran kos perbelanjaan bahan mentah, tenaga kerja, bahan bakar, tenaga dari segi penyelenggaraan dan pemberian dianggarkan pihak syarikat memerlukan

perbelanjaan komitmen sebanyak RM37.4 juta daripada bulan Ogos hingga Disember 2024 secara purata untuk pengoperasian di Kenering. Lagipun kita di peringkat NRES kita dah bawa benda ini kepada Jemaah Menteri untuk keputusan. Pertimbangan Jemaah Menteri untuk memberikan setahun pelepasan moratorium untuk Kenering ini. Mungkin saya jemput Datuk KP JMG kalau nak tambah. Boleh ya?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Yang Berhormat Datuk Wira Pengurus dan Ahli-ahli PAC. Selain daripada apa yang diterangkan oleh Puan TKSU(SA), satu lagi komitmen daripada syarikat itu sendiri dengan kerajaan China itu. Maknanya dalam perjanjian itu dia perlu menghantar sebab apa? Rombongan itu sebenarnya dibangunkan sepenuhnya dengan teknologi China, di Kenering itu. Salah satu daripada komitmen yang perlu dipenuhi adalah untuk menghantar bahan yang telah diproses ke China. Tapi ada juga rundingan yang akan dibuat untuk membolehkan teknologi untuk *midstream* itu diperoleh. Tetapi itu melibatkan peringkat yang tertinggi. Tapi di peringkat *midstream* yang difahamkan apa perbincangan kami ialah di NRES—China tak ada masalah untuk nak *invest* dalam *downstream*. Di peringkat *midstream* sahaja. Ada cadangan supaya sebabnya dia bagi moratorium itu 12 bulan, kan? 12 bulan. Sebab itu kita akan *revised* balik supaya separuh diimport dalam masa yang sama kita akan *develop* teknologi di *midstream* itu. Sebab apa kalau kita tengok sekarang ini, dari segi *the whole chain* ini daripada *upstream*, *midstream* dan *downstream* itu yang melihat *ionic clay* ini hanyalah di China sahaja. Tapi kalau dia melibatkan *mineral-based* itu, Australia pun ada dekat LYNAS itu. Amerika pun ada macam ini dekat Mt. Pass itu, California itu. Sekarang ini memang Amerika pun memang serius *on this*. Tapi *ionic clay* ini dia yang unik inilah. Okey. Saya ingat yang itu sahaja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Yang Berhormat Pengurus. Saya nampak bahawa tadi Kubang Pasu bangkitkan isu tentang moratorium. Saya nampak bahawa sebenarnya projek rintis ini dijalankan sejak Disember 2021. Sebelum moratorium itu diletakkan, kan? Jadi saya nampak bahawa sekarang kerajaan letakkan moratorium tetapi kerana memandangkan projek rintis sudah jalan pada sekian lama, harus ada sedikit ruang untuk mereka selesaikan projek itu lah, kan? Betul?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Ya. Satu dia selesaikan projek itu. Sebab kita ada *stockpile* itu 8,000 tan itu. *Stockpile* ini kalau lama dia terdedah kan, dia akan melibatkan dia punya kualiti itu menurun.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Terima kasih.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Satu lagi sebab kita menggunakan cecair (*liquid*). Dia mesti kena *recharged* dalam tanah itu. Dia tak boleh *stored*, *immediately stop*. Dia akan menimbulkan implikasi yang lain.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Jadi saya nak *follow-up* tentang apa yang Kubang Pasu tanya. Apakah implikasi teknologi cara ini terhadap alam sekitar? Adakah ini

betul-betul boleh diterima kerana ini projek rintis? Projek rintis itu kita menilai adakah ia ada impak kah, dia sesuai untuk keadaan Malaysia kah dan alam sekitar. Apakah implikasi?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Dari segi pemantauan kita bagi penekanan kepada dua aspek. Satu dari segi *fertility* tanah itu sendiri. Satu lagi sumber air bawah tanah itu. Berdasarkan kepada pemantauan yang dibuat oleh JMG Perak, ini secara *real time*, kita nampak dia mematuhi lah. Kedua adalah berkenaan dari segi *soil* itu sendiri. Kalau kita baca *report* yang dikeluarkan oleh Lembaga Getah Malaysia, pokok itu segar pula. Sebab dia bagi *ammonium sulphate* itu. Itu yang dikeluarkan oleh Lembaga Getah Malaysia.

Ketiga, berkenaan dari segi tanah runtuh. Dia bukan— hakisan. Mula-mula dia buat jalan itu, dia menimbulkan hakisan. Tapi bila dia tanam rumput *Vetiver* itu so benda ini dapat *di-protect*. Tapi apa yang penting di sini adalah pemantauan daripada agensi-agensi teknikal itu, kan? Sebab kita ada SOP. Pematuhan itu dari segi kalau mengambil kira geografi, morfologi dan sebagainya kan dia tidak menimbulkan ini. Dengan syarat patuh kepada SOP itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Boleh saya tanya? Adakah ada apa-apa *negative impact* kah tidak?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Daripada audit yang dijalankan bersama 11 agensi tadi, tak ada *negative impact* lah yang kita dapat. Itu sebabnya di kawasan luar hutan simpan ini kita tak dapat *negative impact*. *That's why* dalam perancangan untuk *extend* dalam hutan simpan kekal. Okey.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya nak sambung perbincangan ini dengan menanyakan satu soalan permulaan. Projek ini disebut sebagai projek rintis. *It is a pilot project. What we want to know out of this pilot project?* Okey itu satu. Keduanya kita sebut tentang *pilot project, do we have a timeframe?*

#### ■1240

Adakah 30 tahun itu adalah dikirakan yang lesen dikeluarkan sebagai *pilot project* 30 tahun ataupun berapa lama *pilot project* itu? Yang soalan kedua. Yang ketiganya, dalam masa projek ini disebut sebagai projek rintis tapi lesen-lesen juga sedang diproses untuk diberi— dikeluarkan kepada projek-projek lain. Adakah itu keadaannya sekarang ataupun kita tunggu projek rintis dah beres baru kita ambil pertimbangkan untuk keluarkan lesen-lesen ini? Terima kasih.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Soalan yang pertama, bila kita mengadakan projek perintis ya, kita nak memastikan bahawa teknologi yang diguna pakai, *ion adsorption clay* ini menggunakan *ammonium sulphate* ini yang diterajui oleh China ini, adakah ia berkesan? Satu, berkesan dari segi produk itu sendiri. Maknanya, dia dapat efisien tak? Maknanya, dia dapat 90 *per cent* daripada dia punya *recovery* itu. Itu satu. Yang kedua, adakah dia menyebabkan pencemaran ataupun kesan kepada alam sekitar? Itu yang kita nak ya.

Yang ketiga adalah kita nak tengok juga dari segi dia punya kos. Kos. Maknanya, dari segi *ammonium sulphate* itu dan sebagainya, kan? Untuk kita— sebab ini dari segi *business* punya inilah yang kita nak tengok dan apa yang kita dapat. *For the time being*, itulah teknik yang terbaiklah untuk yang *ionic clay* ini, okey.

Yang kedua adalah— soalan yang kedua tadi berkenaan dengan adakah dia menjadi perintis kah? Perintis selama 30 tahun. Okey, sekarang ini yang— ini saya ingat kena kementerian yang jawab ini. [Ketawa] Adakah kita nak jadikan 30 tahun sebagai perintis?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Lama sangat itu.  
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Itulah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Sebelum— sebelum jawab soalan nombor dua itu, soalan pertama tadi itu. Maknanya, *it's already conclusive-lah*?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** *Conclusive. That's why—that's why from this outcome of the projek perintis ini kan, we developed SOP.* Kita tambah baik SOP ini kan dan itu yang kita gunakan— kita guna pakai untuk seluruh Malaysia. Yang kita panjangkan kepada seluruh negeri itu untuk diguna pakai sekiranya ada berlaku perubahan, kan. Tapi dia mesti bersifat *localised-lah*. Tapi, *on the major things ya, major things* yang itu *follow SOP* itu kecuali yang melibatkan royalti dan sebagainyalah.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Sikit ya. Adakah ada negeri-negeri lain yang mula buat kerja ini? Projek ini?

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Soalan kedua. Soalan kedua, ketiga belum jawab. Sekejap, *sat, sat*.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Untuk makluman, setakat ini negeri-negeri lain belum lagi buat apa-apa projek sebeginilah.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Okey.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Ya.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Satu lagi, yang 30 tahun itu dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri tahu. Bukan Kerajaan Pusat yang keluarkan untuk 30 tahun. Tapi, kalau dia nak bangunkan, dia nak *extend*, dia perlu mendapat OMS yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat. Maknanya, sekarang ini 216 itu dikeluarkan. Tapi, bila dia nak buat perluasan kawasan, kuasa-kuasa Kerajaan Pusat tapi dia dah dapat untuk PML sahaja.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Membawa erti, kalau projek ini dibuat dalam kawasan yang 87 hektar itu, berterusanlah? Maknanya, masih dikira sebagai projek rintis kah ataupun macam mana? Saya tak— *pilot project* selalunya ada *timeframe*.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Okey, sekarang ini kalau yang *pilot project* kan, *pilot project* yang 216 itulah. Okey, tapi bila dia dah buat, dia dah buat, dia kena minta— dia kena

buat yang OMS itu, *operating money scheme* itu, dia kena minta daripada Kerajaan Pusat melalui JMG-lah. Maknanya, itu dia tidak di— Puan, itu dia tidak kira lagi perintislah?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Hm, hm. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Itu dah kira dah— yang perintis yang *start* yang tadi itu sahaja.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** So, maknanya projek rintis ini dah ditamatkan lah?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Belum. Masih.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *I'm just trying to understand.*

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Masih lagi.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Masih. Masih lagi sebab masih...

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Sebab dia masih *recharge* lagi. Sebab 8,000 tan itu, masih lagi.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** 8,000 tan tapi 13,000 dah dikeluar...

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Okey.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ...Kebenaran untuk keluarkan.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Okey.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** 8,000 telah dihantar ke China?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Tak, 8,000 tan masih ada lagi di *stockpile*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Di *stockpile* ada 5,000-lah?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** 8,000.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** 8,000. *Stockpile*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Kalau *presentation* ini 13,000 tan metrik *earth carbonate* ini dihasilkan. 8,000 telah dihantar ke China tak?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Okey.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Hmm, betul.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Betul.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jadi, maknanya 5,000 lah dekat *stockpile*?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Dia ada 8,000 lagi. 8,000 lagi.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** 8,000. Kalau ikut yang data yang kita ada, 8,000 *stockpile*.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** 8,000 tan *stockpile* lagi. Maknanya, walaupun dia hantar 8,000 tan, dia masih ada 8,000 lagi *stockpile* itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Yang 13,000 itu apa dia?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Itu *another eksport* dah itu. Daripada awal hari itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya merujuk kepada slaidnya.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey, yang asalnya pada— dia menganggarkan untuk mengeluarkan 13,032 tan metrik. Tapi bila aktiviti itu berjalan dan 8,143 tan metrik telah dieksport ke negara China dan bila moratorium tersebut tidak boleh dihantar ke luar dan kita dapat bahawa pihak-pihak syarikat memaklumkan ada lagi 8,000 tan metrik yang belum dihantar keluar dan itu memerlukan pelepasan moratorium yang kedua ini.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jadi, maknanya slaid ini kurang tepat tak? Maknanya, 16,000 dia telah dihasilkan, 8,000 telah dihantar, 8,000 dekat *stockpile*? Kalau saya ingatlah, matematik betullah. 3,000 metrik tan ini...

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** 13,032 tan metrik REC dihasilkan untuk tempoh 23 bulan daripada Oktober 2022 hingga Ogos 2024. Daripada jumlah tersebut, kita dah menghantar NRES meluluskan pengeksportan 8,300 tan metrik dan berdasarkan rekod pengeksportan REC ini ke negara China, sebanyak 8,143.40 tan metrik telah dieksport ke negara China. Bila dibuat semakan balik dengan pihak pemaju projek, didapati ada *stockpile* sebanyak 8,000 tan metrik lagi dan itu yang diluluskan.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *I know it's a method of arithmetic* tapi saya— *I cannot figure out the 3,000 tan dekat mana itu.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Ketawa]* Okey.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Anggaran awal.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Tapi, cuma itulah. Maknanya, projek rintis ini masih berterusan lepas itu tidak ada kelulusan-kelulusan barulah untuk guna teknologi ini di negeri-negeri lain?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Tak ada.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Setakat ini kita tak meluluskan apa-apa OMS.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Tak ada. Sekarang ini, kita tak meluluskan apa-apa. Sekarang ini, di negeri-negeri, kebanyakan dia di peringkat *tenements* sahaja. Dia tak ada pembangunan lagi. Sebab untuk JMG keluarkan OMS ya, dia mesti— EIA itu mesti diluluskan dahulu. Tapi, sekarang ini cuma peringkat *tenements* sahaja. Maknanya, *exploration* sahaja.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Betong.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi. Yang...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sekejap, sekejap, sekejap.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Sekejap. Ada siapa nak tanya? Tak ada?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betong nak tanya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Sila Betong.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Betong, lepas itu Saratok.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Kuala Pilah.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Ada dua soalan berkenaan dengan syor pertama ini iaitu projek rintis.

Difahamkan memang ada laporan kajian EIA dibuat. Adakah *report* tersebut itu dikongsi dengan orang awam ataupun dikeluarkan? Terkait dengan itu, adakah terdapat hasil kajian mengenai impak kepada *environment* (alam sekitar) kita sekiranya negara kita ingin melombong REE ini pada masa akan datang? Sekian, terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Untuk makluman Yang Berhormat, EIA tidak dikongsikan untuk yang ini. Tidak dikongsikan. Impak kepada alam sekitar setakat ini yang projek perintis ini adalah di luar kawasan hutan simpan yang saya nyatakan tadi ada 11 agensi yang terlibat dalam melaksanakan kajian impak terhadap pelaksanaan pematuhan kepada SOP.

Berkaitan dengan lain-lain kawasan yang hendak di—*in the future*, contohnya macam hutan simpanan kekal, kita belum lagi melaksanakan kajian untuk ekosistem hutan simpanan kekal.

## ■1250

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Pengerusi, boleh ya?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Ini untuk makluman Ahli PAC kita. Di Kenering, Perak ini, apakah jenis yang sebenarnya NR-REE ini sebab dia ada banyak jenis. Yang 13,000 metrik tan itu, berapakah nilai dia di dalam mata wang ringgit kita?

Ketiga adalah sekiranya kita dapat proses ini, kan dia banyak peringkat proses NR-REE ini. Berapa banyak kah *estimated added value* untuk setiap peringkat proses tersebut? Sebab kalau 13,000 metrik tan mungkin kita jual berapa juta. Kemudian, kita proses *and then* kita boleh jual berapa juta untuk— supaya kita faham apakah konsep ekonomi *business model* yang kita nak buat ini sebab *in order to be sustainable*, NR-REE ini, dia kena untung. Sekarang ini, dia orang mengalami kerugian.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mana ada rugi.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Rugi. Dia dalam masa lima bulan, RM34 juta kos dia orang. Jadi, mesti dia ada *break-even point*. Tetapi, kalau kita tak *synchronise* keperluan untuk eksport dengan kesediaan teknologi kita untuk proses, jadi dia boleh membantutkan perkembangan industri NR-REE itu sendiri.

Jadi, itulah, macam mana *figure* itu tadi? *Added value* dia berapa dan yang 13,000 metrik tan itu berapa harga? Apakah jenis NR-REE ini tersebut sebab dia banyak *range*. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Terima kasih Datuk. Tentang jenis batuan itu, saya minta Datuk KP.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Okey. Di Kenering adalah yang kita ekstrak ini adalah daripada jenis lempung. *That's why* kita panggil *ion adsorption clay* daripada jenis yang lempung.

Di luar negara macam di *Mount Pass*, di California dan juga di US, dia berdasarkan *mineral-based* daripada *monazite* ataupun *xenotime*. Dulu pun memang kita ada eksport *monazite* ini daripada *by-products*. Okey, itu ini. Tetapi, sekarang ini di projek Kenering itu adalah berasaskan lempung lah.

Okey, dari segi dia punya *multiplier*, dari segi keuntungan. Kalau...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Pengerusi, kita tak fahamlah istilah-istilah itu. *[Ketawa]*

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Okey. Kalau kita cakap mudah Yang Berhormat, yang pertama adalah kalau yang di Kenering itu dia daripada tanah sahaja, cakap mudahnya. Dia daripada tanah itu kan, dia daripada lempung, tanah liat. Itu di Kenering. Tetapi kalau di— apa yang diproses di Lynas itu adalah daripada bijih, *by-product* daripada bijih sama ada dia daripada *xenotime*. Kalau dulu dia daripada *xenotime* ataupun *monazite*, daripada *by-product* daripada bijih timah ataupun diambil daripada *Mount Pass* terus sahaja bijih tersebut. Maknanya, dia bentuk *hard rock* lah.

Okey, boleh YB?

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Tak. Dia punya— nama pun *rare earth*, kan? Dia *very, very rare*. *What is rare about it* dan hujungnya apa dia punya *end product* yang terbaik untuk Malaysia? *Value* tadi, kan? Harga.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Okey. Kalau— dia *rare*. *Rare earths* sekarang ini kalau yang terbaru YB, kebanyakan negara sekarang ini, produk ini dah tak *rare* dah. Yang *rare* dia adalah untuk kita nak dapatkan macam mana kita nak *separate* itu sekarang ini. Itu sekarang ini isu dia sekarang ini. Banyak negara-negara dah *discover* dah sekarang ini, *ion adsorption clay* ini.

Tetapi, isu dia adalah bagaimana kita nak *separate* kepada empat elemen yang utama. Kalau di Semenanjung ini, di Kenering ini, apa unik dia? Daripada analisis yang kita jalankan, dia mempunyai empat elemen yang utama untuk sebagai sumber utama kita membuat *super magnets*. Itu yang— dia menjadi rebutan negara China. Itu dia punya— maknanya, dia ada— kalau saya cakap *[Tidak jelas]* nama-nama inilah. Tetapi dia empat unsur yang utama itu ada di Kenering.

Bila kita nak *separate* itu, kalau dari segi *market*, tak perlu buat sampai 16. Kita perlukan untuk apa yang perlu untuk *super magnet* ataupun untuk *turbin*. Ataupun, ada tempat-tempat yang dipakai untuk petroleum punya itu. Tetapi di Kenering ini memang dia punya kualiti memang tinggilah, daripada analisis yang dibuat oleh JMG.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Jadi, berapa harga dia tadi itu? Itu, itu...

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Okey.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** *Back to the dollar and cents.*

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Anggaran ya?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Mungkin...

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Boleh? Anggaran ya? Anggaran harga.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Anggaran sahaja.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Sekarang ini kalau di *market*, sehingga 4 Oktober baru-baru ini, untuk yang *raw material* ini adalah RM20,000 sekarang ini. RM20,000. Bermula daripada RM50,000 dulu, sekarang ini dah RM20,000 *because of the stockpile* yang dipegang oleh China itu. Walaupun dia RM20,000 tetapi dia *still* menguntungkan sekarang ini.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* RM20,000 what?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** RM20,000 per tan.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Mungkin saya boleh tambah sedikit rekod yang Perak punya ya. Rekod tertinggi yang pernah dicatatkan masa awal pengeksportan pada bulan Februari 2023 adalah pada nilai RM46,659.33 per tan metrik. Manakala rekod terendah yang dicatatkan adalah Februari 2024 dengan nilai RM19,757.99. Jadi, harga pasaran menurun. Kalau ikutkan, bulan Ogos yang lepas, sekitar RM19,000.

Jadi, penurunan dan kenaikan harga ini adalah berikutan macam Datuk KP katakan tadi adalah disebabkan oleh permintaan pasaran dan juga ada *stockpile* di pasaran. Kalau ikutkan, kalau kita nak tengok purata harga pasaran REE dunia ini, kita boleh tengok Shanghai Metals Market. Di situ kita ada— sebenarnya kita ada dia punya berapa harga itu. Kita ada.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Nak tanya, *raw*— yang RM20,000, RM46,000 dan sebagainya itu *very raw* kah?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Raw, raw. Yes.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Very *raw*? Tak ada proses langsung?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Tak ada proses lagi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebelum kita bertanya...

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Itulah. Kalau— contohnya, kalau kita dapat *the next process* itu, berapa *added value* dia? Itu yang lebih kurang tadi.

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Okey. Saya semak ya. Okey. Kalau daripada *mining* itu sendiri ya, dia lebih kurang *20 per cent* di *mining*. Maknanya sekarang ini, yang kita buat RM20,000, RM40,000 itu, *20 per cent* sahaja. Tetapi, kalau kita boleh *added value* pada RE *oxide* sahaja, kita akan dapat *50 per cent*. Kalau kita buat *metal making*, *60 per cent* dan kalau magnet dapat *95 per cent*.

Sekarang ini, cabaran kita adalah untuk kita buat *separation* itu, *rare-earth oxides* itu, *for 50 per cent* itu. Sebab daripada situ dia akan kembangkan industri yang lain lah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Saya nak tanya, sebelum kita pergi saya bagi kepada Kuala Pilah, *then* Sik. Yang penggerak, apa maksud penggerak projek? Adakah ini JV— usaha sama yang dilakukan ataupun bagaimana?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Penggerak projek adalah syarikat yang dilantik oleh pihak Kerajaan Negeri Perak untuk melaksanakan perlombongan di negeri Perak iaitu Syarikat MCRE Resources tadi. Mereka ada perjanjian ditandatangani di antara kerajaan negeri dengan itu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kuala Pilah. *Thank you.*

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Sebenarnya— terima kasih Yang Berhormat Chairman. Soalan Kuala Pilah telah ditanya oleh YB daripada Saratok. Tetapi saya, Kuala Pilah ada pengalaman ini, tentang perlombongan haram ini. Ada pengalaman. Dah habis disedut semua, baru diketahui. Saya lihat dalam isu ini perlunya kementerian memantau isu ini dengan lebih dekatlah. Sekarang ini, keghairahan ini sangat tinggi.

Saya juga dalam perladangan. Sekarang ini macam-macam permohonan sampai. Nak masuk, nak buat eksplorasi dan sebagainya. Kita tahu dari segi undang-undang, perundangan ini, *lands are state matters*. Tetapi, saya tengok *you are talking about permit, licensing*, semuanya banyak bergantung kepada *Federal* punya *sanction* lah.

Jadi, perlulah saya lihat perkara ini diadakan betul-betul satu SOP yang jelas supaya peneroka yang masuk— tadi bercakap tadi tentang *company* JV daripada China tetapi dia tidak *willing* nak *transfer* teknologi sepenuhnya kepada kita. Tentulah sudah ada perjanjian di antara dia dengan kerajaan negeri. Dah tentunya.

Tetapi— dah tentu dalam keadaan adanya hentian daripada *Federal*, tempoh hari diumumkan oleh Yang Amat Berhormat PMX sebenarnya di Parlimen hentian tersebut untuk eksport ini, akan berlakunya *legal*, masalah perundangan di antara *state* dan juga JV *partner* kita daripada China.

## ■1300

Jadi, saya – kita mungkin lihat benda itu macam biasa di sini, di atas kertas, tetapi dari segi mungkin kesan perundangannya besar. Jadi, saya harap – dan saya berharap bolehlah kementerian kena lihat benda ini dan mesti ada SOP yang *very clear-lah fasal state – because*

*you* pun tidak ada kuasa terhadap *state* tentang tanah ini, tidak ada kuasa pun. Jadi, dia dah bagi, dah buat JV dah. Tetapi kalau dia JV, dia *consult* dulu kementerian tidak mengapa. Tetapi dia JV dan masuk dulu, ini cerita bagi 30 tahun ini. Satu tempoh yang cukup, cukup panjang ya. Cukup panjang 30 tahun ini. Kalau *leasing* pun panjang. Jadi, kesannya besok kepada *state*-lah atau kepada negara kita.

Orang yang datang itu mungkin mereka akan datang, mereka akan balik semula ke China tetapi seperti yang saya tengok tadi hujungnya pergi dekat China juga. Jadi, *companies* yang berminat ini pun hendak *explore* ladang-ladang – saya pun dalam perladangan ini, mereka masuk hendak buat – ayat pertamanya hendak *explore* saja. Tetapi bila kita tanya hendak *explore* ini, hendak *test* ini pakai teknologi mana? Teknologi China juga. Jadi, kita kena berhati-hati jugalah dalam pada masa yang sama kita hendak *investment* ini tetapi dalam masa yang sama, dari segi penguatkuasaan ini harus pihak kementerian perketatkanlah.

Bagi saya, permudah perbidalannya kita ukur dululah sebelum kerat. Jangan kita kerat dulu. Masa JV itu baru kita hendak cerita ini tidak boleh, itu tidak boleh. Jadi, kata orang Negeri Sembilan, dah korek baru hendak ukur memang parahlah namanya. Jadi, itu perkara yang saya lontarkan di sinilah supaya kementerian *pick up* mungkin perkongsian saya ini supaya tidak berlaku dengan banyak JV kita sebenarnya. PAC pergi ini banyak JV sebenarnya yang saya lihat JV itu dia *sign* dulu dan reperkusi (*repercussion*) undang-undang ini dilihat kemudian.

Jadi, PAC banyak yang kita bawa ini ke Sabah, semua isu itu yang saya tengok. Isunya kita *sign* dulu, lepas itu kita fikirkan kesan undang-undang. Jadi, saya rasa, saya harap saya lontarkan ini supaya semua pihaklah terutama kementerian ada SOP yang *very strict* dan *clear* lah kepada kerajaan negeri dan juga kepada mereka yang ingin membuat JV di dalam negara kita. Terima kasih. Terima kasih *Chairman*.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Masih...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada yang hendak respons...

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Boleh saya jawab? Okey. Terima kasih atas nasihat, Yang Berhormat. Selain daripada Majlis Tanah Negara sebagai platform untuk Kerajaan Persekutuan menasihati kerajaan negeri, kita ada juga menujuhkan Majlis Mineral Negara dan perkara berkaitan dengan kesan perundungan, apabila kerajaan negeri menandatangani MOU, MOA dalam tempoh jangka panjang ini juga dibangkitkan oleh wakil Peguam Negara pada Majlis Mineral Negara atau ini tadi dalam bulan Julai, Dato' ya, dalam bulan Julai. Sebab, apa-apa perjanjian yang melibatkan negara luar perlu melalui AGC. Jadi, telah dinasihatkan dalam Majlis Mineral Negara baru-baru ini. Kita dari segi peringkat *monitoring* di peringkat kementerian pun kita memang *monitor* perkara ini, Yang Berhormat. Okey.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** YB Sik. Lepas itu saya bagi kepada YB Bangi.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Kuala Pilah memberitahu dia ada pengalaman juga lihat perkara ini. Saya juga ada pengalaman sebab yang berlaku di Kedah, di Sik itu belakang rumah saya.

*[Ketawa]*

Ia tak jauhlah rumah saya. Soalan saya, dari segi SOP perlombongan itu ya, di pihak kementerian sendiri bagaimana ia memantau dan melihat perjalanan SOP itu dilaksanakan dengan begitu teratur dan maknanya sempurnalah ya. Sebab isu yang dilihat berlaku khususnya di Kedah itu ya, peringkat awalnya disebut apabila diberi kelulusan oleh pihak berkuasa negeri untuk buat *exploration* ataupun penerokaan, jadi ketika itulah dia telah pun membuat perlombongan. Jadi, saya tengok betul dia punya *site*-nya itu. Memang habislah ekosistem ini ya. Dia kata mula hendak korek dia punya lubang beberapa inci saja, tetapi dia buat *pond* itu sudah rosak habis maknanya hutan dan sebagainya. Jadi, bagaimana – maknanya saya katakan tadi SOP itu dilihat betul-betul di-*implement* di peringkat bawahannya oleh pihak berkuasa negeri dan juga pemantauan di kementerian, yang pertama.

Kedua, isu timbul hari itu yang projek rintis di Kenering ini, apabila Kerajaan Perak dah – maksudnya kementerian sendiri dah meluluskan pengeksportan ya keluar. Jadi, adakah juga di sini termasuk dalam keputusan yang telah pun diberi langsung kepada kerajaan negeri ataupun ia juga melibatkan kementerian lain? Sebab isu yang ditimbulkan oleh banyak pihak apa pun REE ini ia ada juga dilihat perlu *detailed* dengan geopolitik kita ya sebab REE ini juga dikatakan ada persaingan di peringkat negara-negara luar ya termasuk US dengan China ini sendiri. Sepatutnya, pengeksportan ini juga perlu ditelitilah sebab kita tidak tahu lagi kandungan itu yang dieksport cara *raw material* itu ya. Jadi, sebab itulah ada beberapa pihak itu maknanya keputusan kerajaan negerilah, dia *stop* dulu sebab dia tidak *clear* lagi soal pengeksportan ini.

Ketiga, adakah kementerian kaji ada beberapa negara atau negeri yang telah pun dia *stop* perlombongan REE ini apabila dilihat kesan cara jangka panjang walaupun peringkat awal itu diberi kebenaran? Saya lihat di laporan di Australia sendiri di Tasmania, dia *stop* apabila – SOP walaupun ada tetapi pelanggaran itu tetap berlaku kepada kesan alam sekitar termasuklah di beberapa wilayah di China sendiri. Walaupun kerajaan *federal* dia beri tetapi di beberapa *state* dia, dia terpaksa *stop* kerana kesannya terlalu berat kepada alam sekitar. Jadi, adakah itu juga dilihat oleh kementerian untuk kita pergi lebih jauh lagi lah untuk perlombongan kita di Malaysia ini? Baik, terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan bagaimana SOP di-*implement*; untuk SOP yang kita laksanakan di Perak,

kita ada jawatankuasa bersama iaitu SUB Bahagian Mineral dan Geosains mempengerusikan bersama dengan pihak Bahagian Ekonomi Negeri di Perak. Jadi, di situ kita dapat bahawa apa-apa jua yang dilaksanakan di negeri, di peringkat kementerian kita mengetahui. Itu di Perak ya sebab Perak yang dah melaksanakan projek perintis.

Berkaitan dengan negara yang pernah melanggar dan telah di-stop-kan aktiviti, kalau selain daripada Australia tadi itu, kita dapat juga kalau kita baca, di Myanmar ya Dato' ya. Sebab sekarang ini isu *sustainable development* atau ESG sangat diperlukan iaitu sesuatu perlombongan itu kenalah datang daripada sumber yang sah supaya hasilnya nanti datang – yang mempunyai *report* berkaitan dengan kelestarian alam untuk dipantau.

Jadi, dalam sesi *negotiation* kami dengan pihak MCRE ataupun dengan pihak Lynas sekalipun, isu berkaitan ESG ini, tentang kelestarian alam ini sangat-sangat dititikberatkan. Ia macam kalau dalam sektor perhutanan dan perkayuan di mana kita perlu menyediakan kriteria dan indikator untuk sesuatu produk kayu itu sebelum dijual keluar supaya produk kayu tersebut diterima di pasaran antarabangsa sebagai produk yang datang daripada sumber yang sah dan juga melalui proses secara lestari.

Jadi, untuk perkara berkaitan dengan ESG dan juga kelestarian ini memang di peringkat kementerian kita memang juga menekankan aspek tersebut sebab rata-rata dimaklumkan untuk meningkatkan, untuk kita memajukan industri *downstream* dan memastikan produk tersebut diterima di pasaran antarabangsa, konsep ESG ini sangat ditekankan sekarang ini.

Di peringkat Jabatan Mineral dan Geosains sendiri pun kita ada ketengahkan – mendevelop-kan kriteria indikator untuk perlombongan secara mampan ini sendiri untuk tujuan REE. Perkara ini memang kita – dibincangkan juga masa sesi konsultasi bersama dengan Kementerian Ekonomi sebab kelestarian alam sekitar ini sangat ditekankan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya bagi kepada Bangi *last question*, lepas itu kita move kepada muka surat yang lain — syor yang kedua. *Thanks.*

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya tengok sebenarnya kita macam lambatlah untuk ambil kesempatan terhadap perkara ini.

#### ■1310

Kita tengok kalau kita nak bandingkan negara lain memang kita seperti ke belakang. Sudah tentu kita juga faham bahawa ada keperluan untuk memastikan bahawa dalam kita nak melombong itu kita kena pastikan juga alam sekitar tidak terjejas dan sebagainya. Tapi pada masa yang sama, kita pun tak nak terlepas lah peluang yang kita ada ini.

Jadi soalan saya adalah bagaimana kita nak pastikan ataupun ada tak jangka masa ataupun *timeline* supaya kita dapat keluarkan satu garis panduan yang tuntas untuk kita guna pakai dan kemudian kita boleh betul-betul mula melombong REE ini? Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Tentang lambat ambil kesempatan ini tadi—sebab saya punya jawapan adalah di peringkat Malaysia ini kita perlukan kajian terperinci lah sebab hutan kita sangat dia kaya dengan habitat spesies flora dan fauna dan juga *wildlife* dan juga alam sekitar. Jadi perkara-perkara *details* kepada perkara itu perlu diambil perhatian termasuk juga nak memastikan bahawa impaknya ini nanti tidak akan menjelaskan kepada alam sekitar kita macam tajuk kita punya LKAN inilah, pengurusan hutan itu sendiri perlu dititikberatkan.

Tentang *timeline* untuk perkara ini, kita dah bentangkan di mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara pada 5 Ogos yang lepas di mana kita ada *timeline* yang khusus untuk memastikan bahawa di peringkat Malaysia ini *by 2027*, kita boleh dapat bawa *midstream* di sini dan juga *by 2030*, kita dah boleh ada industri *downstream* dilaksanakan di Malaysia. Itu kita ada bentangkan. Kajian tersebut telah dilaksanakan oleh Akademi Sains Malaysia dan kita ada *discussion* yang panjanglah masa mesyuarat MTEN yang lepas.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Sebelum kita tukar pada syor kedua, ini saya punya *concern* ialah bukan soalan tetapi *concern*.

Satu, bila kita tidak dapat kenal pasti *exact stockpile* itu juga, itu melahirkan kerisauan saya lah kerana kita dekat-dekat bandar pun, *stockpile* macam mana, pasir yang bukan semalah ini pun, tengah-tengah depan mata kita pun, dia boleh hilang. Kita boleh kira berapa lori keluarkan daripada kuari pasir itu tapi bertan-tan lori— pasir hilang. Apatah lagi ini yang harga yang paling rendah sekarang ini RM19,000 lebih, RM19,700 setan. Jadi bila *stockpile* itu kalau 3,000 metrik tan itu bersamaan dengan RM60 juta yang kita *cannot establish*. Jadi, itu memberi satu gambaran yang projek rintis ini *how well are we monitoring and ensuring* benda ini dapat kita manfaatkan daripada segi pendapatan itu yang tepat, yang betul lah.

Jadi daripada segi SOP itu kita boleh cakap lah SOP macam mana banyak pun. Daripada segi pembalakan pun SOP pun memang rasa saya sebelum saya hidup kat dunia pun dah ada SOP itu. SOP memang jelas, bagaimana nak *monitor* jelas, teknologi kita ada jelas tapi kita tengok hutan-hutan kita botak. Jadi mengadakan SOP itu memang perlu, memang penting tetapi dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan itulah. Jadi apatah lagi ini yang boleh ada kemungkinan membawa pencemaran alam sekitar dan sebagainya. *That is my biggest concern* lah. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Kita ambil perhatian.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Yang Berhormat Pengerusi, minta maaf. Saya ada soalan saya tadi ini berkaitan dengan SOP pengeksportan itu belum dijawab lagi. Minta jelas sikit ini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** SOP pengeksportan?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Ya, ya.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Oh, belum ada lagi.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Ini maksudnya— maknanya tindakan Perak itu macam mana? Dia ikut SOP mana? Bila dapat dia eksport?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Datuk.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Ya lah, dia tidak dapat kebenaran daripada kementerian ini untuk nak eksport itu atau bagaimana atau...

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Pengeksportan itu memang dapat kebenaran. Kita bawa kepada Jemaah Menteri dan memang dikeluarkan oleh kementerian untuk eksport.

**Seorang Ahli:** SOP tak ada?*[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** SOP.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Semua ada kelulusan ya begitu?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Kelulusan untuk mengeksport.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Tak apa. Nanti kita tengok.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Saya ada *last*. Ini ialah *last comment* ya. *Last comment* ya. Kita nampak daripada *bigger picture of it* okey. Jumlah kawasan tadi adalah baru 67 hektar.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** 87 hektar. Sekarang ini pengeluaran dia adalah 13,000 metrik tan. Satu metrik tan RM20,000. Jumlah keluaran sekarang kalau di-convert dengan duit, RM260 juta. Itu baru sebahagian. Kawasannya kecil. Yang saya nampak nanti sebab benda ini nampaknya *very lucrative, very lucrative*. Kalau harga RM40,000 maknanya setengah bilion di situ, di kawasan kecil itu. Itu sebahagian. Ini yang kita nak— macam mana kita nak buat ini untuk negara kita supaya hasil-hasil tersebut balik kepada negara kita sendiri. *It is a big business.*

So, tekanan daripada golongan yang nak *business* itu nak buat itu, memang banyak. So *at the same time*, kita tak boleh lah *control* dia sangat sehingga mengekang perkembangan industri NR-REE kita ini. Nanti orang lain lompat pula. Nanti harga jatuh lagi.

Jadi itulah persoalannya sekarang *for us to think about. How do we maximise the potential market value, the economy* yang keluar daripada NR-REE ini. Ini baru 87 hektar. Itu pun sebahagian keluaran. Itu sahaja komen saya. *Just for everybody to think about.*

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Sambung yang sikit Saratok ya. Berapa banyak kes-kes perlombongan haram REE ini? Saya rasa banyak yang tak diberitahu lah kepada *public*. Saya nak tahu adakah REE ini berjaya diseludup ke luar negara daripada negara kita?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Boleh saya jawab ya? Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, sebenarnya perlombongan haram ini berlaku. Berlaku ya. Jadinya yang kita dapat itu, lepas dilombong ya. Maknanya dia dan *start* keluar tapi dia buat perlombongan haram ini

adalah di bawah kuasa-kuasa kerajaan negeri lah untuk perlombongan haram ini, di bawah PTG negeri.

Macam mana kita boleh dapat diseludup keluar? Diseludup keluar ini kita dapat-diseludup keluar ini dapat laporan yang dikeluarkan oleh China sendiri. Itulah yang saya nak maklumkan. Maknanya bila China laporkan, ada dia punya *raw material* itu *from* Malaysia sedangkan kita yang sah itu hanya satu sahaja. Maknanya MCRE itulah yang eksport tapi dia ada yang lain ya. Maknanya diseludup keluar lah. Itu yang cabaran bagi kita lah sekarang i'i.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Berapa jumlah kuantiti yang China umumkan dan berapa nilai dia?

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Dekat tangan saya tak ada *figure* yang tetap, yang tepat lah. Tapi Yang Berhormat ya, apa yang dilaporkan itu adalah nilai yang bercampur. Maknanya bukan setakat REE sahaja, *by-product* yang lain pun dia sekalikan. Dalam ribu tan lah itu tapi dia tak sepenuhnya REE itu sendiri yang dilaporkan. Tapi dia masuk dekat Hong Kong itu. *Figure* yang tepat itu saya kena carilah. Saya tak ada kat tangan saya sekarang ini.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Maknanya, kementerian kena ambil serius lah perkara ini sebab kita dah berlaku— bila dah diseludup luar, negara kerugian ya dan bersama kita nak menjana ekonomi kita ya. Tetapi sewenang-wenanglah negara luar pun *declare* dia dapat barang daripada Malaysia.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, boleh minta kementerian bagi *update* lah berapa yang China punya *figure* dan nilai dia. Boleh ya?

■1320

**Datuk Zamri bin Ramli [JMG]:** Nanti kita akan *update*-lah sebab saya nak bagi sekarang ini, sebab saya tak ada *figure*. Akan tetapi saya dah inilah. Tapi saya tak bawa *figure* itu hari ini. Tetapi berkenaan dengan eksport tadi, kan? Kita memang ada jawatankuasa dipanggil JAPRI untuk jawatankuasa pengeksport *and chaired by* SBBMG. Maknanya kita bukan sewenang-wenangnya eksport. Dia ada jawatankuasa dan di peringkat ini pun dia ada teknikal punya ulasan tadi, TKSU. Maknanya dia melalui semua apa ini keperluan untuk suatu barang itu bila dieksportlah.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Last-lah. Last betul-betullah Tuan Pengerusi [Ketawa]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ini Datuk Kubang Pasu pun baru tengah hendak minta ini sebab sejam setengah. Kita ada sejam setengah hendak *settle* ini. Kita ada tujuh isu. Boleh tak *along the way* itu baru tanya soalan? *Thank you.* Minta maaf. Ini kuasa veto ini. Minta maaf. Okey. So, kita *proceed* pada syor kedua.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Syor kedua Yang Berhormat berkait juga dengan REE ini sebenarnya ya. Syor kedua iaitu NRES perlu segera meminda Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] supaya tindakan terhadap aktiviti perlombongan

haram dapat dilaksanakan. Untuk makluman, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan menetapkan perkara berkenaan pengeluaran tenemen mineral adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Sebelum Akta Pembangunan Mineral 1994 dikuatkuasakan, aktiviti-aktiviti perlombongan di Malaysia dikawal selia menggunakan *Mining Enactment [Cap. 147]* bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Enakmen Melombong Negeri bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang digubal sebelum merdeka dan tidak lagi sesuai dengan perkembangan terkini kaedah perlombongan bagi mengawal pencemaran dan keselamatan operasi.

Justeru, penggubalan Akta Pembangunan Mineral 1994 dan Enakmen Mineral Negeri dibuat bagi tujuan penyelarasan kuasa antara Persekutuan dan negeri selaras dengan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, perlombongan tanpa lesen, haram secara jelas diperuntukkan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri menurut seksyen 158 Enakmen Mineral Negeri yang memperuntukkan mengenai penalti melombong tanpa lesen atau pajakan. Dalam hubungan ini, perlombongan haram adalah tertakluk kepada undang-undang lain juga iaitu Enakmen Mineral Negeri di bawah Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri.

Untuk makluman semua, pada masa ini NRES sedang dalam proses membuat pindaan terhadap Akta Pembangunan Mineral bagi memasukkan fungsi berkaitan urusan eksport, import mineral. Jadi, pindaan tersebut dijangka selesai pada suku keempat tahun 2025. Itu untuk perkara yang kedua. Boleh saya pergi kepada perkara ketiga ya?

Saya beralih ke syor ke yang ketiga iaitu NRES perlu berusaha mendapatkan komitmen daripada kerajaan negeri dan wilayah untuk mengurangkan aktiviti pembalakan serta memfokuskan aktiviti ekopelancongan dan inisiatif perdagangan karbon supaya impak negatif dapat diminimumkan. Jadi, amalan pengurusan hutan di Malaysia, kita berpandukan kepada Dasar Perhutanan Malaysia yang bermatlamat untuk memelihara dan mengurus hutan negara berdasarkan amalan-amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB).

Kedua, memelihara kepelbagaiannya biologi dan sumber genetik. Keempat, untuk meningkatkan penyelidikan dan pendidikan perhutanan. Kriteria utama dalam pengurusan hutan secara berkekalan adalah pengawalan terhadap pembukaan kawasan hutan untuk pengusaha hasilan melalui pelaksanaan Catuan Tebangan Tahunan yang ditetapkan di semua negeri pada setiap Rancangan Malaysia lima tahun.

Jadi, pematuhan terhadap CTT oleh semua negeri akan menjamin sumber bekalan kayu kepada industri secara berterusan dalam kuantiti yang stabil. Jadi, tujuan utama CTT ditetapkan adalah untuk mengimbangi jumlah pengeluaran dan penghasilan kayu dengan keupayaan dan keluasan kawasan hutan pengeluaran dalam hutan simpanan kekal atau pun hutan simpanan negeri.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-12, Majlis Tanah Negara ke-77 pada 8 September 2020 telah menetapkan Catuan Tebangan Tahunan di Semenanjung Malaysia seluas 37,710 hektar dengan jumlah keseluruhan 188,550 hektar. Di Sabah pula, seluas 50 hektar tahunan dengan jumlah keseluruhan lima tahun 250,000 hektar. Sarawak, seluas 145,000 hektar tahunan dengan jumlah keseluruhan 725,000 hektar. Secara keseluruhannya, penetapan CTT tahunan adalah seluas 232,710 hektar dengan jumlah keseluruhan seluas 1,163,550 hektar sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-12.

Jadual seterusnya menunjukkan perbandingan penetapan CTT antara Rancangan Malaysia Ke-11 dan Ke-12 bagi tiga wilayah. Di Semenanjung Malaysia, mencatatkan penurunan sebanyak 20,890 hektar daripada 209,440 hektar di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 kepada 188,550 hektar pada Rancangan Malaysia Ke-12. Sabah pula mengekalkan penetapan CTT pada 250,000 hektar bagi kedua-dua tempoh dan Sarawak menunjukkan pengurangan sebanyak 50,000 hektar daripada 775,000 hektar pada Rancangan Malaysia Ke-11 kepada 725,000 hektar pada Rancangan Malaysia Ke-12. Secara keseluruhannya, jumlah CTT bagi RMKe-12 berkurang sebanyak 70,890 hektar berbanding RMKe-11. Jadual di paparan...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Boleh bertanya Datuk Pengerusi?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Ini yang tiga boleh? Satu tak payah tanyalah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sorry, Pengerusi.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Saya nak tanya mengenai ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sebelum nombor tiga, boleh saya tanya nombor dua? Sebab saya tadi keluar.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Nombor dua terlepas.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sekejap. Bagi peluang ya. Bagi peluang ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey boleh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sorry ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Kena *gostan*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya balik kepada kedua. Isu kedua adalah saya ada sedikit komen sahaja. Minta maaf, saya keluar sekejap. Mungkin benda ini dibangkit oleh Ahli Parlimen yang lain. Tetapi saya nampak bahawa untuk perlombongan REE ini. Dia sebenarnya saya nampak bahawa dia ada isu *state* punya autonomi. Jadi, masing-masing *state* itu dia rasa dia ada *sitting on some piles of gold*.

Jadi, mereka pun nak ingin mempunyai peluang untuk mendapatkan hasil untuk—*that is very fair* ya sebab setiap negeri mempunyai hak ke atas tanah dan juga apa yang di bawah tanah itu.

Walau bagaimanapun, kita kerana keunikan Perlembagaan kita memberi hak kepada kerajaan negeri, maka negara asing mempunyai—*they can divide and conquer*. Dia boleh terus hantar syarikat A untuk *deal* dengan negeri A. Hantar syarikat B untuk *deal* dengan negeri B. Dia akan *divide and conquer*. Maka, dia akan *manipulate*-lah setiap negeri itu.

Untuk kita, sebenarnya kita harus *work on economies of scale*. Kalau kita ada *scale* yang besar, maka kita mempunyai *bargaining power*. Macam China-lah. Sekarang *you* nak *deal* dengan dia, *you* kena *talk to the central government* okey. *You* tak boleh *go to* syarikat A, syarikat B, syarikat C. Tak boleh. *Go through the central government*.

Jadi, apakah strategi kementerian berunding dengan *state*? Sebab *state is a stakeholder*. *How do we have a consortium?* Contohnya, PETRONAS di mana kuasa itu dipegang oleh satu *body* sahaja. Semua hendak lombong itu *go through that company*. So, *that we have negotiation power*. Tetapi *state* itu, *we have to give the state* itu *a good deal*-lah. Sebab ini memang hak mereka dari segi kuasa dan bawah Perlembagaan. Jadi, *what is the strategy* dari segi boleh kah PETRONAS *step up to take up this leadership role*. Okey? Mereka haruslah bersedia untuk berkongsi kekayaan kepada negeri. Minta komen. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Terima kasih Yang Berhormat. *Actually*, perkara ini ada juga dibincangkan bersama dengan *state* iaitu mewujudkan satu konsortium macam PETRONAS untuk melaksanakan, membangunkan industri REE di Malaysia. Akan tetapi, *feedback* yang kita dapat daripada negeri-negeri tidak bersetuju untuk diwujudkan satu konsortium macam PETRONAS. Sebab itu, di peringkat kementerian. Kita dah memaklumkan kepada negeri juga tentang dia punya *business model* di antara kerajaan negeri berunding dengan syarikat yang berkaitanlah.

Seperti yang saya maklumkan tadi, dari segi hendak memastikan bahawa kerajaan negeri itu tidak mudah untuk menandatangani terus perjanjian dengan pihak luar negara luar, Jabatan Peguam Negara semasa Mesyuarat Majlis Mineral Negara ada menasihatkan bahawa apa-apa *engagement* yang dilakukan dengan pihak negara luar perlu melalui Jabatan Peguam Negara. Ya, itu salah satu.

#### ■1330

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey, Datuk Wira Pengerusi. Boleh kita pergi ke depan? Kita *gostan* sekali. Tidak tak mahu *gostan* lagi dah. Datuk Wira Pengerusi saya ada sikit soalan. Pertama, bagaimana CTT ini ditentukan bagi Semenanjung terutamanya? Sabah, Sarawak itu okeylah dia a *state* lah. Kalau Semenanjung ini banyak negeri. Kedah, Pahang dan sebagainya. Bagaimana dia punya pembahagian itu

dilakukan? Kalau 188,550 hektar negeri mana dapat banyak mana? Bagaimana dia tentukan? Cara mana? Itu pertama.

Kedua, dia sesetengah negeri ini dia pendapatan daripada hasil daripada pembalakan ini dia signifikan. Kalau dikurangkan dia akan menjaskan hasil negeri. Kedah umpamanya, kita dapat hasil antara lima sampai 10 peratus daripada pembalakan. Jadi, kalau kita nak pergi *stop* kan, kurangkan dan sebagainya dia memberikan— menjaskan hasil negeri dan dia akan menjaskan dari segi belanjawan pengurusan dan sebagainya. Itu soalan kedua. Dua soalan tadilah puan. Sila, terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey mungkin saya jawab sikit. Nanti kalau tak ini KP JPSM yang boleh jawab. Untuk catuan tebangan tahunan yang kita di peringkat *Federal* tetapkan semasa Majlis Tanah Negara, ia dilaksanakan— CTT dilaksanakan dalam hutan simpanan kekal. Jadi, penentuannya adalah oleh negeri masing-masing. Setiap negeri, yang terpapar di sini adalah kumulatif keseluruhan untuk Semenanjung Malaysia. Ia berdasarkan kepada keluasan hutan simpanan kekal dan juga pusingan tebangan yang telah diadakan sebelum ini. Itu secara *surface*-nya. Mungkin Datuk KP boleh *explain detail*, Datuk KP?

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Yang Berhormat Datuk Wira Pengurus PAC dan Ahli-ahli PAC. Pertamanya asas kepada CTT ini adalah kita mengamalkan sistem pengurusan hutan secara bekalan. Jadi, CTT ditentukan bagi mengimbangi keupayaan pengeluaran HSK itu dan juga untuk memastikan industri kayu kita dapat *survive* dan juga mengambil kira tentang biodiversiti dan kepelbagaiaan biologi dan alam sekitar.

So, dalam pengiraan itu dia ada *exercise* dia di bawah kaedah-kaedah pengiraan CTT di mana CTT akan dikira berdasarkan kepada keluasan hutan simpan kekal, kemudian dia akan tolak hutan pengeluaran, hutan-hutan tадahan air, *biodi* dan sebagainya, hutan pengeluaran. Daripada hutan pengeluaran itu kita akan lihat dari sudut kapasiti dan keupayaan hutan itu, sama ada kawasan itu telah matang kembali dalam pusingan tebangan 27 tahun hingga 55 tahun. Ini adalah kiraan yang kita akan guna mengikut garis panduan yang sedia ada.

*Exercise* yang kita akan buat, semua negeri akan menggunakan garis panduan ini membuat pengiraan data-data hutan simpan dalam kawasan negeri masing-masing dan akan dibawa ke dalam mesyuarat yang akan menentukan keupayaan dan juga hasil CTT yang akan dibawa dalam Rancangan Malaysia yang seterusnya.

Nanti perkara ini akan dibentangkan dalam Majlis Tanah Negara untuk di-*endorse* dan dipersetujui oleh semua kerajaan negeri. Sukacita saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Datuk Pengurus, CTT ini sekarang ini dah ada pengurangan. Ada negeri-negeri yang tidak— dia ada kuota pembalakan tapi dia tidak pergi kepada pengurus hasilan. Setakat

maklumat yang kita ada, ada tiga negeri yang tidak lagi bergantung kepada hasil pembalakan. Dia mencebur i bidang-bidang lain terutamanya negeri Selangor, Johor dan juga yang terbaharu Negeri Sembilan. Kuota dia masih lagi tidak digunakan kerana dia telah membuat dasar-dasar baru di peringkat kerajaan negeri. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nak tanya, bagaimana dengan isu ada 38,597 hektar hutan simpan kekal yang diceroboh? Ya lah, kita tengok bila kalau Semenanjung ini sebab dia banyak states kan so, banyak pekerjaan dan sebagainya, banyak isu dan juga banyak perkara yang perlu diberi perhatian. Saya nak rakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Jabatan Hutan Sabah dan juga Jabatan Hutan Sarawak yang nampak lebih ke hadapan. Boleh tak saya nak tahu KP Jabatan Perhutanan? Boleh respons tak tentang HSK lebih kurang hampir 39,000 hektar yang diceroboh ini? Ini *latest news* ini.

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Yang Berhormat Datuk Wira kita kena lihat senario pencerobohan kawasan hutan di Semenanjung Malaysia. *Figure* yang telah dimaklumkan tadi adalah *figure cumulative* daripada berapa tahun kawasan-kawasan yang telah dikategorikan sebagai pencerobohan. Antara faktor-faktor yang mungkin kita boleh ambil kira adalah bila berlaku tentang pentadbiran tanah dan sebagainya. Contohnya, yang berlaku saya bawa contoh di negeri Selangor. Negeri Selangor dulu Hutan Simpan Raja Musa, Tanjung Karang adalah tanah kerajaan sebahagiannya. Kawasan itu telah pun dibangun dan dari perkampungan, sekolah dan sebagainya. Jadi, tanah kerajaan itu digazet semula sebagai hutan simpan kekal. Ini nampak kategori-kategori yang berlaku di Semenanjung, kawasan-kawasan yang sebelum diwartakan HSK telah pun berlaku penerokaan dan penempatan haram. Mungkin kampung, sekolah dan sebagainya. Sebab itu *figure* dia makin meningkat.

Walau bagaimanapun, perkara ini telah pun kita bentang dalam Majlis Tanah Negara ke-79. Majlis Tanah Negara telah menetapkan beberapa perkara untuk tindakan kepada semua kerajaan negeri mengikut tahun-tahun pencerobohan dan penumbuhan kawasan-kawasan. Kalau Yang Berhormat Datuk Wira tengok di situ mungkin pencerobohan itu berlaku di kampung, sekolah, masjid dan sebagainya. Isu ini telah dapat diselesaikan di bawah Majlis Tanah Negara di mana ada setengah itu yang lama dan telah pun wujudnya perkampungan akan bawa kepada kerajaan negeri untuk diputuskan sama ada diwartakan keluar. Keduanya untuk dikeluarkan permit penggunaan. Manakala yang baru, kita akan ambil tindakan penguatkuasaan untuk memusnahkan dan juga menanam kembali kawasan-kawasan yang telah di ceroboh.

Seperti yang terbaru kita lihat kawasan-kawasan di tanaman Musang King di Raub. Tindakan telah diambil secara serius. Kita terus tebang pokok Musang King dan kita pulihkan kawasan tersebut. Ini beberapa kategori tempoh masa yang telah ditetapkan di bawah Majlis Tanah Negara.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tanam kah semula?

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Dalam proses untuk tanam. Sekarang ini ada isu mahkamah lagi yang belum selesai.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, teruskan.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Saya sambung kepada seterusnya aktiviti ekopelancongan. Jadi, pengurusan kawasan HSK di negara ini turut kira kepentingan pemeliharaan sumber dan jadi keperluan untuk rekreasi dan ekopelancongan.

Di Semenanjung Malaysia, beberapa buah kawasan dalam hutan simpanan kekal yang menjadi landskap yang menarik dan unik telah dibangunkan dan diurus sebagai taman eko rimba dan hutan taman negeri. Sehingga kini sejumlah 119 taman eko rimba dan 17 buah hutan taman negeri telah ditubuhkan untuk memenuhi permintaan masyarakat terhadap kepentingan rekreasi dan juga ekopelancongan.

Graf menunjukkan bilangan pengunjung dan kutipan hasil daripada aktiviti ekopelancongan berdasarkan hutan di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 2016 hingga 2023. Berdasarkan graf, kutipan hasil meningkat bermula tahun 2019 susulan penguatkuasaan Kaedah-kaedah Perhutanan Negara (Wilayah Persekutuan) 2019 di mana kaedah fi permit masuk hutan simpanan kekal di Wilayah Persekutuan adalah tertinggi iaitu RM10 bagi warganegara dan RM40 bagi bukan warganegara. Pada tahun 2023, kutipan hasil meningkat kepada RM8.33 juta dengan bilangan pengunjung seramai 3.2 juta orang.

Selain itu pelaksanaan program peningkatan kemahiran Malim Gunung Perhutanan (MGP) kepada komuniti setempat terutama melibatkan golongan belia dan Orang Asli telah berjaya melatih seramai 1,877 orang sebagai Malim Gunung Perhutanan dengan kemahiran sebagai jurupandu pendakian dalam hutan simpanan kekal dan seterusnya mampu menjana pendapatan di antara RM2,000 hingga RM4,000 sebulan. Kami ada sediakan satu slaid video pendek mengenai malim gunung. Yang Berhormat kita tunjuk sikit sahaja. *Less than one minute.*

*[Tayangan video dimainkan]*

■1340

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Oh, dia *hang* sikit. Jadi, mungkin saya elaborate sikit ya. Jadi, malim gunung perhutanan ini merupakan satu profesion kerjaya yang diperkenalkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia kepada komuniti dan juga masyarakat tempatan untuk menguruskan aktiviti pendakian gunung dan juga bukit dalam kawasan hutan simpanan kekal di Semenanjung Malaysia ya. Jadi, profesion ini diperkenalkan sebagai sebahagian inisiatif JPSM untuk mengurangkan risiko melibatkan kehilangan, kecederaan dan juga kematian semasa melakukan aktiviti pendakian gunung.

Jadi, program ini dikendalikan melalui kerjasama strategik antara JPSM dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Jadi – okey, boleh tak? *[Merujuk kepada urus setia]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Yang 1,000 lebih anggota itu memang dah mulalah dengan – dan mendapat pendapatan RM2,000 ke RM4,000 itu?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Ya. Dah, dah ada. Jadi, kalau saya boleh nyatakan dekat sini jumlah malim gunung berdaftar. Kalau di Johor kita ada 250 orang, di Kedah ada 147, Kelantan 162 orang, di Melaka kita ada 59 orang, Negeri Sembilan 138, Pahang 227, Pulau Pinang kita ada 28 orang, di Perak 305 orang, Perlis 62 orang, Selangor 344 orang dan Terengganu 160 orang. Itu ikut pecahan malim gunung.

Jadi, dia ada peranan Yang Berhormat ya. Malim gunung ini dia berperanan sebagai jurupandu arah untuk pendakian dan juga bertanggungjawab mengenal pasti, menilai dan mengurangkan sebarang potensi bahaya yang mungkin dihadapi oleh para pengunjung/pendaki. Juga berperanan memberikan bantuan awal kecemasan atau kemalangan ketika berlaku dalam hutan simpanan kekal. Juga, malim gunung membantu dalam misi mencari dan menyelamat kalau ada yang sesat dalam hutan dan dia orang ini juga menjadi mata dan telinga kepada JPSM-lah jika ada perlanggaran terhadap undang-undang. Itu ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dia melapor kepada siapa ya kalau dekat setiap *state* itu?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Pengarah Perhutanan Negeri. Pengarah Perhutanan Negeri. Ya. Okey. Ya, dah boleh? Ya, boleh tunjuk sekejap. *[Merujuk kepada pegawai]*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Wayang, wayang.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Wayang, wayang sekejap.

*[Tayangan video dimainkan]*

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey, saya teruskan ya Datuk Pengerusi. Pada masa yang sama juga, baru-baru ini Majlis Tanah Negara yang bersidang untuk kali yang ke-81 pada 19 September juga bersetuju dengan cadangan penyeragaman kadar bayaran fi masuk hutan simpanan kekal dengan julat di antara RM5 hingga RM100 untuk aktiviti ekopelancongan berasaskan hutan di Semenanjung Malaysia melalui pindaan ke atas Kaerah-kaerah Hutan Negeri. Jadi, kadar baharu yang dicadangkan bagi warganegara adalah di antara RM5 hingga RM50. Manakala, bagi bukan warganegara pula adalah di antara RM30 hingga RM100 seorang berbanding kadar yang sedia ada sekarang ini, RM1 hingga RM10 seorang untuk warganegara dan juga RM5 hingga RM50 seorang bagi bukan

warganegara. Jadi, dengan ini diharapkan dia akan menjana pendapatan lagi lah untuk negeri dalam aspek ekopelancongan.

Saya pergi ke negeri Sabah pula. Jadi, Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Perhutanan Sabah telah...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi. Boleh tak? Sikit sahaja.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Oh, sikit.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Boleh yang sebelum itu, ekopelancongan kita yang berkaitan fi permit masuk ini. Isu yang berlaku khususnya saya ambil contoh di tempat sayalah yang di Ulu Muda ya, Hutan Ulu Muda. Ada Jabatan Hutan dia membuat kaunter untuk pembayaran masuk tapi konfliknya ialah orang tempatan yang dia keluar masuk setiap hari. Dia cari – maknanya, dia cara hasil hutanlah ya. Rotan, buluh, madu lebah dan seumpamanya. Jadi, saya lihat kaunter itu tak dapat dilaksanakan kerana orang kampung tak setuju dan ada – maknanya ada kekangan di situ.

Jadi, bagaimana kaedah ataupun kita kata SOP dan sebagainyalah ya, untuk nak pastikan – kalau betul-betul dia sebagai seorang pelancong masuk untuk nak *explore* hutan itu maknanya perlulah ada fi kan? Tapi, bagaimana kita nak tentukan orang tempatan yang dia duduk sebelah hutan itu, kampung dia pun kan? Jadi, itu perlu diambil kira jugalah. Baik, terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** KP?

**Seorang Ahli:** *Best practice* dekat luar sana... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** *Best practice*.

**Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Yang Berhormat, untuk selesai masalah ini yang senang adalah penguatkuasaan. Tetapi, apa yang kita lihat adalah kita dah buat rancangan pengurusan Ulu Muda dan kita pastikan beberapa potensi ekonomi untuk komuniti. So, antara dalam perancangan itu ialah untuk menggalakkan (*to legalise*) komuniti ini mengambil hasil hutan tersebut secara berkekalan, lestarilah. So, antara perkara yang kita akan usahakan supaya kita mendekati komuniti menyatakan bahawa perkara yang dia buat ini adalah satu kesalahan dari sudut Akta Perhutanan Negara dan akta-akta yang berkaitan dan kita akan *facilitate* komuniti untuk melesenkan pengambilan hasil-hasil hutan tersebut. So, ini adalah antara beberapa usaha yang kita akan jalankan selepas rancangan pengurusan Ulu Muda diselesaikan.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Juga bagi memudahkan pelancong, di peringkat Majlis Tanah Negara juga menggalakkan untuk diwujudkan sistemlah supaya – sekarang ini kan zaman IT. Jadi, kita menggalakkan negeri-negeri wujudkan sistem supaya

tak ada kesesakan masa nak masuk tersebut kan. Itu juga kita minta kerajaan negeri usahakan.

**Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Sebagai tambahan kepada Puan TKSU, antara yang penting perkhidmatan malim gunung ini, kita nak pastikan adalah tentang daya tampung (*carrying capacity*). Kalau Yang Berhormat tengok dulu berita masa cuti sekolah, di kawasan Baling itu *jam* bukan sahaja di luar tapi *jam* dalam kawasan Gunung Baling *because* rakyat dah mula minat kepada usaha-usaha masuk, *hiking* dan sebagainya. So, malim gunung ini kita akan *control* supaya kemasukan pelancong dan juga peminat *hiking* dapat dikawal supaya ia tidak menjelaskan biodiversiti dan juga daya tampung bagi kawasan-kawasan yang telah ditetapkan.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Boleh saya bergerak ke Sabah?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Tuan Pengerusi, saya baru teringat. Yang tadi, *slide* yang sebelum itu ya. Saya sikit nak tanya berkaitan dengan CTT tadi ya. Ada kritikan berkaitan dengan ladang hutan, kaerah ladang hutan, ladang monokultur – monokultur ya dia panggil ya. Jadi, yang saya lihat contoh – saya juga ambil contoh di Siklah ya. Dia buat projek ladang hutan lepas itu dia tanam pokok akasiakah itu ya, dan nampak tidak ada kesan baik langsung kepada alam sekitar sini dan hasil juga nampak tak inilah.

Cuma saya nak tanya bagaimana kaerah ladang hutan ini di – maknanya, di-*implement* oleh kementerian sendiri dari segi SOP itu juga – pokok-pokok yang disenaraikan yang boleh ditanam sebagai ladang hutang. Bagaimana nak pastikan – sekarang ini isunya adalah mereka menggunakan kebenaran buat ladang hutang ini adalah sebenarnya dia nak ambil hutan asli itu. Jadi, ada kritikan yang mengatakan tidak lagi perlu berkebenaran kepada projek ladang hutan di kawasan hutan simpan kekal ini. Baik, terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey, terima kasih. Untuk spesies yang dibenarkan untuk menanam di dalam ladang hutan ini, kita ada Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Kita ada *list* pokok-pokok yang selalunya dia dikategorikan sebagai yang cepat membesar tumbesaran untuk pastikan dia punya bekalan itu cepat tumbuh ya.

Jadi, akasia salah satunya Dato' ya. Tapi, ramai juga yang dah beralih kepada spesies pokok lain untuk yang ini. Mungkin Dato' boleh *explain* sikit?

**Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** So, Yang Berhormat, pertamanya kita kena ambil maklum bahawa perladangan hutan adalah satu alternatif untuk mengurangkan tekanan terhadap bekalan kayu balak di *natural forest*.

## ■1350

So, banyak negara-negara telah pun membangunkan ladang hutan untuk pasti *to safeguard our* industri kayu kerana industri kayu kita sekarang ini meningkat dari sudut proses kayu dan juga impak daripada ekonomi, sosial dan sebagainya. Walau bagaimanapun,

perkara— dari sudut pelaksanaan, pemantauan dan juga dasar-dasar kerajaan negeri yang berbeza. Ada negeri— Negeri Kedah mungkin cara kelulusan dia berbeza dengan Negeri Perak dan sebagainya.

Atas dasar tersebut, maka perkara ini telah dibawa ke Majlis Tanah Negara ke-79. Majlis itu sebenarnya telah membuat keputusan untuk moratorium kelulusan ladang hutan dengan meminta Jabatan Perhutanan menjalankan kajian dan menyeragamkan peraturan dan SOP dari sudut peringkat kelulusan, pelaksanaan dan juga pemantauan.

So, jadi, yang tadi Yang Berhormat sebut *acacia mangium*. *Acacia mangium* memang termasuk dalam spesies-spesies ladang hutan yang dibenarkan ditanam dalam HSK. Walau bagaimanapun, terdapat banyak isu dari sudut penyebaran akasia ini terhadap *natural forest* dan sebagainya. Jadi, di bawah Jawatankuasa Biokeselamatan dan juga Jawatankuasa Kuarantine Tumbuhan, kita tengah mengkaji adakah akasia ini *is an invasive species* ataupun spesies-spesies yang mengancam kepada alam sekitar dan juga biodiversiti negara.

Walau bagaimanapun, dari sudut pasaran dan juga kemampuan *acacia mangium* ini, dia mampu menjana dan menampung kayu-kayu untuk industri kayu. So, saya ingat di Sabah, Sarawak pun kita dah tanam pokok-pokok *acacia mangium* dan yang penting adalah kawalan supaya dia tidak *spread* ataupun merebak kepada kawasan-kawasan *natural*, birah asal dan sebagainya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengurus, nak tambah sikit sahaja fasal ladang hutan ini. Saya difahamkan bahawa getah juga boleh digunakan dalam ladang hutan. Di Kedah kita ada buat— ini Baling, ya, dulu. Dia ada satu klon dalam getah ini. Klon yang dipanggil *timber clone*. Kalau tak silap saya, RRIM 9000.

Untungnya ladang getah atau hutan ini, kita guna getah. Satu, lepas besar dia boleh jual sebagai balak. Kedua, dia akan dapat toreh getah itu sebelum dia jual balak. Jadi, dapat dua *income* dan dia memberikan banyak kesan positif terhadap sosioekonomi rakyat tempatan. Kita pernah *try* di Baling. Saya tak tahu apa pandangan pihak Jabatan Perhutanan mengenai perkara ini.

**Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** So, Yang Berhormat memang getah termasuk dalam spesies yang dibenarkan ditanam. So, jadi, antara masalah dalam ladang hutan ini adalah mengenal pasti spesies-spesies yang sesuai kerana dia adalah pelaburan yang tinggi dan hasil *long gestation period*. Kadang-kadang sampai 15 tahun, berpuluh tahun baru dapat hasil berbanding dengan tanaman-tanaman kelapa sawit ataupun yang lain. So, getah salah satu spesies yang kita rasa *very potential* untuk ladang getah kerana dia ada pendapatan sampingan sebelum dia sampai ke *final failing* pada 15 tahun.

So, jadi saya ingat di Semenanjung Malaysia, kita hampir semua ladang hutan kita telah ditanam dengan *timber latex clone* di mana penghasilan daripada kerjasama dengan

Lembaga Getah Malaysia menghasilkan satu spesies yang bukan sahaja untuk pengeluaran lateks tetapi pengeluaran kayu balak selepas sampai kematangan dia. So, itu sahaja.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, tambah satu lagi. Durian ini tak ada kajian sebagai ladang hutan juga ya? *[Ketawa]*

**Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Majlis Tanah Negara ada memutuskan yang ke— Majlis Tanah Negara ke-78, Datuk, kalau tak silap saya memutuskan bahawa durian hibrid ini tidak boleh di-consider sebagai pokok hutan, ditanam di dalam ladang.

**Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Mungkin saya tambah. Mungkin satu durian, walaupun asalnya datang daripada *durio zibethinus*, tetapi dari sudut praktis agronomi dia tidak menampakkan sebagai yang sesuai untuk dibuat di kawasan hutan.

Pertama adalah jarak tanaman. Jarak tanaman yang ditanam oleh durian ini terlampaui panjang, jauh. So, kawasan-kawasan yang kita dah *open* itu, dah buka, bila tanam dengan durian, kita dapat bahawa kawasan itu masih lagi tidak sesuai sebagai kawasan hutan simpan kekal. So, *in terms of agronomic practice* dengan *forestry practice*, dia berbeza. Sebab itu durian dikeluarkan, tidak dibenarkan ditanam di kawasan— sebagai ladang hutan di HSK.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tetapi yang sudah tanam itu macam mana?

**Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Tanam, kita teruskan lah tanam. So, dia bermula tahun 1978, MTEN yang ke-78, dah buat *decision* untuk *stop* ataupun tidak dibenarkan. Jadi, yang sebelum itu semua kita akan lesen dan akan teruskan dia punya proses.

**Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]:** Lanjutan daripada fasal durian ini, macam dekat Raub, tuan sebut tadi bahawa— Dato' ada sebut tadi bahawa durian-durian ini akan ditebang, akan ditanam lain. Tak boleh kah biar, tak payah lah tebang, tanam *extra* pokok-pokok lain antara pokok-pokok durian itu? Itu *very layman* punya soalan.

Soalan yang keduanya, *is it a standard procedure* untuk orang masuk ke hutan-hutan ini, kita bayar RM5 lah, RM10, RM50 itu. *Is it a standard practice* untuk memberi— kita caj deposit kepada— contoh, separuh tempat yang saya pergi, dia caj bawa *mineral water* yang kecil itu deposit RM10 kah RM20. Dia bawa balik, dia kasi botol, kita pulang balik duit. *Is it a standard practice* di semua tempat? Oleh kerana saya naik Gunung Nuang, tak macam itu. Jadi saya nak tahu sama ada *is it a standard* punya itu ataupun tidak dari segi orang masuk hutan, deposit. Maknanya, kalau apa plastik dia bawa masuk kah, botol plastik itu dia pulang, dia dapat balik dia punya deposit. Itu soalan kedua.

Ketiga, daripada video tadi nampak macam— pasal malim gunung itu tak ada isu— tak ada tunjuk pasal alat komunikasi punya *training* untuk mereka. *Are they equipped with communication equipment?* Ya lah, kalau misalnya Gunung Nuang itu pun kalau naik atas, /

*think it's good kalau at the level of Gunung Nuang itu pun, it's good to have that communication equipment with them.* Terima kasih.

**Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** So, terima kasih atas pandangan daripada Yang Berhormat itu. Jadi, ada sesetengah tempat memang praktis secara yang disebut tadi. Walau bagaimanapun, benda itu tidak diseragamkan di semua negeri. Kemungkinan perkara-perkara yang baik ini akan kita bawa untuk kita seragamkan supaya penggunaan perkara-perkara yang mencemar alam sekitar ini dapat dikawal.

Keduanya tentang *communication*. Saya ingat ada sesetengah malim gunung itu dia dah memang dah sedia ada dia punya alat *communication* dan sebagainya. Yang penting dalam Program Malim Gunung ini adalah untuk memastikan bahawa risiko menyelamat pendaki dan juga arah tuju dalam kawasan hutan dan pelbagai *training* yang lain. Ini asas yang utama.

Program Malim Gunung ini kita akan sentiasa *upgrade* dan sentiasa akan ditingkatkan setelah kita dapat teguran dan juga latihan yang kita akan guna menggunakan pendaki-pendaki yang telah— terutamanya di Gunung Kinabalu dan yang terbaru semua *Training of Trainers* Malim Gunung ini kita akan hantar ke Nepal untuk mengkaji bagaimana pengurusan Nepal dalam pendakian. So, bila malim gunung ini telah di-*upgrade* dan sistem-sistem di jabatan telah pun dikemas kini, kemungkinan kita akan naikkan kadar caj untuk pendaki.

Untuk makluman Yang Berhormat, perbandingan caj yang digunakan oleh di Semenanjung berbanding dengan Sabah, Sarawak terlalu jauh. Malah kalau dibanding dengan Nepal ataupun *international* punya *rate*, rasanya kita terlampau jauh ke bawah. Walau bagaimanapun, kita nak pastikan bahawa prasarana dan latihan perlu dibangunkan terlebih dahulu supaya kita boleh memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Pengerusi, saya nak tanya yang ladang hutan tidak boleh dianggap sebagai hutan simpanan kekal, kan? Tak boleh, kan? Ia adalah *secondary forest*, betul?

**Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** No, no, no. Dia ladang hutan *is a part of hutan simpan kekal*. Maksudnya, tanah itu masih lagi diwartakan sebagai hutan kekal. Cuma zon adalah kawasan zon hutan pengeluaran dan di bawah zon pembangunan ladang hutan. So, *limitation* yang kita bagi adalah *not more than five per cent* daripada kawasan HSK boleh dibangunkan sebagai kawasan ladang.

So, ini dia punya tujuan utama untuk pastikan industri kayu kita *still survive* tetapi tidak bergantung kepada pokok-pokok yang ditebang di *natural forest*. So, kalau kita lihat teori ladang hutan ini, dia akan *continuous* keluar *production every year based on* dia punya *cutting* ladang hutan. So, jadi...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Saya rasa ini ada pernah timbul kontroversi yang di bawah Kementerian Perladangan, dulu— sekarang juga ada satu unit untuk memberi pinjaman kepada orang untuk menanam pokok jenis ladang hutan.

■1400

So, lepas itu kajian mendapati banyak pokok yang— macam pokok getah dan lain yang ditanam di hutan simpanan kerana mereka masuk hutan simpanan kekal. Itu sebab ia menjadikan projek ladang hutan menjadi kontroversi kerana ia telah pun cerobohi dalam hutan simpanan kekal. So, ini pernah keluar dalam media dan sebagainya. So, saya tidak tahu apakah yang *latest* ya tentang *argument* ini.

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Kesalahfahamanlah. Jadi, sebenarnya ladang hutan ini adalah berada dalam hutan simpan kekal dan ia berpandu kepada Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Bilangan— berapa? Tahun 1978, tidak salah. So, semua akan ikut tatacara dan juga kriteria pemilihan-pemilihan kawasan yang akan dijadikan kawasan ladang hutan. Jadi, kalau Yang Berhormat tengok berbanding dengan keluasan HSK, kita tidak sampai pun lapan *per cent* daripada keseluruhan kawasan HSK terlibat dengan kawasan ladang.

So, jadi antara perkara yang timbul semasa kerajaan bersetuju untuk ladang hutan, pertama untuk industri. Yang kedua adalah konflik hutan simpan dengan konflik kelapa sawit. So, sekiranya hutan simpan tidak ditingkatkan *value* nilai tinggi ataupun pendapatan kepada kerajaan negeri, kita membimbangi kawasan hutan simpan kekal akan terkeluar untuk tujuan perdagangan kelapa sawit dan sebagainya. So, *this is* salah satu strategi di mana kita akan usahakan untuk tanam kawasan-kawasan ladang di kawasan-kawasan yang kita telah kategorikan sebagai hutan terosot dan juga nilai isi padu yang rendah di suatu kawasanlah.

So, jadi kalau Yang Berhormat lihat di negara-negara Eropah, kesemua kawasan hutannya atau hampir keseluruhan kawasan-kawasan hutan di kawasan *Europe* adalah kawasan-kawasan perladangan hutan di mana diurus secara ladang hutan dan sebagainya untuk tujuan melihat kepada potensi kepada industri perabot dan *plywood* di dunialah. So, selalu kita akan bertelingkah dengan *Europe* tentang *softwood* dengan *hardwood* yang berlaku di pasaran dan sebagainya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *All right.* Terus sebab dah pukul 2.02 petang.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Yes. Okey.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, kita ada banyak lagi. Kalau tidak we *have to* sambung baliklah.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey. Untuk ekopelancongan di Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah telah membangunkan 52 tapak rekreasi hutan di beberapa hutan simpan dalam usaha untuk meningkatkan hasil sektor rekreasi berasaskan hutan. Jadi,

berdasarkan graf di paparan, kutipan hasil kekal sekitar RM100,000 setahun dari tahun 2014 hingga 2019, namun pada tahun 2020 dan 2021 kutipan menurun disebabkan oleh pandemik COVID-19. Pada tahun 2022 dan 2023, bilangan pengunjung dan kutipan hasil kembali meningkat dengan jumlah kutipan tertinggi pada tahun 2023 iaitu sebanyak RM2.33 juta dengan kehadiran 143,682 orang pengunjung.

Seterusnya bagi wilayah Sarawak, keutamaan penggunaan tanah diberikan kepada pewartaan kawasan yang mempunyai ciri-ciri ekologi dan juga biodiversiti khas dengan matlamat untuk mencapai sekurang-kurangnya 10 peratus atau satu juta hektar daratan daripada keluasan tanah di Sarawak sebagai kawasan terlindung sepenuhnya.

Oleh itu, setiap kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan rekreasi dan juga ekopelancongan dalam hutan simpanan kekal yang telah diwartakan akan melalui proses nyah warta untuk dinaiktarafkan sebagai kawasan terlindung sepenuhnya. Kawasan-kawasan ini boleh diwartakan semula sama ada sebagai taman negara untuk tujuan pemuliharaan dan rekreasi, sanktuari burung hidupan liar bagi melindungi spesies fauna yang terancam atau endemik atau rizab semula jadi yang berfungsi sebagai kawasan pemuliharaan alam semula jadi yang tidak terganggu oleh pembangunan manusia.

Pada tahun 2020, fungsi Jabatan Perhutanan Sarawak dan Sarawak Forestry Corporation telah diselaraskan bagi memastikan pelaksanaan fungsi utama kedua-dua agensi dapat dicapai dengan tahap optimum serta memudahkan tadbir urus fungsi masing-masing. Jabatan Perhutanan Sarawak diberi tanggungjawab dalam mentadbir urusan berkaitan dengan *Forest Ordinance 2015* yang khusus kepada pengurusan hutan di Sarawak dan juga pewartaan hutan simpanan kekal. Manakala Sarawak Forestry Corporation pula diberi tanggungjawab untuk mentadbir perkara berkaitan dengan hidupan liar dan kawasan terlindung sepenuhnya seperti termaktub dalam *Wild Life Protection Ordinance 1998* dan juga *National Park and Nature Reserves Ordinance 1998*.

Jadi, secara keseluruhan terdapat 47 buah taman negara, 15 buah rizab semula jadi dan lima buah pusat hidupan liar ditubuhkan di bawah kawal selia Sarawak Forestry Corporation. Daripada jumlah ini, sebanyak 15 buah taman negara, tujuh buah rizab semula jadi dan sebuah pusat hidupan liar melibatkan kawasan daratan yang turut menyumbang kepada hasil kepada sektor ekopelancongan berdasarkan hutan di Sarawak.

Jadi, graf di paparan menunjukkan bilangan pengunjung dan kutipan hasil bagi aktiviti ekopelancongan berdasarkan hutan di Sarawak dari tahun 2014 sehingga 2023 di mana pada tahun 2014 hingga 2019 bilangan pengunjung kekal stabil sekitar 480,000 hingga 600,000 orang dengan kutipan hasil antara RM5.28 juta hingga RM5.85 juta. Seperti mana Semenanjung dan Sabah, sektor ekopelancongan berdasarkan hutan Sarawak turut terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda pada tahun 2020 dan 2021. Namun, bilangan pengunjung untuk hasil kutipan dan juga hasil kutipan kembali meningkat pada tahun 2022

dan 2023 dengan bilangan pengunjung pada tahun 2023 seramai 494,913 orang dan jumlah kutipan sebanyak RM4.85 juta.

Selain itu, Kerajaan Negeri Sarawak telah meluluskan pindaan Ordinan Hutan 2015 pada 19 Mei 2022 untuk membolehkan pewartaan *amenity forests*. Pindaan ini membolehkan Jabatan Perhutanan Sarawak menjadikan sesebuah hutan simpanan kekal yang telah dikenal pasti sebagai hutan lipur yang khusus untuk kegiatan ekopelancongan di bawah kawalan hutan Jabatan Perhutanan Sarawak.

Seterusnya saya beralih kepada perdagangan karbon ataupun ada soalan tentang untuk Sabah dan Sarawak.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Saya hendak bertanya sikit.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Tetapi Datuk Wira Pengerusi. Berkenaan dengan penurunan itu kita boleh fahamlah dari segi disebabkan oleh COVID-19. Cuma, boleh tidak saya tahu hasil kutipan itu apakah— daripada manakah bentuk hasil yang dikutip? Keduanya, mungkin boleh jelaskan sikitlah perbandingan ketika COVID-19 dan juga selepas kita keluar daripada COVID-19 tahun 2022 itu, kutipan hasil dari segi nilai ringgit itu jauh berbanding dengan jumlah pengunjung, tetapi nampak dia *comeback* baliklah tahun 2023. Jadi, jangkaan untuk tahun 2024 dan seterusnya bagaimana? Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Untuk penjelasan, saya jemput Konservator Sarawak dengan Sabah.

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Terima kasih, Puan KSU. Untuk penjelasan tentang ini, aktiviti kalau di Sarawaklah ya, kawasan-kawasan hutan kita lebih kepada penumpuan kawasan-kawasan taman negara dan juga kawasan rizab semula jadi, bukan seperti di *Peninsular* inilah yang mana terdapat juga kawasan-kawasan hutan lipur dijadikan kawasan-kawasan untuk pelancongan.

Tetapi itulah usaha kita untuk sekarang ini apabila kita meluluskan pindaan undang-undang perhutanan 2015 pada 19 Mei yang lepas untuk membolehkan pihak jabatan hutan mewartakan sesuatu kawasan di dalam kawasan hutan simpan untuk dijadikan sebagai *amenity forest*. Samalah kalau di Semenanjung dipanggil hutan lipur. Ini adalah kawasan hutan untuk pelancongan yang di luar daripada taman negara. Ini usaha kita la.

Memang kalau kita lihat di Sarawaklah ya, bilangan pengunjung yang mengunjungi kawasan-kawasan hutan ini untuk dijadikan kawasan pelancongan ini agak rendahlah berbanding Sabah dan juga *Peninsular*. Mungkin banyaklah faktor-faktornya seperti *connectivity*, *flight* dan sebagainya yang mungkin memberi faktor inilah. Memanglah terkesan apabila berlakunya pandemik COVID-19 yang lepas. Kalau kita lihat dari statistiknya memang nampak terkesanlah. *Alhamdulillah-lah* sekarang ini *picked up*, kita melihat dari segi bilangan pelancong terutama sekali daripada *Peninsular* inilah.

**■1410**

Ramai sekarang ini dah memasuki semula Sarawak untuk melawat kawasan-kawasan yang kita ada di sekitar Kuching lah terutama sekalilah sebab itu yang paling dekat dengan *Peninsular*. *I think* dalam sejam 20 minit kita dah sampai ke Kuching. Di Kuching juga mempunyai banyak taman-taman negara di sekitarnyalah yang boleh dilawati oleh pelancong-pelancong inilah. Saya harap itu dapat menjawab.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Soalan saya, dia punya hasil kutipan itu daripada aktiviti apa yang di...

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Ya mungkin CEO GM SFC boleh jawab.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** ...Jualan kah yuran masuk kah?

**Encik Abang Arabi bin Abang Aimran [JHS]:** Ya. Terima kasih Datu Pengarah. Yang Berhormat ...

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** CEO Sarawak Forestry Corporation.

**Encik Abang Arabi bin Abang Aimran [JHS]:** Ya. Abang Arabi daripada Sarawak Forestry Corporation.

Di Sarawak, kita ada pelbagai jenis *fees* untuk di kawasan-kawasan taman negara dan *nature reserve*. Di antaranya ialah *fees* kemasukan yang mana dia bagi kategori pelancong dari luar negara, pelancong dalam negara dan juga di kawasan *nature reserve* yang mana nilai caj *fees* untuk kawasan *nature reserve* adalah kurang daripada taman negara.

Selain daripada *entrance fee*, kita juga caj *accommodations* termasuklah chalet-chalet. Kita ada hostel dan kita ada *campsites* dan juga beberapa caj-caj lain seperti *park guide charge* dan juga *locker* dan juga sewaan-sewaan untuk *tent*, untuk khemah. Itu—

Jadi, soalan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan keselarian ya? Jadi, kalau kita tengok, penurunan ini adalah lebih kepada lawatan. Apabila dia naik, apabila COVID dah tak ada, pelancong yang masuk ke dalam taman negara kita adalah lebih daripada pelancong-pelancong daripada dalaman, lokal tetapi kemasukan itu lebih kepada mereka yang balik hari sahaja, tidak bermalam. Itu yang kita tengok penurunan harga itu tak selari. Itu pun kepada pelancong-pelancong yang lebih kepada kawasan-kawasan *nature reserve* yang mana kalau di taman negara kita kena ambil *accessibility* itu jauh, pakai bot, pakai kereta.

Jadi, kawasan-kawasan *nature reserve* ini kebanyakannya di dalam kawasan-kawasan bandar. Sebagai contohnya, di tengah bandar raya Kuching, kita ada Sama Jaya Nature Reserve dan juga di Miri kita ada Piasau Nature Reserve. Itu mungkin jawapan itu boleh menjawab. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Sabah.

**Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto [JPS]:** Ya, terima kasih.

Yang Berhormat, bagi Sabah pula, yuran kemasukan untuk rekreasi ini sebagaimana yang dijelaskan oleh CEO SFC, kami pun di Sabah, kita *imposed* jenis yuran yang sama iaitu yuran kemasukan ke hutan simpan untuk *local* RM5 dan *foreign* RM15. Tetapi, bezanya di sini adalah *based on the longer they stay, the more they pay* lah. Maksudnya, RM5 *per head per day*. Jadi, kalau dia *stay* 10 hari walaupun dia *local*, dia kena bayar RM50 lah. So, kalau dia *foreign*, kalau dia *stay* 10 hari, RM15, RM150. Di samping itu juga mempunyai yuran-yuran *accommodations chalet, rest house* dan juga *transportation* lah.

*To respond to the YB* punya soalan tadi itu bagaimana dia punya kesinambungan itu, memang kita melihat selepas COVID ini, *numbers of visitors is increasing and more on the hiking* lah kebanyakannya yang melibatkan *hiking* dan bilangan hari untuk bermalam itu lebih lama berbanding sebelum COVID. Jadi, ini satu trend yang barulah Yang Berhormat. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey, saya sambung. Juga berkaitan dengan saranan supaya fokus diberikan kepada inisiatif berkaitan dengan perdagangan karbon ya. Jadi, NRES telah melancarkan Panduan Pasaran Karbon Sukarela Sektor Hutan pada tahun 2020. Jadi, panduan ini dibangunkan sebagai sebuah dokumen rujukan kepada negeri-negeri yang berminat untuk terlibat dalam aktiviti berkaitan dengan karbon hutan dan tidak mempunyai sebarang ikatan perundangan ya.

Jadi, panduan ini turut mengenal pasti peranan dan juga fungsi-fungsi pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek karbon di Malaysia. Ini penting bagi memastikan tidak berlakunya sebarang pengiraan berganda ataupun *double counting* ketika mengira pengurangan pelepasan sektor hutan yang perlu dilaporkan dalam Biennial Update Report ataupun Biennial Transparency Report kepada UNFCCC serta pencapaian *Nationally Determined Contributions*.

Jadi, NRES juga sedang dalam proses membangunkan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) dan dijangka siap pada akhir tahun 2025. Jadi, dasar ini dibangunkan sebagai panduan kepada pemaju projek karbon sama ada yang berasaskan alam semula jadi ataupun *nature based* ataupun berasaskan teknologi dan lain-lain pemegang taruh di Malaysia yang berminat untuk menyertai aktiviti pasaran karbon, pematuhan dan *voluntary carbon market* di bawah Perjanjian Paris. Dasar ini penting bagi memastikan pelaksanaan mekanisme pasaran karbon di Malaysia adalah selaras dengan keputusan di bawah UNFCCC, memenuhi integriti persekitaran serta menyumbang kepada pembangunan mampan negara. Jadi, dasar ini kelak mengandungi beberapa komponen asas iaitu ketetapan dasar, prinsip asas dan juga aturan kebangsaan dan *sectoral baseline* bagi pelaksanaan mekanisme karbon di Malaysia.

NRES juga telah menubuhkan sebuah Syarikat Jaminan Terhad atau CLBG yang dikenali sebagai Malaysia Forest Fund pada tahun 2021 untuk membangunkan dan

melaksanakan strategi kewangan inovatif bagi menyokong usaha memulihara dan mengekalkan serta melindungi hutan di Malaysia. Bagi maksud tersebut, MFF telah diberi mandat untuk membangunkan kerangka kewangan REDD Plus atau RFF untuk melindungi perkhidmatan ekosistem dan memastikan penggunaannya secara mampan.

Jadi, mekanisme RFF telah dirangka secara khusus untuk membolehkan mobilisasi kewangan daripada sumber selain daripada pembiayaan kerajaan sama ada melalui instrumen berdasarkan pasaran ataupun berdasarkan *credit carbon* dan bukan pasaran iaitu tidak melibatkan transaksi atau perdagangan *credit carbon* untuk disalurkan kepada aktiviti projek di lokasi kawasan berhutan yang dikenal pasti.

Untuk menggalakkan dan mendapatkan komitmen kerajaan negeri dalam inisiatif projek karbon dan penyertaan dalam FCC, pihak MFF giat mengadakan sesi libat urus, membangunkan kapasiti dan juga latihan teknikal bersama agensi dan juga jabatan berkaitan di peringkat negeri. Jadi, usaha ini penting bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri mengenal pasti kawasan-kawasan berhutan yang berpotensi serta mendedahkan kepada prinsip pengiraan karbon dan kerangka pembangunan projek karbon yang agak kompleks. Siri jelajah negeri ini melibatkan seluruh negeri di Semenanjung serta wilayah di Sabah dan Sarawak dan mula dilaksanakan sejak tahun 2022 sehingga kini.

Jadi, pada masa ini, MFF telah melancarkan instrumen pertama di bawah mekanisme RFF pada 27 Mei 2024 yang dikenali sebagai Forest Conservation Certificate (FCC). FCC merupakan instrumen berdasarkan bukan pasaran yang memainkan dwi peranan dalam mengiktiraf inisiatif pengurusan hutan dan menggalakkan sumbangan korporat kepada aktiviti-aktiviti mengekal, memulihara, melindungi dan menguruskan hutan secara berkekalan.

Jadi, FCC yang dioperasi oleh MFF memberi insentif seperti potongan cukai sehingga 10 peratus kepada pendapatan agregat syarikat serta pengiktirafan kepada mana-mana syarikat yang menyumbang usaha pengurusan hutan secara berkekalan, konservasi biodiversiti, aktiviti melibatkan komuniti dan juga pemeliharaan dan perlindungan hutan. Sebagai permulaan, MFF telah menyasarkan satu projek diluluskan pada tahun 2024 dengan anggaran nilai RM1 juta disalurkan bagi membiayai aktiviti projek.

MFF juga sedang aktif membangunkan satu lagi instrumen kedua di bawah mekanisme RFF iaitu Forest Carbon Offset (FCO) yang merupakan instrumen berdasarkan pasaran. FCO dapat membolehkan manfaat yang terhasil daripada tindakan mitigasi iklim dalam sektor perhutanan dipindahkan dalam bentuk *credit carbon* kepada pembeli dan boleh diniagakan di platform pasaran karbon. Jadi, FCO berfungsi untuk menjadi suatu piawaian domestik yang setara ataupun alternatif kepada piawaian karbon antarabangsa seperti Verra dan Gold Standard untuk membangunkan projek karbon di Malaysia.

Jadi, inisiatif pembangunan piawaian domestik seperti ini memudahkan pembangunan projek dengan kos fi yang rendah, mengambil kira spesifikasi setempat serta mengurangkan

isu kelewatan validasi projek seperti mana dialami oleh pemaju projek yang menggunakan piawaian antarabangsa seperti Verra.

■1420

Jadi, inisiatif ini juga dilaksanakan di Thailand melalui instrumen *Thailand Verified Emission Reduction* (T-VER) dan di Indonesia melalui instrumen Sistem Registri Nasional

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Boleh saya tanya sedikit tak, Datuk Wira? Dia mengenai *carbon trading* ini. Di negara kita ini dah banyak tahun dah kita bercakap mengenai perkara ini. Saya masa dalam *state government* dahulu, ada orang datang berjumpa sebagainya tetapi tak banyak kerajaan negeri yang betul-betul faham tentang *carbon trading* ini. Ini isu besar. Bunyinya bagus. Macam senang tetapi dia *quite complicated*.

Pertama, soalan saya ialah adakah – ada tak negeri-negeri yang telah memulakan projek *carbon trading* ini? Kedua, ada tak jawatankuasa dan sebagainya yang pergi dari negeri ke negeri untuk mempromosi *carbon trading* ini? Seterusnya diberi latihan bagaimana kita hendak membuat *application* untuk buat *carbon trading* bagi negeri-negeri terutamanya yang hutannya besar. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Terima kasih. Dari segi untuk pembangunan kapasiti di negeri-negeri, kita dah menujuhan *Malaysia Forest Fund*. Dia pergi dari negeri-negeri untuk buat konsultasi dan juga latihan berkaitan dengan pasaran karbon ini. Jadi, kalau nak *details*, saya jemput *Deputy CEO*, Puan Suhaini. Okey, terima kasih.

**Puan Suhaini binti Haron [MFF]:** *Assalamualaikum* dan selamat petang YB-YB. Terima kasih atas soalan. Untuk makluman, MFF sejak ditubuhkan telah melakukan sesi libat urus kepada negeri-negeri. Sehingga kini kami telah melaksanakan bengkel pembangunan kapasiti dengan tujuh negeri termasuk Sabah, Johor, Terengganu, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kami akan teruskan lagi...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Kedah tak *pi*? [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Puan Suhaini binti Haron [MFF]:** Kedah belum lagi, YB. Akan datang. Kami akan datang. *This is* – dilancarkan secara berfasa, YB. So, *indeed* makluman mengenai pembangunan projek karbon adalah satu perkara yang rumit dan keperluan untuk membangunkan kapasiti bersama-sama dengan negeri-negeri adalah sangat penting bagi memastikan pembangunan projek karbon yang efektif.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Hendak tanya, Selangor ada kan?

**Puan Suhaini binti Haron [MFF]:** Selangor ada tetapi dia dah minta tunda tarikh. Kami dah dapat tarikh hari itu tetapi *but they* belum bagi tarikh lagi kepada kita.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sebab dia berkenaan dengan syor keempat juga itu.

**Puan Suhaini binti Haron [MFF]:** Ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Pulau Ketam. Ada sebelah Pulau Ketam itu ada pulau-pulau yang tidak dihuni oleh manusia dan tak ada perumahankah apa kan.

**Puan Suhaini binti Haron [MFF]:** Ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *So, that is the kind of thing* yang mungkin yang *the best action*.

**Puan Suhaini binti Haron [MFF]:** *Indeed YB. We had communicated* dengan YB Jamaliah *and also* jabatan-jabatan negeri tetapi kami diminta – belum lagi diberi tarikh oleh negeri Selangor untuk buat sesi bengkel tersebut. Kami menunggu daripada negeri Selangor, YB.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Tuan Pengerasi. Pengalaman yang buat *carbon credit* sekarang ini, Sarawak dah mula. Jadi, bolehkah kementerian menerangkan macam mana penduduk tempatan, Orang Asli, Orang Penankah boleh mendapat manfaat daripada *carbon trading* ini? Macam mana kehidupan mereka nanti? Sebab kalau dah kawasan hutan itu jadi untuk *carbon trading*, tak boleh ditebang lagi pokok itu. Jadi, macam mana Orang Asli, Orang Asal yang tinggal di kawasan situ? Adakah mereka *participate* di dalam program ini?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Selepas ini sebenarnya saya akan *explain* tentang yang Sabah, Sarawak. Tetapi untuk Orang Asal ataupun Orang Asli dan sebagainya, mereka dibenarkan mengambil hasil hutan untuk keperluan sendiri. Jadi, kalau pelaksanaan projek pasaran karbon ini tak ada masalah untuk mereka, Yang Berhormat.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Adakah kawasan tanah adat ini dimasukkan dalam kawasan karbon?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Itu saya bagi Datu...

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Terima kasih, Puan TKSU. Untuk saya menjawab untuk Sarawak inilah. Kalau – memang betullah kalau di Sarawak, kita telah pun memulakan proses untuk inisiatif karbon ini *since* sejak 2019 sebenarnya. Memang satu proses yang rumit. Kita jangkakan dahulu agak mudah bila kita mendengar bahawa inisiatif karbon ini dia boleh menghasilkan ataupun menyumbangkan satu pendapatan yang besar, banyak dan sebagainya. Tetapi apabila kita telah memasuki dalam proses ini, baru kita dapat iaitu adalah satu proses yang sangat-sangat rumit dan sebab itu, kami di Sarawak kita menghantarlah pegawai kita ke banyak tempat di luar negara.

Kita pergi ke England, kita pergi ke Belanda, kita pergi ke mana-mana tempat. Netherlands dan sebagainya untuk kita mempelajari proses ini. *Even* di Sarawak, kita telah pun mempunyai undang-undang tentang karbon inilah terutamanya sekali dari segi *nature-based solutions, forest carbon*. Dia ada dua. Satu CCUS ini. CCUS ini lebih kepada

industri lah. *Carbon capture and storage is* lebih kepada industri ya seperti petroleum dan sebagainya. Untuk *forest* ini, adalah *nature-based solutions*. Kita telah pun menggubal undang-undang tentang karbon ini melalui proses yang agak panjang dan untuk memastikan undang-undang yang kita ada ini adalah satu undang-undang yang standard, yang dapat diterima pakai oleh semua negara luar. Sebab inisiatif karbon ini adalah perdagangan yang akan melibatkan satu perdagangan global, peringkat dunia. Jadi, kita kena pastikan bahawa apa yang kita hendak hasilkan adalah sesuatu yang dapat diterima dan juga dapat dibelilah oleh pihak luar.

Satu yang sangat penting adalah undang-undang inilah. Undang-undang ini yang akan *to govern process* ini. Pembeli sebenarnya yang akan membeli karbon di luar ini, mereka akan melihat sama ada negara kita ataupun pembeli/penjual ini mempunyai satu undang-undang yang akan mengawal selia proses ini nanti. Sebab itu Sarawak, *we have to come out with the* undang-undang ini dan kita telah pun mendapatkan satu pengiktirafanlah dari segi buat undang-undang ini sebab undang-undang kita digubal oleh pihak – dengan kerjasama daripada pihak Londonlah.

Dari segi Orang Asli tadi, memang satu daripada kriteria yang telah pun ditetapkan daripada pihak standard ini seperti VERA terutama sekalinya. Masyarakat adalah sangat penting. Masyarakat perlu diuar-uarkan tentang apakah tentang inisiatif ini dan apakah kepentingan dan juga *benefit* yang mereka akan terima. Kalau masyarakat tidak – menolak inisiatif ini, maknanya kita tidak akan memberi *carbon license*.

Sebab itu kalau di Sarawak, kita lihat ada 17 permohonan yang telah pun kita terima sebenarnya dan empat sekarang ini kita telah tolak apabila proses-proses seperti ini tadilah; tidak ada *benefit* kepada penduduk dan sebagainya. So, banyak lagi sebenarnya kalau dari segi kriteria dan sebagainya yang perlu kita perlu di – ini.

Kalau di Sarawak, kita dah buat *roadshow* sebenarnya. Seluruh Sarawak, kita dah buat *roadshow* sebab kami tak mahu dari peringkat kerajaan negeri, peringkat kerajaan sahaja yang mengetahui tentang perkara ini. Kita buat satu *roadshow* kepada semua jentera kerajaan. Bukan sahaja di Jabatan Hutan tetapi semua di agensi-agensi yang lain dan juga ke peringkat masyarakat untuk memaklumkan tentang apakah inisiatif karbon ini, sama ada mereka menerima atau pun tidak inisiatif ini. Terpulanglah kepada mereka inilah sama ada apabila pihak-pihak pelesen ini nanti telah pun kita keluarkan lesen, sama ada mereka menerima ataupun tidak, itu terpulang kepada pihak masyarakat itu sendirilah ya. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Mungkin saya boleh tambah sini. Elemen yang paling penting, yang paling kritikal dalam isu pasaran karbon ini adalah isu *free, prior, and informed consent* di mana kriteria ini perlu dipatuhi oleh pemaju projek dan mengambil masa yang lama untuk dimuktamadkan dalam sesuatu projek karbon hutan macam yang Datu

Hamden maklumkan tadi. Di sini, *the element safeguards* di dalam projek karbon akan melindungi hak dan keperluan untuk *consult* komuniti berkenaan terlebih dahulu sebelum projek dapat dilaksanakan.

■1430

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. *Last one ya. Sebab kita pun dah 2.30– last one.* Saya nak minta daripada Sabah pun boleh tak *explain on the carbon trading.*

**Indra Purwandita B Herry Sunjoto [JPS]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Bagi Sabah pula, projek karbon di Sabah ini terutamanya yang fokus kepada Hutan Simpan Northern Kuamut, projek ini telah pun sebenarnya berlaku pada tahun 2013 lagi. Pada tahun 2024 projek ini telah pun menerima *validated and Verified Carbon Unit* berjumlah 4.2 juta *Verified Carbon Unit* (VCUs) di bawah Standard Verra. VCUs ini adalah meliputi bagi penilaian karbon dari tahun 2016 sehingga 2021 dipanggil sebagai *vintage carbon*.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi bahawa daripada 4.26 juta VCUs tadi itu, tiga juta VCUs ini telah pun berjaya didagangkan. 20,000 VCUs ini telah pun diapungkan ataupun didagangkan di Bursa Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat semua, projek karbon di Northern Kuamut ini adalah dilaksanakan oleh Yayasan Sabah, selaku pemilik *concession* dan dengan usaha sama pihak Permian Malaysia Global Sdn Bhd. Ia merupakan satu usaha sama.

Setakat ini daripada penghasilan 4.2 juta unit karbon yang sudah pun di-*validated* ini, kerajaan negeri telah pun menerima lebih kurang RM1 juta yang dipanggil sebagai *advanced carbon fee*. Pada masa depan lagi kita akan mengikut perjanjian ini adalah lima peratus daripada *gross revenue* itu akan dihitung sebagai royalti kepada kerajaan negeri.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Terima kasih. Saya rasa tak ada soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya nampak Betong. *Last question* Betong. Lepas itu kita— tak apa Betong tanya dulu.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Okey terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Betong ingin balik kepada slaid terdahulu mengenai projek karbon di Sarawak. Slaid ke depan lagi. Dinyatakan ada tiga permit yang telah dikeluarkan. Ada dua, tiga soalan ringkas yang saya ingin bertanya.

Pertamanya, sejauh manakah penyelidikan karbon yang telah berjalan? Adakah telah memperoleh apa-apa dapatan daripada penyelidikan ini? Kedua, tadi mungkin telah di-*mention* sikit oleh Datuk Pengarah tapi apakah impak sosial kepada komuniti yang terjejas memandangkan sekiranya ada melibatkan tanah-tanah adat dan apakah skop projek ini? Itu yang kedua. Ketiga, mungkin boleh dijelaskan lagi apakah— bagaimana komuniti itu akan mendapat keuntungan daripada program ini? Akhir sekali, berapakah fi yang sekiranya ada

dikenakan kepada syarikat yang telah diluluskan permit tadi bagi menjalankan penyelidikan tersebut? Sekian, terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Saya jemput Datu Hamden.

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Okey terima kasih Yang Berhormat Datuk. Untuk soalan ini tiga permit yang telah pun kita keluarkan adalah merupakan *Carbon Study Permit* (CSP). *Carbon Study Permit* ini kalau berdasarkan ordinan karbon yang kita telah gubal ini merupakan satu permit yang dikeluarkan sebelum lesen dikeluarkan. Maknanya pihak pelesen atau pihak yang memohon kena mendapatkan CSP terlebih dahulu. Kita akan mengeluarkan CSP ini untuk mereka membuat kajian di sesuatu kawasan tersebut untuk mereka menilai berapakah *value* karbon di kawasan tersebut dan sebagainya. Banyak lah sebenarnya yang mereka perlu menghasilkan satu dokumen—*project detail document* (PDD) yang mereka kena serahkan kepada pihak jabatan.

Maksimum untuk permit ini adalah dua tahun. Kita memberi mereka dua tahun untuk menghasilkan penyelidikan dan juga menghasilkan dokumen tersebut. Jika didapati bahawa sesuatu kawasan tersebut tidak begitu—dari segi nilai karbonnya tidak begitu tinggi dan sebagainya mungkin kita tidak akan keluarkan lesen. Itulah kegunaan CSP untuk membuat penilaian.

Dari segi tanah-tanah adat tadi dan sebagainya, memang semua jenis tanah-tanah yang ada di Sarawak ini kita benarkan. Kalau mengikut undang-undang dibenarkan untuk dikeluarkan lesen karbon ini tertakluk kepada pemohon. Kalau tanah adat maknanya pemilik-pemilik tanah adat itu sendiri yang akan membuat permohonan. Kita tidak akan mengeluarkan lesen kepada pemilik-pemilik orang yang bukan pemilik dan juga mereka yang tidak mengehendaki lesen ini. Kita kena pastikan itu.

Memang seperti yang telah dinyatakan oleh Puan TKSU tadi bahawa salah satu daripada kriteria utama untuk inisiatif karbon ini adalah kepentingan epik lah iaitu masyarakat ini sendiri. Mesti mendapat faedah daripada projek ini. Kita pun juga melihat ini merupakan salah satu aspek yang kita teliti sebelum kita meluluskan sesuatu projek karbon ini ataupun memberi lesen kepada mereka.

Dari segi *fees* yang telah kita tetapkan. Dalam undang-undang di Sarawak ini kita adalah pelbagai *fees*. Satu adalah dari segi *land use fees*. RM260 per hectares. Agak besar sebenarnya. *It is very mahal*. *Fees* untuk *percentage* hasil keluarkan karbon itu nanti. *I think for the time being it is five per cent*. Apabila pihak pelesen ini membuat transaksi penjualan hasil itu—sekarang ini mungkin dalam lima persen kita lihat, akan dijadikan sebagai royalti kepada pihak kerajaan.

Ada lagi lah pelbagai *fees* yang lain yang akan terlibat. *Fees* ini nanti akan kita lihat dan bagaimana kerajaan negeri akan mengguna pakai semua hasil ini nanti dan juga mungkin bagaimana kita nak memulangkan balik kepada rakyat terutamanya sekali penduduk-

penduduk yang berada di dalam kawasan-kawasan lesen karbon ini nanti. Saya ingat itu sahaja yang saya dapat ini. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih di atas penjelasan itu tadi. Yang Berhormat sekalian dan juga tuan-tuan dan puan-puan, kita dah pun pukul 2.39 petang. Saya hentikan dulu di isu syor untuk syor nombor tiga. Kita akan sambung semula. Saya cadangkan pada hari Rabu minggu depan. *[Disampuk]* Hari Khamis. Okey, hari Khamis minggu depan untuk kita sambung dan sampai selesai syor nombor empat sehingga tujuh. Saya rasa sekejap sahaja itu. *Insya-Allah.* Dalam PAC tak boleh nak cakap. *[Ketawa]* Kita rasa sekejap tapi lama, kan?

Untuk itu saya ucapan ribuan terima kasih sekali lagi kepada TKSP, Yang Berbahagia Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz; Yang Berusaha Puan Norsham binti Abdul Latip, TKSU NRES; Yang Berbahagia Dato" Hj. Zahari, Ketua Pengarah Jabatan Hutan; dan semua daripada Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Perhutanan Sarawak, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia dan juga Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, PERHILITAN Semenanjung Malaysia.

Untuk itu kita tangguhkan kita punya mesyuarat ini pada pukul 2.40 petang. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.40 petang]***



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Khamis, 24 Oktober 2024

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Tindakan Susulan:  
Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar

- (i) **Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam**  
YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip  
Timbalan Ketua Setiausaha
- (ii) **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia**  
YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim  
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
- (iii) **Jabatan Perhutanan Sabah**  
YBrs. Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto  
Timbalan Ketua Konservator Hutan
- (iv) **Jabatan Hutan Sarawak**  
YBhg. Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad  
Pengarah Hutan Sarawak

PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 24 OKTOBER 2024

---

### AHLI-AHLI JAWATANKUASA

#### Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]  
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]

### URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Encik Amirul Ashyraaf Bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

### EX-OFFICIO

#### Jabatan Peguam Negara (AGC)

Puan Nor Azlina binti Hashim [Peguam Kanan Persekutuan]

#### Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Nur Zahidi bin Abdul Rahman [Ketua Penolong Pengarah]

#### Kementerian Kewangan (MoF)

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

#### Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Encik Zulhairy bin Zaidel [Ketua Cawangan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]  
KPKPj Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Timbalan Pengarah (Sektor Penyelidikan dan Keurusetiaan) Siasatan]

**Jabatan Audit Negara (JAN)**

Encik Mohd Fadhl bin Khalid [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian 1, Sektor Audit Prestasi)]

Puan Nor Munirah binti Sidik [Penolong Pengarah Audit (Bahagian 1, Sektor Audit Prestasi)]

**Kementerian Ekonomi (KE)**

Puan Zawati Yusrah binti Zainuddin [Timbalan Pengarah]

**Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)**

Puan Hanim binti Abdul Rahim [Akauntan]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)**

YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip [Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan]

Encik S. Siva Kumar [Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan]

Puan Nadzmin binti Ahmad Nazir [Timbalan Setiausaha Bahagian (Pengurusan Hutan)]

Encik Simon Anak David [Ketua Unit (Unit REDD Plus)]

**Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)**

YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Direktorat)]

Tuan Mohd Radhi Chu bin Abdullah [Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan]

**Jabatan Perhutanan Sabah**

Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto [Timbalan Ketua Konservator Hutan]

Encik Fong Pek Yee [Pemelihara Hutan]

**Jabatan Hutan Sarawak**

YBhg. Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah Hutan Sarawak]

Encik Semilan Anak Ripot [Timbalan Pengarah Hutan Sarawak]

Encik Jeremy Ayum Juan [Pemelihara Hutan]

**Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)**

YBhg. Datuk Zamri bin Ramli [Ketua Pengarah]

**Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)**

YBhg. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [Ketua Pengarah]

**Jabatan Alam Sekitar (JAS)**

Dr. Norhazni binti Mat Asri [Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)]

Puan Rohimah binti Ayub [Pengarah (Bahagian Penilaian)]

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA**

**BILIK JAWATANKUASA 1,  
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,  
PARLIMEN MALAYSIA**

**KHAMIS, 24 OKTOBER 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.02 tengah hari**

**[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]**

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, selamat tengah hari dan juga selamat datang. Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen, YB Puan Teresa Kok; Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Ke-15 dan juga semua ahli ex-officio daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada tengah hari ini.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini kita akan menyambung prosiding tindakan susulan berhubung dengan tindakan yang telah pun diambil oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) terhadap syor-syor PAC dalam Laporan Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar (DR20/2024) yang telah pun dibentangkan di Parlimen pada 11 Julai 2024. Jadi pada prosiding yang lepas yang telah pun diadakan pada 14 Oktober, kita telah tangguhkan prosiding di syor yang ketiga. Jadi prosiding hari ini akan memfokuskan syor empat sampai tujuh ya.

Jadi hadir di hadapan PAC pada hari ini adalah yang pertamanya, Yang Berusaha Puan Norsham binti Abdul Latip, TKSU Sumber Asli (NRES) yang mewakili Datuk Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha NRES. Yang keduanya, Yang Berbahagia Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Yang ketiga Yang Berbahagia Datuk Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia. Seterusnya Yang Berbahagia Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia. Seterusnya Yang Berbahagia Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Hutan Sarawak Jabatan Hutan Sarawak; Yang Berusaha Dr. Norhazni binti Mat Asri, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Alam Sekitar dan Yang Berusaha Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto, Timbalan Ketua Konservator Hutan Jabatan Perhutanan Sabah.

Jadi sebelum kita teruskan dengan pembentangan, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan syor kedua yang mana saya sendiri telah pun bertanyakan soalan tentang kejadian perlombongan haram ini semasa prosiding bilangan 10(a) yang telah pun diadakan pada 12 Disember 2023. Jadi dalam Laporan PAC DR20/2024, muka surat 72. Kalau ada yang nak semaklah ya, iaitu Datuk Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia telah pun menerangkan bahawa Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] hanya terpakai ke atas perlombongan yang sah sahaja. Bagi perlombongan haram, ia tertakluk kepada kuasa pihak negeri.

Jadi saya petik penjelasan yang diberikan pada ketika itu oleh Datuk Zamri bin Ramli daripada *Hansard* yang bertarikh 12 Disember tersebut ya. *"Berlaku sekarang ini kebanyakannya lombong-lombong yang didapati haram adalah di bawah pihak berkuasa negerilah, PTG dan itu sebabnya JMG jika kita nak ubah Akta Pembangunan Mineral [Akta 525] ini supaya lombong haram itu juga dimasukkan sebahagian daripada penguatkuasaan di bawah akta tersebut"*. Selain itu, Datuk turut memaklumkan bahawa untuk yang pindaan itu masih dalam semakan PUU di peringkat NRECC lagi.

Jadi untuk makluman semua, PAC telah pun memberikan syor kedua iaitu NRES perlu segera meminda Akta 525 supaya tindakan terhadap aktiviti perlombongan haram ini dapat dilaksanakan berdasarkan kenyataan ini lah. Namun, maklum balas yang diberikan bagi syor kedua semasa prosiding yang lepas masih menyatakan bahawa aktiviti perlombongan haram diperuntukkan di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri yang mana Ahli-ahli PAC sudah sedia maklum tentang perkara tersebut.

Selain itu, saya petik maklum balas syor dua di perenggan 3.2.4, muka surat 16. Laporan tindakan susulan muktamad yang menyatakan bahawa NRES berpandangan tiada keperluan untuk membuat pindaan terhadap Akta 525 berkaitan perlombongan haram memandangkan perkara tersebut telah pun diperuntukkan di bawah bidang kuasa PBN melalui Enakmen Mineral Negeri.

Jadi, isunya sekarang PAC telah dimaklumkan bahawa akan ada pindaan terhadap Akta 525 berhubung dengan isu perlombongan haram ini tetapi dalam maklum balas tak dinyatakan status berhubung perkara ini. Oleh sebab itu, saya mohon penjelasan sebab ada berlakunya percanggahan tentang perkara ini.

Jadi, tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berusaha Puan Norsham, nak jelas dulu kah ataupun— saya minta Puan Norsham mulakan pembentangan dan mungkin boleh terus menjelaskan tentang perkara tersebut. Dipersilakan puan. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk

Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan ahli-ahli ex officio.

Soalan tadi mungkin saya habiskan dulu pembentangan empat sampai tujuh, lepas itu kita akan masuk untuk yang mineral itu di kemudian. Boleh tak Yang Berhormat? [Dicelah] Boleh, okey. Kita mulakan dulu dengan— saya terus kepada pembentangan saya untuk memfokuskan baki empat syor PAC yang tidak sempat dibentangkan semasa sesi prosiding tindakan susulan yang telah diadakan pada 14 Oktober 2024 yang lalu.

Sebelum itu, saya ingin menyampaikan salam takzim daripada Yang Berbahagia Datuk Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam yang tidak dapat bersama kita pada hari ini disebabkan kekangan tugas hakiki yang lain di *Cambodia*.

Jadi, berdasarkan slaid di paparan, kita ada empat lagi syor yang perlu dibentangkan di sini iaitu syor yang keempat berkaitan dengan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan termasuk penggunaan teknologi terkini. Syor kelima adalah supaya JPA dan kerajaan negeri melaksanakan kajian keperluan perjawatan untuk menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan. Syor keenam melibatkan libat urus bersama kerajaan negeri bagi pemakaian Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 dan juga syor yang ketujuh supaya Jabatan Alam Sekitar segera melaksanakan penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada Jabatan PERHILITAN bagi penguatkuasaan pelan pengurusan hidupan liar (WMP).

Saya teruskan dengan syor PAC yang keempat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mulakan dengan inisiatif koordinasi penguatkuasaan antara pelbagai agensi dan jabatan iaitu bagi membanteras pencerobohan pembalakan haram dan pemburuan hidupan liar dalam kawasan perlindungan. NRES melalui Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan Program Perlindungan Biodiversiti dan Rondaan (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme*) atau disebut sebagai BP3 di Semenanjung Malaysia sejak tahun 2020 dan telah diperluaskan ke Wilayah Sabah dan Sarawak melalui Jabatan Hidupan Liar Sabah dan juga *Sarawak Forestry Corporation* bermula tahun 2023.

## ■1210

Pelaksanaan BP3 melibatkan dua komponen utama iaitu Operasi Bersepadu Khazanah dan juga Renjer Komuniti yang melibatkan Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Hidupan Liar Sabah, Sarawak Forestry Corporation, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pihak berkuasa negeri dan juga NGO. BP3 telah menunjukkan keberkesanan dalam membanteras pencerobohan dan pembalakan haram dan pemburuan hidupan liar. Pada masa yang sama juga, BP3 telah membuka peluang pekerjaan kepada komuniti veteran Angkatan Tentera

Malaysia, veteran Polis Diraja Malaysia dan juga komuniti Orang Asli atau Orang Asal dan juga komuniti setempat.

Pelaksanaan OBK sejak tahun 2021 sehingga Julai 2024 telah mencatatkan kejayaan dengan tangkapan seramai 431 orang warganegara dan 91 orang warga asing yang melibatkan sitaan berjumlah RM154.49 juta. Pada tahun ini, seramai 1,920 orang renjer hidupan liar telah dilantik bagi mengukuhkan *boots on the ground* di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan juga di Sarawak melalui program BP3 dengan peruntukan sebanyak RM60 juta. Untuk makluman, program Renjer Komuniti BP3 telah menerima pengiktirafan—*next slide*, daripada *Asia Environmental Enforcement Awards 2023* di bawah kategori *collaboration* oleh *United Nations Environment Programme (UNEP)*.

Dari aspek penggunaan teknologi, di Semenanjung Malaysia pemantauan secara berkala—*next slide*. Berkala dan berterusan ke semua kawasan perhutanan simpan kekal dilaksanakan melalui penggunaan teknologi *Geographic Information System (GIS)* dan *remote sensing* yang terkini. Pemantauan terhadap perubahan litupan kawasan berhutan dan perubahan guna tanah kawasan berhutan dalam kawasan hutan simpanan kekal dilaksanakan melalui pemerkasaan operasi *war room* di JPSM. Laporan data perisikan daripada hasil pemantauan ini dikemukakan kepada Pengarah Perhutanan Negeri berkenaan untuk tujuan pengesahan di lapangan dan juga tindakan penguatkuasaan segera.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menasarkan pemantauan bulanan ke atas semua 595 hutan simpanan kekal melalui pemerkasaan operasi *war room* JPSM. Tindakan pengesahan awal ini memberi impak terhadap penguatkuasaan di lapangan oleh pihak penguasa di Jabatan Perhutanan Negeri.

Selain daripada itu, JPSM juga telah meningkatkan keupayaan pasukan penguatkuasaan perhutanan yang dikenali sebagai JPSM Elit Team atau JET. Pasukan taktikal ini terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri yang telah diberikan latihan khas dalam operasi penguatkuasaan perisikan, serbuan dan juga tangkapan. Pasukan ini akan disegerakan secara berpusat dalam setiap operasi yang dijalankan. Pasukan penguat kuasa di Jabatan Perhutanan ini juga mempunyai kelengkapan operasi yang lebih baik...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** JPSM Elit Team ini memang hanya ada di pusat sahaja? Dia tidak ada di negeri-negeri, tak ada?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Dia di negeri-negeri juga. Sebab nanti dia punya *war room* itu berada di JPSM...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** ...Dan dia ini. Sebab dalam pindaan akta kita yang baru pada tahun 2022 Datuk, kita ada seksyen 3 itu membolehkan pegawai Jabatan

Perhutanan di wilayah dan HQ melaksanakan penguatkuasaan di negeri. Dengan syarat, di negeri dia mewartakan pegawai-pegawai daripada HQ. So, yang itu ya.

Jadi, pasukan penguatkuasaan di Jabatan Perhutanan Negeri juga mempunyai kelengkapan operasi yang lebih baik dan terkini selaras dengan kemajuan teknologi sekarang seperti penggunaan dron dalam pemantauan harian, peralatan komunikasi yang lebih berkesan, pemasangan *camera trap*, pemantauan dan juga langganan imej satelit terkini. Merujuk kepada trend kesalahan hutan di Semenanjung Malaysia bagi tempoh lima tahun ini, didapati jumlah kes kesalahan hutan pada 2023 iaitu 259 kes telah menunjukkan penurunan ketara berbanding dengan 2019 iaitu 386 kes dan 2020, 437 kes.

Penurunan ketara kes kesalahan hutan selepas 2020 ini adalah kerana usaha-usaha penguatkuasaan hutan yang dipertingkatkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri melalui kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan lain di samping pelaksanaan program-program kesedaran kepada pihak berkepentingan masyarakat awam, pelajar sekolah dan penduduk setempat terutamanya kepada komuniti yang penempatan berhampiran dengan kawasan hutan simpanan kekal dan mengenai kepentingan pemeliharaan dan pengekalan kawasan berhutan. Kita sediakan satu video ringkas *less than* satu— kurang daripada satu minit. Urus setia tolong paparkan sikit.

*[Tayangan video dimainkan]*

Okey, itu untuk Semenanjung. Saya terus pergi kepada Sabah. Bagi negeri Sabah pula, kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan Sabah telah meningkatkan keupayaan pemantauan dan juga penguatkuasaan hutan dengan melaksanakan pelbagai inisiatif. Iaitu pertama, melaksanakan MOU dengan Agensi Angkasa atau MYSA untuk memantau perubahan litupan hutan melalui pembangunan sistem iForSABAH melibatkan cerapan dan interpretasi maklumat imej satelit.

Kedua, pembangunan sistem pengurusan spatial hutan melalui projek teknologi geospatial di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 melibatkan kos pembangunan berjumlah RM7.6 juta dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Ketiga, pembangunan *Forest Danger Rating System* untuk memantau tahap ancaman dan juga kesiagaan menghadapi bencana kebakaran hutan. Keempat, penubuhan pasukan penguat kuasa taktikal khas iaitu *PROTECT Team* yang dianggotai 50 orang kakitangan dengan kelengkapan latihan taktikal khas di lapangan.

Kelima, menjalankan auditan *Sabah Timber Legality Assurance System* atau Sabah TLAS sejak tahun 2009 sehingga kini. Melibatkan auditan seluas 1.16 juta hektar kawasan hutan simpan dan sebanyak 1,300 sijil pematuhan dikeluarkan kepada industri hutan huluan dan hiliran. Keenam, mewajibkan semua pelesen untuk mematuhi pensijilan pengurusan hutan kebangsaan dan antarabangsa yang mana seluas 298,332 hektar kawasan hutan asli dan 72,294 hektar kawasan ladang hutan telah disijilkan. Jika kita lihat graf di skrin, sejak

usaha pemantauan dan penguatkuasaan ditingkatkan terutama dengan penubuhan unit khas PROTECT pada tahun 2019, terdapat peningkatan jumlah kes pada tahun 2020.

Peningkatan ini berlaku kerana penguatkuasaan yang lebih efektif dengan kaedah pengesanan dan juga tindakan yang lebih berkesan. Jadi, usaha penguatkuasaan ini memberi impak positif apabila berlaku pengurangan jumlah kes kesalahan hutan menurun pada tahun 2021 dan 2022. Walau bagaimanapun, jumlah kes meningkat sedikit pada tahun 2023 disebabkan oleh aktiviti pembukaan tanah berimilik yang melibatkan beberapa kes kesalahan hutan. Kita paparkan sedikit video pendek mengenai aktiviti pemantauan penguatkuasaan di Sabah.

*[Tayangan video dimainkan]*

K9. K9 anjing pengesan.

## ■1220

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey. Ada. Sarawak. Pengarah Hutan Sabah, ada. Datuk Wira, saya terus kepada Sarawak pula ya. Untuk penguatkuasaan ini.

Jadi, untuk Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jabatan Perhutanan Sarawak telah melancarkan inisiatif *Continuous Monitoring and Surveillance* atau dikenali sebagai COMOS untuk meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan hutan secara berterusan menggunakan teknologi canggih. Inisiatif ini mengintegrasikan penggunaan imej satelit dengan kaedah verifikasi udara menggunakan pesawat khas. Pesawat ini membolehkan pemeriksaan fizikal dan pengumpulan data terperinci yang tidak dapat diperolehi melalui imej satelit sahaja.

Dengan teknologi imej satelit, Jabatan Perhutanan dapat memperoleh gambaran menyeluruh tentang keadaan hutan dan aktiviti pembalakan di seluruh kawasan Sarawak secara *real-time*. Jabatan Hutan Sarawak juga telah mengembangkan keupayaan teknologi maklumat dan komunikasi dengan membangunkan sistem aplikasi seperti *Sarawak Logs Tracking and Forest Revenue System* (REVLOG). Jadi, REVLOG ini adalah sistem aplikasi dalam talian bagi mengurus dan memantau aktiviti pembalakan daripada pengeluaran lesen pemindahan balak dan kutipan cukai pengusaha hasil lanun balak.

Selain itu, kejayaan dalam menangani masalah pembalakan haram di Sarawak juga merupakan hasil daripada sokongan politik yang kukuh dengan penubuhan *State Task Force on Illegal Logging* atau STIFL. Jadi, STIFL adalah sebuah badan yang dianggotai oleh pelbagai agensi penguatkuasaan Persekutuan dan negeri termasuk Jabatan Hutan, polis, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pelbagai agensi penguatkuasaan tempatan yang lain.

Penubuhan *taskforce* ini dipimpin dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Premier Sarawak yang memastikan koordinasi dan kerjasama antara semua pihak berkepentingan dalam memerangi pembalakan haram di Sarawak.

Graf di paparan menunjukkan trend kesalahan hutan di Sarawak bagi tempoh lima tahun yang menunjukkan trend pengurangan. Antara faktor yang menyumbang kepada pengurangan jumlah kes adalah pindaan kepada *Forests Ordinance 2019* yang telah diluluskan oleh DUN Sarawak pada 22 April 2015 dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 bagi menggantikan *Forests Ordinance 1958*. Pindaan ini merangkumi peningkatan nilai penalti dan hukuman serta menambah baik kuasa-kuasa pegawai hutan dan polis bagi menjalankan penguatkuasaan hutan. Kita sediakan juga video pendek mengenai aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan di Sarawak.

*[Tayangan video dimainkan]*

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Itu makluman bagi syor nombor empat, Yang Berhormat. Ada sebarang pertanyaan?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nak tanya untuk yang *page*, yang bilangan kes kesalahan hutan Sarawak, bukan? Kalau kita tengok daripada 184 turun itu *because I think because of* pada ketika itu COVID-19. *And then*, ada dia punya kenaikan yang sangat signifikan 79 ke 116. Itu boleh jelaskan kenapa keadaan itu kenaikan yang banyak? Mungkin dari segi *enforcement you all* lipat kali ganda dan nampak ada berlakunya kesalahan kah atau pun bagaimana?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Saya jemput Datu Hamden.

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]:** Terima kasih Pengerusi. Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi.

Kalau kita lihat dari segi trend kes kesalahan hutan yang Sarawak ini memang nampak daripada sebelum ini agak tinggi. Kita telah pun membina sistem kita COMOS dan juga semualah sistem-sistem yang ada untuk memantau secara— kalau nak dikatakan *real-time*-lah. Sebab, kita menggunakan satelit 24 *hours*. Yang mana ia memberi maklumat tentang keadaan landskap kawasan hutan dan juga bukan hanya kawasan hutan tetapi juga tentang pembukaan-pembukaan aktivitilah. Aktiviti pembukaan-pembukaan tanah di seluruh Sarawak.

Sebelum kita mengambil tindakanlah menghantar pesawat kita dan juga helikopter dan juga mungkin kalau di daratan kita akan menghantar inilah dan memang berlaku lagi kesalahan-kesalahan ini. Kesalahan ini banyak yang faktornyalah, yang *illegal logging* yang betul-betul *illegal logging* itu mungkin kita memang mengambil penekanan yang lebih seriuslah. Tetapi, kalau di Sarawak. Kalau Yang Berhormat dari Sarawak mungkin tahu lah tentang kawasan-kawasan NCR contohnya. Terdapat juga kawasan-kawasan yang dibuka oleh komuniti sendiri untuk mereka ke kawasan-kawasan ladang, kawasan-kawasan pertanian dan sebagainya.

Tetapi, mereka ini dia tak memohon permit, lesen dan sebagainya. *Still* kita bagi pihak kamilah, mana-mana pihak yang menebang kawasan hutan ini walaupun ia milik persendirian

ataupun NCR, masih lagi kita anggapkan satu kesalahan. Walaupun bukan sebagai *illegal logging* yang sebenarnya. Tetapi, kesalahan menebang tanpa permit. Satu dari segi kesalahan pengurusanlah.

Sebab itu, kalau kita lihat itu dalam 2023 contohnya. Kebanyakannya kes ini melonjak apabila sekarang ini dah ramai ataupun bilangan pihak-pihak contohnya komunitilah. Komuniti yang membuka kawasan-kawasan ini. Kita buka kes juga. Kita buka kes sebagai satu kesalahan dan kita ambil tindakan. Tetapi tidaklah begitu berat dari segi kesalahannya sebab ini merupakan tanah-tanah hak milik mereka. Cuma, kalau kesalahannya dari segi tidak ada permit yang mereka tidak mengikut saluranlah mengenai permohonan permit dan sebagainya. Sebab itu, kita lihatlah ada lonjakan sikit dari segi trend peningkatan tersebut.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih Datu.

**Datuk Ali anak Biju [Saratok]:** Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya, Saratok.

**Datuk Ali anak Biju [Saratok]:** Susulan daripada NCR tanah adat ini yang ada mengambil balak ataupun tanah kayu di kawasan mereka sendiri. Apa yang saya nampak *personal experience* kebanyakkan Orang Asal ini dia— satu dia *ignorant*, tak tahu yang itu perlukan permit. Kedua, nak minta permit itu di mana? Jadi, Jabatan Hutan itu di mana?

Jadi, agak menyusahkan mereka. Mereka kebanyakkan tinggal di hulu sungai dan nak minta permit itu pergi balik ke pejabat semua itu. Itu salah satu daripada menyusahkan mereka sebab jauh. *And then*, dia orang ini kebanyakannya adalah orang tempatan. Dia tanam sawit sendiri. Tanam, mungkin dia— tanaman lainlah.

Jadi, apakah tindakan untuk memudahkan untuk khas untuk NCR *land* ini, tanah adat ini. Memudahkan Orang Asal ini meminta permit tersebut? Sebab, kesnya memang ada. Saya tahu ada kes. Sebab, ada yang *complaint*. Ada yang tak suka sungai dia kotor. Orang lainlah. Memang ada kes ini. Jadi, macam mana nak memudahkan pemberian permit ini? Saya rasa kalau melalui normal prosedur itu agak rumitlah untuk mereka ini dan berapa banyak kes yang melibatkan tanah NCR dalam aktiviti balak ini yang dikira tak ada permit ini? Terima kasih.

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk soalan ini memang, kita memang menyedarilah tentang keadaan ini. Mengapa ramai pemilik-pemilik tanah adat ini, NCR ini tidak memohon permit. Kita tahu lah tanah adat ini dia bukannya satu, dari segi persempadanan tanah ia bukan dimiliki oleh satu individu sahaja.

■1230

Kadang-kadang ia dimiliki oleh ramai, beratus orang. Satu, *one piece of land* mungkin 200 hektar, 300 hektar tapi dimiliki oleh ramai. Jadi, pihak jabatan memang agak sukarlah nak menentukan pemilikan sebenar untuk setiap individu. Tetapi kami telah pun mengambil inisiatiflah. Saya ingat dalam masa dua, tiga tahun yang lepas ini, sehingga sekarang kita

telah pun banyak membuat jerayawara (*roadshow*) bersama dengan pihak pejabat residen dan juga pejabat-pejabat daerah. Untuk membuat taklimat tentang permohonan untuk lesen-lesen – OT-lah, kita panggil OT untuk lesen-lesen kecil seperti ini untuk bagaimana pihak pemilik-pemilik tanah adat ini dan juga tanah-tanah persendirian – bukan sahaja tanah adat tetapi juga tanah persendirian, untuk memohon.

Kita telah pun memberi penerangan secara terperinci dan di banyak-banyak tempat sekarang ini. Tetapi itulah banyak – sebab dari segi pemilikan tanah itu agak sukar sebenarnya untuk dipenuhi, kalau dari segi kriteria lah. Sebab itu di peringkat kementerian, kita ada dua kementerian yang mengendali keadaan inilah. Satu *is* Kementerian Industri Makanan (M-FICORD) dan juga tanah-tanah adat inilah yang akan mengesahkan tentang pemilikan tanah ini, siapa punya, adakah ia dibenarkan dibuka dan sebagainya sebelum pergi kepada kementerian kamilah, Kementerian Sumber Asli (MUDeNR).

Ada satu jawatankuasa lagi sebab *it's not that really* mudahlah sebenarnya untuk kami nak mengeluarkan lesen-lesen ini. *Because* kita nak *dealing with* tanah-tanah orang ini dan kita tak semudah itulah untuk mengeluarkan lesen. Tapi itulah kita cuba sebaik mungkin untuk *facilitate*, untuk membantu pemilik-pemilik tanah adat ini untuk mereka membuka kawasan-kawasan ini untuk perladangan, untuk pertanian dan sebagainya. Memang kes-kes yang sebegini memang banyak sekarang ini. Saya tak bawa, minta maaf. Mungkin nanti kemudianlah saya boleh bagi kepada Yang Berhormat. Banyak sekarang ini kes-kes begini yang mana mereka ini *just* buka saja, dia tebang di kawasan pokok-pokok di kawasan itu dan biarkan di situ. Pihak kami terpaksa ambil tindakanlah, terpaksa merampas semualah kayu-kayu inilah. Tapi kami tak kompaun merekalah *because* kita tahu mereka ini – tanah-tanah ini hak milik mereka. Cuma kita merampas semua kayu-kayu balak tersebutlah sebagai hak milik kerajaan.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengurus, boleh tak tanya fasal Selangor? Ini pengalaman. Kalau di pulau-pulau kan, dia memang *primary forest* kan, memang tak *touch especially* kalau daripada Pelabuhan Klang pergi ke Pulau Ketam. Kita pergi dekat sana nampaknya hijau saja, elok saja, *mangrove* kan. So, yang pernah ada ini ialah di pulau ini luarnya nampak *okay* tapi dalamnya botak sebab pokok *mangrove* ini – apa namanya *mangrove*?

**Seorang Ahli:** Bakau. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Bakau ini adalah bagus untuk buat tiang. Buat tiang rumah dan sebagainya *especially* di Pulau Ketam itu sendirilah. Jadi, saya nak tahu – ini *last time* masa saya ADUN, sekarang dah di apa kan, *it's still in* Kapar. So, sekarang ini bagaimana dia punya status *you all* nak pantau ini tadi dengan yang apa ini kan, dengan apa namanya yang nak pantau itu, kan? Sebab *this is island* dan mungkin *forest tree* tak ada di situ. Dia juga melibatkan orang yang mungkin yang berada di situ yang *cover*. Sebab mesti

ada aduan, kan? Sebab bila kita lalu, orang ramai lalu, beribu-ribu orang lalu tapi tak nampak sebab benda dekat dalam. So, macam mana dengan teknologi canggih *you all*, adakah *monitoring, continuous monitoring* dibuat?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Saya jemput Dato' KP JPSM.

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Direktorat) (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia) (JPSM)]:** Terima kasih kepada YB Datuk Wira dan juga YB daripada Selangor.

Jadi, pertamanya yang isu-isu yang berkaitan inilah yang kita kata bahawa yang paling penting dalam usaha untuk pengesahan perubahan kawasan ini adalah menggunakan *war room* di mana kita menggunakan satelit yang *near real time* dan juga *accuracy* dia *two meters*. Kita boleh menggunakan siri imej *yearly and annually*.

Jadi, saya ingat di pantai Klang, pulau-pulau di pantai Klang ini isu dia banyak. Satu isu pencerobohan digunakan untuk mengambil kayu-kayu balak haram dalam kawasan pertengahan yang tidak dapat disedari oleh rakyat di luar sanalah. Keduanya isu berkaitan dengan import dan eksport kayu bakau yang digunakan oleh negara Indonesia, negara jiran di mana dia menggunakan kesempatan ini untuk mengambil kayu-kayu bakau daripada Selangor untuk dibawa balik ke Selangor dan sebagainya.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, itulah yang menunjukkan kepentingan untuk kita memantau menggunakan satelit supaya kita nampak perubahan yang berlaku di kawasan-kawasan hutan. So, jadi mekanisme *war room* ini, kita ada dipanggil Laporan Perisikan Data di mana data *intel* ini kita akan salur kepada negeri. So, sekiranya kita dapat pengesahan terdapatnya perubahan kawasan-kawasan bakau, pembukaan kawasan yang nampak jelas pembukaan, kita akan maklumkan kepada Pejabat Hutan Selangor untuk membuat semakan dan verifikasi di kawasan lapangan.

Sebab itu dalam konteks Semenanjung Malaysia ini kita kena jelas bahawa urusan tanah ini dia pelbagai. Kadang-kadang kita dapati bahawa kawasan itu memang dah luluskan untuk tujuan pembangunan dan sebagainya ataupun atas aktiviti-aktiviti yang lain. Sebab itu data *war room* ini bukan sahaja data daripada satelit tapi data sokongan daripada kerajaan negeri tentang berlakunya perubahan-perubahan dalam aktiviti-aktiviti. Mungkin setengah kawasan itu bukannya kawasan hutan perlindungan tapi hutan itu untuk tujuan pembangunan. Contoh macam pembangunan ECRL, pembangunan *highway, dam* yang kadang melibatkan kemasukan ke kawasan-kawasan hutan simpan kekal. Mungkin data-data itu dulu kita tak ada rekod tetapi dengan adanya *war room* ini kita minta supaya sentiasa kerajaan negeri *update* dalam sistem kita supaya kita tahu apa yang berlaku dalam kawasan tersebut.

So, verifikasi yang akan dibuat oleh pegawai-pegawai penguat kuasa di negeri Selangorlah untuk memberi laporan segera kepada *war room*, apa yang berlaku di kawasan tersebut. Sekiranya ada kesalahan, tindakan akan diambil.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Nak faham; satelit itu, *you all* punya satelit *national level itu*, dia boleh cover Semenanjung, Sarawak, Sabakkah macam mana?

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Ke Semenanjung saja.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Semenanjung saja.

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sebab itu Sarawak *and* Sabah dia ada sistem lain.

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Siapa yang *own this* satelit?

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Di bawah Jabatan Perhutanan. Kita akan *rent* imej satelit ini.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Di Sarawak?

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [FDS]:** Kalau saya boleh membantulah. Satelit ini dia banyak, di dunia inilah. Satelit daripada pelbagai pihak, Datuk Wira. Dia ada daripada *European*, ada juga daripada Rusia dan sebagainya.

Kami contohnya, kami di Sarawak khususnya untuk program ini kita gunakan Program *Copernicus* yang disediakan oleh European Space Agency. European Space Agency ini dia menyediakan data ini yang memberi data terbuka kepada semua. *We can upload the data* ini secara percumalah dalam kita panggil buruj (*constellation*) di udara itu atau bintang-bintanglah. Satelit ini merupakan bintanglah tapi buatanlah, bintang buatan, dia banyak. Itulah tadi kalau di Sarawak kita gunakan *European* punya satelit yang kita ambil dan kita gunakan di dalam sistem kita. Pelbagai satelit yang ada di dunia, dia pelbagai jenislah. Contohnya Sentinel-1, contohnya. Sentinel-1 selalunya digunakan untuk melihat perubahan *land used*, landskap. Kalau ada pembukaan kawasan – kalau dulunya hutan dan sekarang dah jadi kawasan, contohnya ladang, contohnya pembukaannya. Itu Sentinel-1 bila dapat. Kalau untuk yang Sentinel-2 contohnya, yang lebih *optical*-lah, dia boleh *zoom in* kepada untuk *enforcement* itu. Itu adalah lebih tepat lagi dan ia juga ada disediakan oleh pihak-pihak yang tertentulah seperti *European* tadi.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira, nak tahu. *It's the satellite* ini exclusively disewakah, di apa *by* Sarawakkah macam mana ini? Sama juga dengan Semenanjung. *Exclusively* ataupun *sharing* dengan orang lain.

■1240

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Kalau di Sarawak, kita *subscribe* – kita boleh *subscribe*. Kita boleh beli *online* sebenarnya. Kita bayar secara bulanan, ya macam kita menyewalah dan kita boleh *upload*...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** ...*Satellite imageries* yang mereka ada ini dan kita gunakan stail itu untuk kegunaan kita.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh *share* dengan kita, berapa jumlah kos yang terlibat untuk langganan satelit ataupun penggunaan satelit sama ada dari Sarawak ataupun Semenanjung? Sabah juga.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Sabah juga. Mungkin saya panggil Sabah dulu.

**Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah (JPS)]:** Terima kasih Puan TKSU dan Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi.

Bagi Sabah pula, kita punya *subscription cost* kita melalui sentinel juga seperti Datu Hamden katakan. Lebih kurang RM750,000 setahun, Datuk Pengerusi dan juga ini dibiayai melalui Federal lah, melalui NRES. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, sebenarnya Jabatan Perhutanan Sabah telah pun memberi maklum balas semasa pemeriksaan oleh Kementerian Kewangan.

Sebagai contoh, Jabatan Perhutanan mempunyai satu MoU dengan MYSA bagi pemantauan perubahan hutan di Sabah bagi tahun 2021 sehingga 2025. Isunya adalah Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, MYSA sendiri mempunyai had. Maksud dia, dia ada limitasi dari segi perolehan imej itu seperti yang dikatakan oleh pihak JPSM tadi, *near real time*. Jadi, *near real time* kita ini kadang-kadang satu bulan. Dia bukan satu hari Yang Berhormat Datuk Wira.

Jadi dalam konteks ini, apa yang kami syorkan kepada Kementerian Kewangan bahawa adalah wajar Kerajaan Malaysia memperkasakan MYSA. Jadi dengan ini isu-isu yang kerap dibangkitkan sebagai contoh, seperti *RimbaWatch* ya, *RimbaWatch* yang kerap mengkritik kementerian, Jabatan Perhutanan. Tetapi kalau dilihat dari segi *legality*-nya, kita ini hanya pengguna.

So, sebagai contoh sekiranya dia melibatkan nanti— kami ada satu kes mahkamah yang mana kami pun telah kalahlah di mahkamah ini disebabkan oleh *verifier*, pemilik *satellite image* itu sendiri sedangkan kita hanya pengguna. Apabila pembuktian di mahkamah, ini akan melibatkan *legal aspect*-lah, Yang Berhormat Datuk Wira. Jadi, selayaknya dan sewajarnya mungkin kita perlu melihat untuk memperkasakan MYSA sebagai *the only sole agency* yang boleh memberikan pengesahan *legality* di mahkamahlah, sebagai contoh. Wajar juga kalau Malaysia sendiri mempunyai satelit untuk tujuan pemantauan ini.

Sebab *all this while, we are relying on this service provider*-lah macam Datu Hamden katakan tadi itu. Jadi, ada *certain area* yang kebetulan pada waktu itu kalau cuaca tidak bagus dengan *cloud cover* dan sebagainya, kami tidak boleh menjalankan interpretasi lah. Jadi itu tambahanlah Datuk Wira. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Untuk makluman, MYSA ini adalah Agensi Angkasa Malaysia. Dulu dikenali sebagai MACRES dan ia di bawah MOSTI sekarang ini. Untuk JPSM?

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** So, mungkin saya boleh *highlight* tentang kos lahir, kos *subscribe* kepada *Planet Imagery* ini. Pertama, berdasarkan kepada keluasan. So, kalau di Semenanjung Malaysia ini, kita menggunakan 43,000 kilometer persegi. Satelit dalam masa 12 bulan dan dia satu lagi *hit*, hanya boleh *hit* 20,000 views sahaja. So, dia akan kontrol situ lah. So, kos yang terlibat adalah RM2.8 juta yang diperlukan di Semenanjung Malaysia tapi ini pakej yang normal lah. Pakej yang kita nak ialah pakej yang dapat *the series of image*. Maksudnya kita boleh tahu kawasan ini dulu mungkin berapa hektar telah buka dan tahun bila dia *start* mula-mula.

So, ini akan menjangkau kos sebanyak RM3.2 juta. So, jadi semua teknologi ini mesti *based on image satellite*. Jadi, *by hook or by crook*, Jabatan Perhutanan perlu ada imej ini yang *near real time* di mana bezanya hanya 12 jam sahaja. Kalau yang terbaru punya *Planet Imagery*-lah dan juga *accuracy*-nya dua meter. So, keperluan ini memang mendesak kepada semua Jabatan Perhutanan dan juga Sabah dan Sarawak kerana berdasarkan kepada kemampuan manual yang hendak mengawal kawasan hutan yang lebih daripada 4.8 juta hektar dan berapa kilometer persegi ini. Di mana kakitangan kita yang terhad, kita tidak dapat mengawal secara ini lah.

Berbanding dengan semenanjung dengan Sabah Sarawak pula, Semenanjung ini *rapid development* yang tinggi berbanding dengan Sabah dan Sarawak. So, kita kena dapat *exactly* maklumat apa yang berlaku di lapangan. Di Semenanjung ini, mungkin lagi unik sebab kita ada 14 negeri, dasar pembangunan yang berbeza dan juga polisi-polisi yang *in terms of land use* berbeza. So, *information* di bawah pun penting, satelit pun penting dalam Jabatan Perhutanan lah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengurus. So, boleh tak setakat ini kita buat satu kesimpulan bahawa kita *rely so much on satellite*? Keduanya, perkhidmatan satelit yang digunakan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak—keupayaan satelit-satelit ini berbeza-beza. *Is it correct statement? Subscription* lain tapi dari segi keupayaan itu. *Is it...*

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Keupayaan.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ...Boleh tak kita simpul setakat ini saya faham maknanya keupayaan satelit yang Semenanjung pakai, Sabah pakai, Sarawak pakai berbeza-beza keupayaan dia?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Ya. Dari segi *real time* dengan...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Ha, ya lah. Keupayaan satelit itu lah.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Ya, ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Is it the right statement to make at this stage?*

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Boleh saya bantu untuk ini? Okey. Satelit ini—untuk kita mendapatkan *satellite image* ya, ia perlulah mendapatkan satu daripada satelit yang paling dekat dengan kawasan tersebut, yang paling dekat. Mana-mana imej satelit yang dapat memberi *satellite image* ya, yang paling dekat dan yang paling jelas ya, itu yang terbaik sebenarnya.

Sebab itu kami di Sarawak, kita gunakan yang *European* itulah. Itu yang memberikan imej yang terbaik sebab kadang-kadang imej dia tidak begitu. Sebab itu harga dia tadi—julat harga untuk *satellite image* ini berbeza. Daripada RM3,500 hingga RM5,000 *one piece*. Kalau di Sarawak—the whole Sarawak itu, *at least* kita memerlukan 350 pieces of images yang kita buat *stitching* untuk kita mendapatkan imej keseluruhan. Jadi, untuk mendapatkan imej ini, dia perlukan satu satelit paling dekat supaya imej yang diberikan memberi gambaran sebenar.

Sebab itu dulu kita ada di Malaysia ini. Kita ada RazakSAT ya, RazakSAT kan. *Satellite—I don't know.* Saya difahamkan mungkin dah tak aktif ataupun dah jatuh ke apa tak tahulah. Sebab itu kalau boleh ya, Malaysia lancarkan sendiri satelit ini. Kita di Sarawak pun adalah ura-ura nak lancarkan sendiri sebab keperluan masa kini. Memang satelit adalah satu yang sangat-sangat penting, yang perlu digunakan. Senang memudahkan kita memantau bukan hanya untuk perhutanan tapi dari semua segi pembangunan yang berada di muka bumi ini lah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya faham keperluan satelit. Cuma saya nak pastikan sahaja. Maknanya keupayaan satelit yang digunakan untuk memantau di Sabah, Sarawak dan Semenanjung, keupayaan satelit itu berbeza-beza. *Is it standardised punya requirement, specifications sama ataupun berbeza-beza?*

Maknanya—kenapa saya tanya soalan ini? Kerana ya lah, kalau *resolution satellite* itu lebih *accurate, real time* dan sebagainya dan dia boleh menembusi awan. Contoh dan digunakan di Semenanjung macam itu, kalau Sabah Sarawak tak digunakan keupayaan macam itu, jadi dia akan memberi gambaran berbeza-beza dari segi keupayaan memantau. Itu sebabnya saya tanya soalan itu lah.

**Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto [JPS]:** *All right.* Yang Berhormat Datuk Wira. Kalau boleh menambah sedikit bahawa *actually* ia *based on requirement*, Yang Berhormat. Maksudnya keupayaan itu sendiri seperti yang dijelaskan, *sentinel one and two*. Kalau kita *require* untuk tujuan pemantauan, contohnya penguatkuasaan. Kita cukup yang *basic* sahaja, Yang Berhormat. Tetapi kalau untuk memantau spektrum ataupun perubahan struktur hutan yang memerlukan banyak *bandwidth for example*, kita memerlukan imej satelit yang lebih terperinci dan detillah. Sebetulnya keupayaannya sama Yang Berhormat. Cuma *based on user requirement-lah* dan harganya pun berdasarkan informasi yang kita perlukanlah, Yang Berhormat.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jadi adakah *user requirement* yang ditentukan di Semenanjung, Sabah, Sarawak kita menggunakan *user requirement* yang sama ataupun berbeza?

**Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto [JPS]:** Beza Yang Berhormat sebab *forestry is state matter* kan. Jadi, mengikut keperluan Jabatan Perhutanan masing-masing lah, sebagai contohlah.

#### ■1250

Tetapi, dari segi definisi hutan itu sendiri di peringkat kebangsaan, kita telah pun melalui kementerianlah. Kita telah mempunyai satu kata sepakatlah, contohnya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya, *user requirement* berbezalah? Maknanya, membawa erti— contoh. Ini contoh saja. Contoh, maknanya kalau misalnya di Semenanjung pakai *resolution* yang rendah, Sarawak pakai *resolution* yang tinggi contoh, maknanya Sarawak— keupayaan Pejabat Hutan Sarawak lebih berupaya untuk mengenal pasti penerokaan baharu lebih cepat, lebih tepat berbanding dengan Semenanjung kalau itulah keadaan dia.

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Kalau boleh saya bantulah ya, okey. Keupayaan untuk kegunaan ini, kegunaan satelit ini dia memanglah berbeza berdasarkan keperluan masing-masing. *Even* untuk Jabatan Perhutanan contohnya, dengan untuk pertahanan, mungkin sangat-sangat berbeza penggunaannya. Mungkin ada dari satelit yang dapat menembusi sampai ke peringkat dapat melihat orang dia, manusia sendiri.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Minta maaf, Datu. Saya nak bandingkan dari segi pemantauan, dari segi hutan Semenanjung, Sabah, Sarawak saja. Saya tak tanya fasal keselamatanlah pula. Itu nak perang kah apa, itu bab lain. Dari segi hutan saja ini. Maknanya, *user requirement* Semenanjung, Sabah, Sarawak sekarang dah *confirm* berbeza-beza. Oleh kerana perbezaan itu memberi gambaran ataupun memberi kenyataan bahawa hasil daripada pemantauan itu menggunakan *requirement* yang berbeza-beza itu, hasil dia akan berbeza-beza jugalah?

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Tidak juga. Dia terpulang kepada sistem apa yang kita ada di *ground*. Kalau Jabatan Perhutanan, mungkin kita mempunyai satu sistem. Contoh, yang tadilah yang [*Tidak jelas*] dan sebagainya, REVLOG. Itu sistem yang kita bina di dalam jabatanlah dan apakah keupayaan kita untuk mengambil satelit yang ada di dunia ini. Begitu juga, mungkin di JPSM, mereka membina sistem yang bagaimana yang boleh menarik satelit tersebut. So, terpulang kepada sistem yang ada di agensi masing-masinglah.

Tetapi, dari segi apa yang nak dicerap, nak dilihat dan sebagainya, sama saja. Dari segi pembukaan kawasan, itu sajalah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Ya lah. Macam kita nak pergi daripada A ke B, ada orang pakai Kancil, ada orang pakai BMW. Jadi, objektif nak pergi sampai ke A. Pemantauan itu objektif dia sama. Cuma, saya nak pastikan sama ada kita pakai— semua pakai PROTON ataupun ada yang pakai Kancil ataupun ada yang pakai BMW. Itu yang saya nak pastikan.

**Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto [JPS]:** Kalau boleh menambah Yang Berhormat, sebetulnya dari segi *accuracy* ini, kalau untuk tujuan— *we are talking about protection and enforcement* lah kan, Yang Berhormat. Kalau kami di Sabah, *even resolution* 10 meter pun sudah memadai sebab ini hanya untuk *detection*. *The real* penyiasatan *is based on boots on the ground*. Kita akan *deploy* kita punya staf untuk menentukan— kita tidak perlulah membeli *inmate satellite* yang sampai kepada *accuracy*. Contohnya, sentimeterlah sebab kita bukan macam Yang Berhormat kata, kalau pertahanan, dia perlu sampai *to that extent* tetapi kalau untuk *level* kami ini, 10 meter pun sudah memadai.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Soalan berikutnya. Tadi, ada dalam slaid itu cakap, *camera trap*. Apa maksud *camera trap*? Soalan ketiganya, lepas balak-balak itu dirampas, apa jadi pada balak itu? Bagaimana *disposal of these* balak-balak ini, kan? Maknanya, kita ambil daripada orang yang peneroka haram. Selepas itu, balak itu pergi ke mana? Macam mana proses? Terima kasih.

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** So, YB Datuk, tentang berkaitan dengan perampasan kayu-kayu ini, kita akan mengikut kalau di Semenanjung Malaysia, kita akan berdasarkan kepada Akta Perhutanan Negara yang mana kita akan menyita semua kayu-kayu yang dikategorikan sebagai kayu haram (*illegal*) dan kertas siasatan akan dibuka. Dia panggil satu *clause*, barang-barang boleh lupus.

Maksudnya, atas dasar mahkamah, pengarah boleh melupuskan kayu-kayu tersebut melalui lelongan ataupun lain-lain yang diputuskan oleh kerajaan negerilah. Jadi, aman itu akan dimasukkan dalam kes mahkamah dan sebagainya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya, ini *applicable to* Semenanjung, Sabah, Sarawak inilah?

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Sama ke? *Different-lah.*

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Dia berdasarkan ordinan dan juga enakmen masing-masing di Sabah dan Sarawak.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Boleh dapat sikit gambaran Sabah, Sarawak macam mana?

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Kalau di Sarawak, semua kayu-kayu yang dirampas oleh pihak Jabatan Hutan ataupun oleh agensi-agensi lain, ia akan kita serahkan kepada satu agensi khas. Di Sarawak, kita ada satu agensi khas yang akan membelilah balak-balak ini iaitu sebuah anak syarikat milik kerajaan Sarawak.

Mereka yang akan buat pelupusan untuk melelong dan menjual kepada pihak-pihak berkenaan. Itu yang merupakan dari segi untuk *legalise the process*-lah kayu-kayu balak ini. So, bukannya— kami hanya menyita dan menjual kepada pihak agensi tersebut dan hasil itu nanti akan masuk balik kepada kerajaan negeri.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Kena masuk melalui mahkamah juga ataupun macam mana?

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Terpulang. Kalau kes itu melalui mahkamah, dia akan pergi ke mahkamah dan wang— kita sebenarnya kalau kes mahkamah, kita akan lupuskan dulu kayu balak ini sebab kita kadang-kadang— mahkamah ini *takes time*.

Kita akan buat pelupusan. Kita jual kesemua dulu dan masukkan dalam satu tabung *trust fund*-lah, *trust fund*. Kalaulah kes itu kerajaan menang, hasil daripada ini tadi, daripada *trust fund* akan masuk kepada kerajaanlah. Kalau kita kalah, kita akan keluarkan daripada *trust fund* itu, kita kena serah baliklah kepada pemenang tersebut.

**Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto [JPS]:** Untuk konteks Sabah Yang Berhormat, ada dua keadaan. Bagi kes yang dirujuk ke mahkamah, selepas ada perintah mahkamah, dia akan dilucut hak milik kepada kerajaan negeri dan seterusnya, kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan kita akan tenderlah secara *open*. So, *the highest bidder will get the logs*.

Bagi kes kedua pula, sekiranya balak-balak itu tidak— tangkapan itu tidak melibatkan suspek yang mahu didakwa, maka kita akan *advertise* selama sebulan. Jadi, kalau tidak ada tuntutan, maka kita akan rujuk ke mahkamah untuk mendapatkan perintah mahkamah untuk dilucutkan hak miliklah dan diserah kepada kerajaan negerilah. Sekiranya ada tuntutan, kita akan menjalankan siasatan kepada si penuntutlah. Apa dia punya *locus standi* dia untuk menuntut. Begitulah, Yang Berhormat.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Berkaitan dengan *camera trap* tadi Yang Berhormat, dia dipasang di dalam hutan simpanan kekal ataupun kawasan perlindungan seperti Taman Negara, untuk kita nak ambil gambar. Selain daripada gambar penceroboh hutan yang masuk, yang *poacher* itu, kita juga menggunakan *camera trap* ini untuk mengenal pasti hidupan-hidupan liar yang ada di kawasan tersebut. Ini mungkin Dato' KP PERHILITAN boleh *highlight*-kan sikit.

**Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [Ketua Pengarah, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)]:** Yang Berhormat Datuk Wira. Assalamualaikum, salam sejahtera. Salam Malaysia Madani.

So, *camera trap* ini bagi Jabatan PERHILITAN, kita telah lama menggunakan. Dia apabila lalu depan itu, dia akan ambil gambar. Itu dia punya konsep dia. Daripada dulu, sebesar-besarnya macam ini, sekarang ini dia dah jadi macam besar *handphone* saja. Dulu, dia pakai bateri D, sekarang dia pakai CR13 litium itu.

Jadi, untuk penggunaan untuk Jabatan PERHILITAN *camera trap* ini, so, kita bagi Jabatan PERHILITAN, kita nak tahu apa spesies binatang dan berapa bilangan binatang. Sebagai contohnya, bila harimau lalu, kita akan pasang kiri, kanan. Kita tengok ID dia di perut dengan di kepala, dia punya gelang itu. So, di situ kita tahu berapa bilangan Harimau Malaya berdasarkan kepada *camera trap*.

Sebenarnya, kami menggunakan *camera trap*-lah untuk kita nak anggarkan bilangan hidupan liar. Contohnya, macam kita buat *National Tiger Survey*. Daripada 2016 sehingga 2020, kita pasang lebih kurang sebanyak 4,000 lebih *camera trap* dengan keluasan lebih kurang 40,000—44,000 kilometer per segi dan kita dapat lebih kurang tiga juta gambar.

Kita ada analisa dan kita tahu *average overall*. Lebih kurang kita punya—*statistically*-nya, populasi Harimau Malaya kita yang ada di *Peninsular Malaysia* ini ialah lebih kurang 150 ekor saja. Dari situ, kita tahu. Begitu juga dengan hidupan liar yang lainlah.

Dia yang sehingga hari ini, teknologi dia kalau lalu, dia akan tangkap gambar. Nanti, kita akan kutip *after* dua, tiga bulan. Bermakna, dalam hutan dia boleh tahan lebih kurang dua, tiga bulan saja. Nanti, kita akan—bateri itu kita tukar, gambar kita ambillah. *Then*, kita ganti baru.

Ada lagi yang kalau tempat yang ada *line* telefon, bila—contoh, penceroboh. Dia masuk, kamera itu dia tangkap. Kemudian itu, dia akan masuk dalam *handphone* kita dan kita boleh tengoklah, dalam masa *real time*-lah. Kita boleh hantar orang kita pergi siasat.

## ■1300

Yang *latest* yang pakai satelit pun ada tapi setakat yang jabatan ada yang lalu tangkap dan kita tukar bateri setiap tiga bulan dan satu lagi kalau tempat lain-lain, adalah masuk dan kita akan tengok dan kita akan pergi cek biasanya untuk *enforcement*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Sikit, sikit je, sikit je. Maknanya *camera trap* ini lebih kepada untuk PERHILITAN-lah *rather than* untuk orang menceroboh tebang...

**Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [PERHILITAN]:** Dia untuk *research* dan juga *enforcement* untuk PERHILITAN-lah. Kami banyak guna *camera trap*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Itulah, maksudnya yang *camera trap* yang dirujuk dalam slide ini lebih untuk PERHILITAN ataupun untuk manusia?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Untuk yang JPSM itu untuk yang manusia penceroboh itu sebab seperti mana dimaklumkan oleh Dato' KP PERHILITAN tadi, selain daripada gambar haiwan hidupan liar—sebab kamera itu dia letak pasang dua, seberang sana dan seberang sini dekat pokok, kiri kanan dan selain daripada hidupan liar yang kita dapat tangkap melalui imej itu, kita dapat tangkap juga gambar penceroboh-penceroboh itu sendiri sebab mereka juga masuk ke dalam hutan mengambil kayu karas untuk gaharu.

So, dua-dua sekalilah untuk hidupan liar dan juga untuk kita nak— penceroboh tersebut. Sebab kebanyakan imej yang kita lihat daripada yang dikumpulkan oleh JPSM dengan Jabatan PERHILITAN, kebanyakan yang menceroboh itu adalah warga asinglah yang kita lihat di situ.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Last ya. Sikit, minta maaf. *The custodian to this— custodian* kepada kamera ini dan dia punya bahan *images* dan sebagainya, *custodian* kepada siapa?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Adalah di bawah jabatan— Jabatan PERHILITAN.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jabatan PERHILITAN punyalah, maknanya kalau gambar manusia itu PERHILITAN akan hantar kepada ...

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Hantar kepada pihak polis dan sebagainya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** So, *the custodian is PERHILITAN-lah.*

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** PERHILITAN. Semua disimpan di PERHILITAN.

**Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [PERHILITAN]:** Yang Berhormat Datuk Wira, kalau untuk PERHILITAN ini bila kita *especially* untuk *enforcement*, bila kita dapat imej gambar itu, kita akan ambil tindakanlah pergi ke polis dan juga mungkin dengan Jabatan Hutanlah kalau dalam kawasan hutan simpan, contohnya dia masuk kawasan hutan simpan. Sebab dia kawasan perlindungan dan hutan simpan, dia sebelah-sebelah saja. So, kalau ada kadang-kadang dapat gambar dia bawa guni, ada juga kadang-kadang dia bawa baranglah, ada yang bawa senapang, ada yang bawa keluar gading pun ada, situ tahu lah.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Kayu.

**Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [PERHILITAN]:** Kayu-kayu pun kadang-kadang ada juga. So, kita akan *contact* perhutanan. Itulah dia.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Terima kasih.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi, saya nak tanya sikit je. Dia pemantauan ini dia bukan hanya pemantauan, tengok orang ambil haiwan, tembak harimau dan sebagainya tapi juga melibatkan kecurian balak, masuk itu sekalilah. Okey, soalan saya ialah dia bila kita— jabatan hutan bagi *license* untuk tebang balak, dia ada *specification* dia *girth or circumference*, bukan? *Below that girth or circumference*, dia tak boleh tebang.

Yang itu banyak kes berlaku tak ataupun dia banyak orang yang ditangkap sebab itu—dia dapat lesen tapi dia tebang pokok yang salah. *Girth*-nya kecil, *smaller than what is specified*-lah.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Betul.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Ada apa-apa pencerahan tak? Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Dato'.

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** So YB Datuk Wira dan YB Dato' Wira, tentang perkara itu saya ingat memang perkara itu masih lagi berlaku di kawasan-kawasan lesen tetapi benda itu senang dapat *detect* kerana kita dah ada sistem *tagging* dan juga sistem RFID dalam mengesan kesalahan ini bagi kesalahan-kesalahan pelesen menggunakan sedikit untuk mengambil pokok-pokok yang di bawah had tebangan yang dibenarkan.

Kita ada sistem yang boleh *control* sampai ke pengeluaran di balai dan sebagainya dan di kilang. So, jadi perkara ini memang berlaku, jadi kita ketatkan lagi sistem *timber chain*, rantaian kayu balak daripada kawasan luar sampai pada kawasan kilang dan sebagainya. Jadi, untuk menuntut sebarang perlakuan-perlakuan yang tidak dibenarkanlah.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Banyak tak kes ini berlaku?

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Kes ini...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Percentage...

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Kes ini saya ingat statistik—*[Merujuk kepada pegawai JPSM]* Ada Encik Radhi? Ada maklumat?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Kita akan *provide* kepada YB nanti, ada.

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Jadi, saya nak tambah sedikit tentang Jabatan Perhutanan punya tentang kamera ini tadi. Jadi teknologi yang kita belum *explore* lagi adalah *geofencing*. *Geofencing* ini ialah untuk memasang—berfungsi sebagai sempadan-sempadan *border* di kawasan hutan simpan dan hutan perlindungan di mana kemasukan manusia, getaran sebagainya dapat *detect* segera dalam kita punya *war room*.

So, jadi mungkin sekarang ini jabatan tengah *explore* perkara ini supaya kawasan-kawasan *fencing* kita dipagar dengan *geolocation* dan sebagainya dan bukan berbentuk fizikal pagar tapi *geofencing*-lah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Betong. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, saya ada tiga persoalan. Yang pertamanya merujuk kepada slaid ke-10 ini mengenai pembalakan dan pemburuan hidupan liar di Sarawak.

Kita tahu bahawa Sarawak ini luas, satu. Adakah kakitangan penguat kuasa yang ada sekarang cukup untuk menjalankan tugas-tugas di bawah sana? Kedua, sejauh manakah teknologi yang ada yang digunakan sekarang dan bila didapati ada isu-isu haram ini, adakah kakitangan penguat kuasa itu tadi dapat menjalankan tugas *real-time*-lah contohnya bila ditemui satu isu pemburuan ataupun pembalakan daripada pemantauan teknologi tadi, kita mempunyai kakitangan yang sedia ada untuk *verify on the ground there* pada masa yang tepat supaya bukti-bukti itu tadi tidak hilanglah. Itu yang pertama.

Kedua ialah mengenai apa yang disebut oleh rakan saya dari Saratok tadi iaitu *genuine NCR land owner* yang ingin mengusahakan tanah-tanah mereka lebih-lebih lagi kebun-kebun kecil dan sudah tentu ianya melibatkan penebangan pokok-pokok. Dinyatakan tadi isunya mereka memang tidak tahu cara nak memohon permit OT.

Soalan saya, adakah terdapat isu-isu yang *contractor-driven*? Maksud saya tadi ada kontraktor-kontraktor yang rakuslah, yang sengaja menyalahgunakan tuan punya tanah NCR ini tadi tapi niat dia sebenar dia nak mengambil balak-balak daripada kawasan yang tanah NCR itu tadi dengan alasan tuan punya tanah tadi nak mengusahakan tanah-tanah dia. Itu yang kedua,

Ketiga ialah mengenai rantaian ataupun *timber chain* ini tadi. Adakah kita mempunyai satu teknologi *traceability* contohnya apabila dia sampai di *mill* itu, di kilang itu tadi, kita tahu bahawa bahan *timber* itu tadi *you can trace it to the particular area*, di satu-satu kawasan dalam rantaian balak-balak itu tadi. So, itulah persoalan saya. Terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Jadi saya jemput Datu Hamden.

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Okey, terima kasih Pengerusi. Untuk menjawab soalan ini tadi dari segi kakitangan cukup atau tidak, cukup. Kita terpaksa *bah* cakap cukuplah sebab kita keluasan di Sarawak besar, 7.6 juta hektar yang memberi peratusan 62 peratus keluasan daripada negeri Sarawak. Memang sangat luas.

#### ■1310

Kalau dari segi kakitangan kita yang ada 1,000 lebih sedikit, 1,054 orang yang mana yang bukan perkeranian dan sebagainya yang betul-betul yang di dalam hutan itu mungkin dalam 500 ataupun 600 orang sahajalah. Memang dari segi keupayaan, kalau nak mereka nak melaksanakan tugas, pergi pemantauan secara *on the ground* itu memang tak cukup. Memang tak cukup. Tapi *alhamdulillah*, dengan adanya teknologi yang kita ada sekarang ini. Teknologi yang kita – ini yang boleh membuat kita membuat pemantauan dengan lebih meluas dan kita memberikan maklumat dengan lebih tepat, cepat dan sebagainya.

Jadi, inilah yang memberi satu kelebihanlah dengan bilangan yang kita ada. Kita mampu untuk membuat tindakan dengan cepat untuk segera ke tempat-tempat yang kita ada. Contohnya tadilah, dari segi imej-imej satelit yang agak *real-time* walaupun dalam masa dua minggukah, kita dapat mengetahui sebenarnya apabila kawasan-kawasan itu telah dibuka

dalam masa tempoh tersebut. Dengan itulah kita dapat menggerakkan anggota kita dan kita di Sarawak ini *alhamdulillah-lah* kerajaan Sarawak membenarkan Jabatan Hutan menggunakan pakai tiga helikopter. Tiga helikopter yang kita boleh guna, gerakkan. Kalau tak ada *election*-lah selalunya. Kalau *election time* itu mungkin YB banyak pakai.

*[Ketawa]*

Kalau dalam keadaan biasa, kita dibenarkan. Kita tiga helikopter bergerak...

**Seorang Ahli:** *Anytime ya? [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** *Anytime.* Itu kerajaan punya, bukan jabatan punya. Kita sewa dengan kerajaan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Makan tak ada?

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** *[Ketawa]* Itu yang boleh mempercepatkan tindakan apabila kita dah dapat maklumat daripada satelit, daripada *war room* kita dan kita dapat menggerakkan anggota kita menggunakan helikopter di tempat-tempat yang tidak dapat diakseslah menggunakan sama ada jalan raya dan sebagainya. Okey. Itu satulah.

Yang kedua, dari segi teknologi tadilah. *Real-time action* untuk pemantauan. Memanglah saya ingat di ketiga-tiga wilayah Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak. Kita sekarang memang membangunkan teknologi-teknologi inilah untuk membuat dari segi pengurusan dan juga pemantauan kawasan.

Dari segi NCR tadi, *contractor-driven*. Saya ingat memang betullah YB. Mungkin memang ada kes-kes yang demikian. Sebab tanah-tanah NCR ini tanah yang besar. Yang saya maklumkan awal tadi dimiliki oleh ramai; 300 hingga 400 orang pun mungkin. Mungkin ada dalam sebahagian penduduk ini yang ada berkumpulanlah. Ada yang mengambil kontraktor sendiri dan tidak membuat apa nama itu rundingan dengan kumpulan-kumpulan yang lain. Ini yang akan membuat satu *dispute*-lah, pertelingkahan golongan yang telah pun mengambil kontraktor untuk membuka kawasan dengan golongan yang tidak mahu. Sebab itu kita di Jabatan Hutan ini agak sukar sebenarnya nak mengeluarkan lesen-lesen OT ini sehinggalah kita mendapat kepastian daripada pemilik-pemilik tanah ini, keseluruhan ini.

Sebab itu untuk hal-hal tanah NCR ini kita serahkan kepada Kementerian M-FICORD untuk memberi maklum kepada kami adakah kementerian tersebut memberi kebenaranakah tidak untuk membangunkan itu sebelum kita mengeluarkan lesen. Okey. So, kita agak itulah. Memang melihat keadaan ini agak – berlaku, memang berlaku di Sarawak.

Satu lagi, dari segi rantai *timber chain* tadi. Memanglah seperti – saya ingat di Sabah dan juga di *Peninsular*, mereka juga mempunyai sistem ini. Kalau kami di Sarawak, *we have the REVLOG* tadi. *REVLOG is a log tracking system.* Setiap balak yang ditebang di hutan walaupun bukan di kawasan ini, tapi *at least* di bloklah, ataupun di *coop*-lah. Blok ini – kita panggil blok, kawasan ini lebih dari 400 hektar. Kita boleh dapat memantau dia sebab dia

akan dibagi satu ID khas. Setiap pokok kalau di Sarawaklah, saya ingat mungkin Semenanjung dan Sabah sama jugalah. Setiap pokok yang ditebang itu dia akan dibagi satu ID. Ada kad pengenalan masing-masing sebenarnya. Ada nombor, ada ID yang akan dilekatkan kepada setiap balak yang akan keluar daripada sesuatu kawasan. Setiap maklumat tentang kayu tersebut yang ada dalam ID itu akan dimasukkan dalam sistem kita. Sistem kita kalau di Sarawak, kita mempunyai lebih kurang 40 *forest* kita panggil *Forest One-Stop Centre* (FOCC) yang mempunyai satelit masing-masing. Yang mempunyai – pemancar satelit yang boleh – maklumat itu akan dimasukkan di situ, di dalam kawasan hutan.

Sebab kita nak memantau pergerakan balak ini daripada kawasan balak ditebang, perjalanannya ke sungai sehingga ke tempat akhirnya. Sama ada dia pergi ke *sawmill* ataupun ke *export point*. Kita boleh memantau pergerakan, kita tahu di mana dia berhenti, dekat mana dia akan dieksport dan sebagainya melalui pemantauan ini. Ini akan memastikan balak-balak haram tidak memasuki sistem tersebutlah. Kalau balak haram yang tidak mempunyai ID di situ cuba nak memasuki sistem untuk *legalise* dia punya ini, *automatically the system will reject it* dan kita tahu *that is the illegal*. Okey – ini kita mempunyai sistem tersebut, kita panggil *log tracking system* yang akan memantau setiap pergerakan kayu balak di negeri Sarawak.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Terima kasih.

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Okey. Terima kasih Datu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kuala Pilah, lepas itu Sik ya.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Lanjutan daripada soalan yang ditanyakan oleh Ahli Parlimen Betong tadi. Saya nak tanya sikitlah. Pertamanya, tentang bilangan kes kesalahan hutan ini sama ada ia di Sabah dan Sarawak mahupun Semenanjung. Trend dia ini ada tak kesalahan ini kesalahan satu-satu ataupun adanya dilakukan oleh kartel? Maknanya itu, peningkatannya ini 2022, 79 bilangan kesalahan di Sarawak, meningkat 116. Maknanya, ada tak *trespasser* ini, mereka menceroboh ini yang mereka yang daripada kontraktor kartellah? Makna kontraktor yang sama juga di beberapa kawasan ini. Itu soalan pertama.

Yang keduanya, ada tidak berlaku dalam konteks hutan di Semenanjunglah, kesalahan yang dilakukan oleh Orang Asli? Contohnya, mereka ini masuk kadang-kadang mereka *claim* kawasan itu kawasan rayau mereka. Kadang-kadang mereka melakukan penebangan juga dan soalan saya, sama ada, ada atau tidak di kawasan Semenanjunglah terutamanya berlakunya kesalahan-kesalahan yang sebeginu rupalah di mana Orang Asli ini kadangkala bila kita turun, mereka ingin kawasan mereka itu digazet sebagai kawasan mereka. Sedangkan ia berada di dalam hutan simpan negara. Jadi soalan saya, itulah. Sama

ada, ada kesalahan ini terdiri daripada kesalahan-kesalahan sebegitu rupa? Terima kasih Yang Berhormat *Chairman*.

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tadi. Pertamanya tentang isu kartel dan sebagainya. So, melalui semakan dan juga pemantauan yang dibuat oleh Jabatan Perhutanan, kita rasa kartel tidak wujud dalam pembalakan haram. So jadi, trend kesalahan hutan yang berlaku di Semenanjung Malaysia bukannya satu *big scale of illegal logging*. Tetapi ia berlaku seperti mana yang disebut oleh YB tadi, *offences* yang dibuat oleh *licensees* dan yang besar yang kita rasa ketara adalah pencerobohan tanah. Tanah-tanah yang berlaku dalam kawasan-kawasan di pinggir hutan simpan kekal. Itu yang soalan yang pertama. Jadi, statistik yang kita guna itu adalah kes ladang hutan, 259 adalah kes-kes kesalahan bawah Enakmen Perhutanan Negara dan bukannya khusus untuk *illegal logging*.

Okey. Yang kedua berkaitan dengan kesalahan Orang Asli. Orang Asli di Semenanjung ini, pertamanya dia adalah mata dan telinga Jabatan Perhutanan. Jadi, apa yang di – apa yang selalu dibangkitkan oleh Orang Asli adalah kawasan-kawasan yang di-*claim* sebagai kawasan rayau dan kita bagi lesen itu kepada pembalak ataupun untuk tujuan ladang hutan dan sebagainya. So, dia *against* perkara-perkara tersebutlah.

Mana-mana aktiviti-aktiviti pengeluaran balak dan perbukaan kawasan yang sah dari sudut undang-undang, tetapi Orang Asli *claim* kawasan tersebut adalah kawasan rayuan mereka dan kawasan-kawasan adat mereka. So, jadi itu yang timbul isu dengan Orang Asli. Apa yang berlaku adalah untuk kes Orang Asli ini adalah kes-kes yang melibatkan *minor forest product*. Terutamanya sebagai pengambilan kayu-kayu gaharu dan juga ubat-ubatan dalam kawasan hutan. Di mana mengikut Enakmen Perhutanan Negara, di bawah status tanah hutan simpan kekal dan tanah kerajaan, tiada keistimewaan kepada mana-mana pihak untuk mengeluarkan kayu kecuali dengan satu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri.

So, itulah yang berlaku. Kadang-kadang, isu-isu Orang Asli ini digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengeluarkan *minor forest product* seperti gaharu, buluh dan lain-lain hasil hutan kecil. Madu dan sebagainyalah.

#### ■1320

Itu yang kalau kita lihat *general* isu berlaku kes-kes yang di bawah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Ada jawapan? Ada lagi?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Indra Purwandita B Herry Sunjoto:** Bagi konteks Sabah pula, memang kita tidak merekodkan kesalahan hutan yang berpunca daripada kartel. Tetapi seperti yang dijelaskan oleh Dato' KP JPSM tadi ini, ia melibatkan *administrative offenses*. Kalau kita panggil *breach of condition by licensee*. Biasanya itu yang kita kesanlah, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengurus. Saya ada lima soalan, sikit. *[Ketawa]* Tetapi, mudah-mudah. Soalan mudah ini. *[Ketawa]* Sekali tanya sahaja. Sekali harung tanya sahaja. *[Dicelah]* Pertama tadi yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kuala Pilah tadi mungkin sikit penyelesaian konflik dengan orang tempatan termasuk Orang Asli ini iaitu penggunaan tanah adat.

Jadi, dilihat oleh jabatan sendiri, adakah ada keperluan dari segi undang-undang yang ada sekarang ini? Maknanya, adakah undang-undang ataupun enakmen hutan kita itu sudah mencukupi dalam soal kita nak *protect* hutan itu sendiri? Kita juga maknanya ada kekangan bahawa kita nak kena jaga tanah-tanah adat ini. Maksudnya tanah Orang Asli, tambah hutan rayau dia orang dan sebagainya. Jadi, dari segi perundangan itu sendiri, adakah sudah memadai kita nak *protect* kedua-dua pihak itu ataupun ada keperluan untuk kita nak semak balik perundangan kita lah? Itu yang pertama.

Kedua, ada sikit *camera trap* tadi ini. Adakah kes yang— maknanya kes khianat di kalangan penceroboh ini. Mungkin kalau dapat, mungkin ada yang yang di rekod ataupun di *report*. Di tempat sayalah di Sik, disebut maknanya cerita orang kampung lah ya. Penceroboh ini dia tahu ada kamera di beberapa *area* itu. Dia *first* dia akan pergi cari kamera itu dahulu. Kemudian, dia buang kan. Dia rosakkan kamera itu. Lepas itu, baru dia masuklah ke *area* itu. Jadi, adakah kes itu dapat dalam rekod jabatan itu sendiri?

Ketiga, berkaitan dengan— ini perkara yang berlaku langsung di tempat sayalah di daerah Sik, sempadan di Hutan Ulu Muda. Beberapa bulan lepas, saya dijemput oleh pihak berkuasa di sebelah selatan Thailand, di Yala. Kebetulan isu ini isu lintasan gajah-gajah liar dari hutan kita ke Thailand. Jadi, isu ini dibangkit ketika lawatan Speaker Parlimen Thailand ke— bertemu dengan Speaker kitalah, Dewan Rakyat iaitu ada kes segerombolan gajah ini dan mereka kena pasti gajah itu dari hutan di Sik ini, *[Dicelah]* Hutan Ulu Muda ini. Dia cross ke Thailand. Di sana itu kebun durian banyak. Jadi, baru ini durian pun sana lebat. Jadi musim dia pun penuh dan ladang-ladang dia orang durian ini masuk dan musnahkan hutan durian dia orang dan dia nak makan buah durian itu lah.

Jadi, saya kata ini bukan kuasa saya. Saya kata kena rujuk PERHILITAN. Dia kata tak apa lah datanglah sebagai— dia kata kenal kawan. Saya pun pergi lah. Jadi, saya pun nak cakap macam mana. Saya kata masalahnya gajah kita ini tak ada pasport. *[Ketawa]* Jadi, siapa nak cap pasport dia? *[Ketawa]* Isunya agak serius di sebelah selatan Thailand. Maknanya, katanya berpuluhan ekar kebun durian yang dimusnahkan oleh gajah ini.

Saya sempatlah ada berhubung dengan pihak PERHILITAN di daerah Sik. Saya tanyalah dan rupanya kita ada satu perjanjian. Ada satu *agreement treaty* mengenai perdagangan spesies flora dan fauna. Apa dia panggil CITES ini. [Dicelah] lalu dia punya—rupanya kalau gajah kita pergi seberang sebelah Thailand, itu kira gajah Thailand. Kalau gajah Thailand datang masuk sebelah kita, itu kira gajah kita. Jadi, saya kata masalah ini selesai lah. Bila gajah itu masuk ke Thailand, itu gajah dia lah. Jadi, kita tak perlu jawablah. [Ketawa]

Sebab, dia punya macam dia nak minta kita tengok seolah-olah macam perlu bayar pampasan dia oranglah kan. Jadi, saya kata itu tak timbul lah. Jadi, saya nak tanya dari segi CITES ini, perjanjian ini adakah ada diperbaharui balik? Bagaimana hubungan kita dengan pihak Thailand untuk menguatkuasakan konvensyen ini lah ya? Untuk nak selesaikan masalah ini. Banyak betul *noh?* [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Dah. Cukup, cukup. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Last sekali. Yang keempat, dua tahun lepas Jabatan Perhutanan Semenanjung pergi ke daerah saya buat kajian sosioekonomi. Saya juga sebenarnya terlibat dalam dipanggil untuk beri pandangan dalam kajian ini oleh pegawai di sana iaitu nak lihat isu bagaimana penduduk tempatan ini yang dia bergantung dengan hasil hutan untuk dia mencari makanlah. Cari rezeki, buluh, madu lebah dan sebagainya. Jadi, apakah dapatan daripada hasil kajian ini? Termasuk mungkin juga di daerah lain. Adakah dia ada perkara-perkara yang kita dapat tambah baik dari segi kita nak memelihara hutan itu sendiri dan kita juga nak hasil-hasilnya sebenarnya ada manfaatlah untuk sosioekonomi penduduk tempatan itu sendiri? Itu sahaja. Baik, terima kasih.

**Puan Norsham binti Abdul Latip:** Okey, untuk *camera trap*, tentang isu *cannot* tadi dan juga gajah saya persilakan Dato' KP.

**Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [PERHILITAN]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira. *Camera trap* yang kita pasang ini kalau ikut persen, saya ingat lebih kurang satu persen rosak. Tetapi, bukan sahaja disebabkan oleh penceroboh, ada disebabkan oleh hidupan luar pun ada. Biasanya kita *camera trap* itu kita tambat dekat pokok. Kadang-kadang dia orang tebang pokok itu dia bawa lari kamera dengan pokok-pokok sekali. Daripada tiang itu kan, dia bawa lari. Ada juga yang dia pecahkan pakai parang tetapi dia tak ambil cip dalam itu. So, kita kenallah orang penceroboh itu. Kadang-kadang orang tempatan dan juga orang dari Vietnam pun ada. So, dengan barang-barang dia sekali lah. Kita buat laporan polislah mana yang rosak ini kan.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sikit, sikit. Berapa tinggi kamera itu?

**Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [PERHILITAN]:** Berapa tinggi?

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Yakni yang sampai binatang pun nak apa musnahkan.

**Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [PERHILITAN]:** Dia, kita pasang kamera itu kita ikut *target*. Kalau untuk harimau, kita akan pasang tinggi ini. Kalau kita nak *target* gajah, kita pasang tinggi lagi. Kalau yang biasa, kita biasa pasang tinggi antara perut dengan dada sahaja lah. Kalau kita ambil *small mammal*, kita pasang tinggi lutut. Jadi, nak tengok *target* apa yang kita nak ambil. Dia tak boleh satu itu dia boleh ambil semua. Kadang-kadang kita letak dekat bahagian perut ini, gajah kita nampak kaki sahaja. Rugi.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Itulah tak nampak.

**Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [PERHILITAN]:** Dia ada dia punya— kita ada kita punya *method*-lah. Dari segi sains saintifik kita ada, kita nak ambil apa.

Tetapi, *overall* kita boleh nampak semualah. So, termasuklah dengan penceroboh ini. Itu kadang-kadang dia orang pecahkan kamera ataupun dia bawa lari kamera itu. Kita pasang dekat tiang, dia potong tiang itu. Dia bawa lari dengan tiang-tiang sekali dengan kamera itu. Itu dari segi *camera trap*-lah.

Dari segi gajah tadi itu, yang masuk itu kita pun tak boleh buat apa sebab tak ada sempadan, tak ada pagar. Lepas itu, gajah dia bukan sama sahaja. So, pasport pun tak ada pasport. *[Ketawa]* Mana-mana masuk belah Siam, jadi Siam punya. Kita pun nak *claim* kita, kecuali kita dalam hutan itu kita dah cip kah apa. Kita pun tak tahu kan. Mana— asal tiba-tiba ada sana, ada sini kan. Tetapi itu sudah biasalah. Cuma, bila musim buah memang gajah akan pergi turun makanlah.

Sama sahaja dengan Malaysia ini. Di tempat kita di Semenanjung Malaysia ini. Bila musim buah, dia akan turun lepas itu masuk balik dalam hutan. Tetapi, Kerajaan Malaysia dia untuk di sini lah. Sebab, kita menyediakan Bantuan Kerosakan Harta Benda dan Ketenteraman (BKHT). Kita— rakyat boleh *claim*-lah kalau disebabkan oleh hidupan liar dan orang kita akan turun untuk mengesahkanlah ini memang gajah, ini memang harimau, ini beruang punya kerosakan. Dia ada dia punya kategori-kategori berapa ringgit beri, kita boleh buat tuntutan. Termasuklah kalau ada berlaku kecederaan atau kematian. Dia ada pampasan pula oleh serangan hidupan liar.

So, ada untuk kerosakan tanaman dan untuk kecederaan. Ada, kedua-dua ada. Itu sahajalah. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Kita nak pergi...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Dua lagi soalan Dato'. Fasal perundungan tanah adat dengan kajian sosioekonomi itu. Mungkin ada jawapan dia?

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** So, YB untuk soalan pertama itu, untuk membetulkan. Pertamanya, di Semenanjung ini kita tak ada undang-undang tanah adat. Kita panggil tanah Orang Asli di bawah Akta 134. Akta Orang Asli. So, jadi kebanyakan negeri ada yang menerima akta ini. Ada negeri yang tak menerima.

Walau bagaimanapun, contoh di negeri Kelantan kita akan gazetkan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara kepada kawasan-kawasan Orang Asli yang telah berjaya di mahkamah dan sebagainya. So, jadi *term* tanah adat ini hanya digunakan di Sabah dan Sarawak. So, di Semenanjung kita menggunakan kawasan-kawasan yang diwartakan di bawah Akta Orang Asli. Apa yang dituntut oleh Orang Asli kebanyakannya dia *claim* kawasan itu sebagai kawasan dia dan dia berhajat untuk dapatkan tanah berimilik kepada individu Orang Asli. So, perkara ini patut di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan banyak dasar yang tertentulah.

Jadi, apa yang di Jabatan Perhutanan, kita hanya menjalankan aktiviti mengiktiraf kawasan-kawasan yang ada *interest* kepada Orang Asli, contohnya kawasan kubur, kawasan-kawasan yang berkepentingan agama Orang Asli kita akan *mark* dalam pelan pengurusan kita supaya tidak menyentuh kawasan-kawasan tersebutlah. Berkaitan dengan kawasan ekonomi ini hasil...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kawasan rayau ini macam mana? Kawasan rayau Orang Asli ini dia ada satu...

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Kawasan rayau ini pun dalam akta tak ada. Dalam Akta Orang Asli pun tak ada kawasan rayau itu. Cuma kita atas dasar keputusan kerajaan negeri. Mungkin kita akan bagi pelepasan rayau kawasan-kawasan itu untuk tujuan mencari makan bukan untuk tujuan komersial. Mencari makan untuk tujuan kehidupan dan kesejahteraan Orang Asli. So, *in terms of* undang-undang, saya tak ada lagi *stated* tentang kawasan rayau ini.

Jadi, yang berkaitan dengan ekonomi ini, laporan ekonomi ini saya ingat saya akan beri kepada PAC, buku yang telah dikeluarkan tentang kawasan perolehan ekonomi kawasan Ulu Muda. Kesimpulannya, dia menunjukkan bahawa *very significant economic* kawasan-kawasan yang mempunyai kepentingan kepada komuniti terhadap kawasan-kawasan Ulu Muda terutamanya bukan sahaja dari sudut *minor forest* tetapi *ecotourism* yang boleh dimanfaatkan oleh komuniti tentang perkara tersebut. Jabatan Perhutanan Negeri Kedah sedang menyiapkan rancangan pengurusan hutan kawasan Ulu Muda yang lebih komprehensif melibatkan kesemua tentang kualiti air yang akan digunakan dan pengurusan-pengurusan yang dibenarkan untuk manfaat ekonomi komuniti setempat.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Sedikit tambahan Pengerusi. Ada juga mengenai isu timbul di Ulu Muda ini ialah komuniti tempatan dia menggunakan sebagai alternatif air bukit, air daripada air terjun dan sebagainya. Tapi bila berlaku pembalakan, jadi ada sebahagian tempat ini memang rosaklah, sumber air yang dipanggil tandak air itu. Jadi, adakah pihak jabatan sendiri melihat mungkin dari segi pemetaan keseluruhan hutan Ulu

Muda ini? Maknanya, perlu ada spesifik tempat yang perlu dilindungi khususnya ketika dalam proses pembalakan itu.

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Dia YB, memang kita akan dapatkan— kita akan tanda dan bagi permit kepada mana-mana orang kampung yang membuka tandak. Tapi, yang menjadi isu sekarang ini, tandak itu ikut kawasan balak. Kalau kawasan balak itu, katalah sebelum itu tiada tandak, apabila *start* lesen untuk balak, tandak wujud situ. So, dia *follow* kawasan-kawasan pembalakan. Dia bukan datang daripada awal. So, itu jadi isulah.

Jadi, kadang-kadang ada motif yang lain oleh penduduk kampung ataupun orang tertentu menggunakan operasi pembalakan ini sebagai satu peluang untuk dia mewujudkan tandak air. Jadi, sebenarnya tandak-tandak air yang telah di-*register* dan daftar di dalam Jabatan Hutan telah kita *earmarked* dan kita pelan dan keluarkan permit kepada penduduk-penduduk. Apa yang berlaku ini yang baru-barulah. Kadang-kadang bila ada kelulusan baharu, dia akan mewujudkan tandak di situ. Jadi, ini satu perkara yang patut diselesaikanlah.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Bermaknanya kalau kata tandak itu dia lebih awal daripada pengurusan balak itu, maknanya dia digazetkan?

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Ya, ya. Dia akan diberi permit.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dah tak ada gajah lagi, ya? So, *last question from Kubang Pasu* sebelum kita pergi ke syor lima.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *A short one.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Jadi, saya nak tanya Pengarah Hutan Sarawak. Dalam awal tahun 2000, saya masih ingat ada sebuah syarikat dari Sarawak datang ke Kedah. Masa itu Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak, arwah. Dia nak buat *heli harvesting* sebab di Sarawak ketika itu *dia orang* buat *heli harvesting*. Adakah *heli harvesting* ini masih lagi dilaksanakan di Sarawak? Dia cabut macam cabut uban itu.

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** *Heli harvesting* ini kita dulu ada 1990s lah, 1990an apabila harga kayu balak itu sangat, sangatlah *lucrative*, sangat tinggi. So, operasi helikopter ini sangat mahal, sangat mahal. Dulu di Sarawak kita menggunakan helikopter itu *Sikorsky* itu yang daripada Rusia dan sangat-sangat tinggilah dari segi kosnya. Hanya balak-balak yang kita anggap sebagai premium, yang berkualiti tinggi premium untuk dieksport yang dapat memberi pulangan yang tinggi untuk *to cover up the harvesting* itulah. Sekarang ini dah tak ada lagi sebab harga dah terlalu jauh menjunam dan saya ingat syarikat helikopter pun dah tak ada lagi dekat Sarawak.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Suruh dia datang Kedah, nak buat dekat Kedah.

**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [JHS]:** Itu saya— *I'm not aware of that.*

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Saya ingat YB Dato' Wira yang di Kedah sekarang ini, di kawasan Ulu Muda kita syaratkan menggunakan *log fisher*. *Log fisher* di mana dia pancing. Antara isu berkaitan dengan alam sekitar semasa pembalakan adalah pembinaan jalan dan pembinaan lorong-lorong penarik. So, dengan menggunakan *log fisher* ini, dia praktikal di mana tidak ada pembukaan jalan lagi. So, dalam istilah lateral ini pancinglah. Dia akan pancing balak dan tarik menarik melalui kabel, melalui *log fishing* inilah.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Dia pakai kabel?

**Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [JPSM]:** Kabel. So, ini semua terkandung dalam satu garis panduan dipanggil garis panduan *reduce impact logging*. So, saya ingat di Kedah, kerajaan negeri telah bersetuju konvensional seperti mana menggunakan [Tidak jelas] tak dibenarkan, hanya menggunakan *log fishing* dalam usaha pengurusan hasilan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih. Kita pergi ke syor yang seterusnya.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Terima kasih Datuk Wira. Saya teruskan dengan syor kelima. Syor kelima ini kepada JPA dan juga kerajaan negeri untuk melaksanakan kajian keperluan perjawatan bagi memastikan sumber manusia mencukupi dari segi bilangan dan kemahiran untuk menjalankan aktiviti pemantauan dan juga penguatkuasaan.

Untuk makluman, kementerian telah mengadakan sesi libat urus bersama dengan Bahagian Perjawatan dan Organisasi, JPA pada Ogos yang lepas mengenai keperluan pelaksanaan kajian berkenaan. Pada sesi tersebut, pihak JPA memaklumkan bahawa kajian keperluan perjawatan perlu dilaksanakan berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1 berkenaan Garis Panduan Kawalan Perbelanjaan Awam atau kemas kini 2024 bertarikh 25 Julai 2024 yang masih terpakai dan perlu dipatuhi. Antara lain pekeliling tersebut menyebut bahawa perwujudan jawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti ataupun *trade-off* dan pindah butiran atau *deployment* serta tiada implikasi kewangan tambahan.

Selain daripada itu, pihak JPA juga memaklumkan bahawa dasar semasa dalam melihat sebarang keperluan perjawatan berdasarkan objektif organisasi, pertambahan atau pengurangan fungsi serta pertambahan kompleksiti tugas. Ketiga, kajian keperluan perjawatan dilaksanakan perlulah berdasarkan kepada relativiti, kompleksiti dan beban tugas. Keempat, perbandingan dengan jawatan yang mempunyai fungsi tugas setara sama ada dalam kementerian yang sama ataupun dengan kementerian-kementerian lain juga perlu dikaji. Kelima, keperluan perjawatan mengikut keutamaan perlu dikaji bagi memastikan pertimbangan perjawatan adalah optimum.

JPSM untuk pada masa ini sedang melihat semula keperluan perjawatan secara menyeluruh khususnya melihat pengukuhan dan pemerkasaan fungsi dan pemantauan serta penguatkuasaan hutan di peringkat ibu pejabat dan juga negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Perak telah mengemukakan permohonan penstrukturkan organisasi kepada JPA pada tahun 2023 dan permohonan ini masih dalam perhatian JPA.

Bagi Sabah pula, Jabatan Perhutanan Sabah telah selesai melaksanakan kajian perjawatan melalui JPA Negeri Sabah pada tahun 2024 dan kini dalam proses pengisian. Sarawak juga telah selesai melaksanakan kajian perjawatan melalui JPA Negeri Sarawak pada tahun 2023 dan kini dalam proses pengisian jawatan. Uniknya untuk Sarawak selepas beberapa kali sesi konsultasi, JPA telah meluluskan perjawatan melibatkan 143 jawatan pelbagai gred di bawah Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam ataupun KP untuk melaksanakan fungsi pemantauan dan penguatkuasaan hutan di Sarawak.

#### ■1340

Kalau ikutkan, untuk Skim Perhutanan ini pemeliharaan hutan, bukan? Tapi untuk Sarawak, selepas *fight* dengan JPA, kita dapat 143 perjawatan di Gred Keselamatan dan Pertahanan Awam. Okey, slaid seterusnya.

Secara umumnya, pengisian perjawatan keseluruhan di Jabatan Perhutanan ketiga-tiga wilayah adalah di antara 68 hingga 78 peratus, manakala pengisian jawatan bagi menjalankan aktiviti pemantauan, penguatkuasaan adalah di antara 70 hingga 79 peratus. Daripada— kalau kita tengok daripada keluasan kawasan berhutan di ketiga-tiga wilayah, secara kasarnya nisbah keluasan hutan yang perlu dikawal selia oleh seorang pegawai penguatkuasaan— penguat kuasa adalah seperti berikut.

Kalau untuk Semenanjung, satu pegawai penguat kuasa dia kena tengok di antara 15,775 hektar kawasan hutan, kalau seorang. Di Sabah, satu pegawai penguat kuasa equivalent to 8,526 hektar kawasan hutan dan di Sarawak, satu pegawai penguat kuasa 13,698 hektar kawasan hutan yang hendak dipantau. Dalam hubungan ini, terdapat keperluan mendesak untuk mengisi penuh perjawatan di jabatan-jabatan perhutanan bagi menjalankan aktiviti pemantauan dan juga penguatkuasaan secara efektif.

Seterusnya, kalau kita lihat Laporan Ketua Audit Negara tajuknya adalah Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar. Saya sentuh di sini juga berkaitan dengan Jabatan Alam Sekitar ya. Cabaran pemantauan dan juga penguatkuasaan isu alam sekitar juga menjadi kompleks seiring dengan pembangunan yang dikecapi oleh negara termasuk isu alam sekitar yang timbul merentasi sempadan.

Walaupun jika kita lihat dalam slaid peratus pengisian di Jabatan Alam Sekitar adalah melebihi 90 peratus, namun jumlah ini tidak mencukupi dan perlu dikaji semula. Dalam hubungan ini JAS sedang melihat semula keperluan perjawatan secara menyeluruh

khususnya melihat pengukuhan dan pemerkasaan fungsi pemantauan dan penguatkuasaan kualiti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 termasuk juga mengenai penguatkuasaan EIA sebelum permohonan dikemukakan kepada JPA melalui kementerian.

Pengukuhan perjawatan di JAS akan memberi tumpuan untuk memperkasakan keseluruhan perjawatan di JAS ibu pejabat, JAS negeri dan juga cawangan. Jadi, penstruktur semula dan pengukuhan organisasi secara menyeluruh ini perlu dilakukan kerana kali terakhir penstruktur semula di JAS adalah pada tahun 2002.

Bagi penstruktur semula di ibu pejabat, ia akan melibatkan aspek kawal selia terhadap obligasi antarabangsa, pengurusan pembuangan berjadual, penyiasatan melalui kaedah forensik alam sekitar, tindakan khas dan juga risikan serta operasi tangkapan. Manakala bagi JAS negeri dan cawangan, fokus adalah cadangan naik taraf cawangan sedia ada serta perwujudan pejabat JAS daerah di beberapa buah negeri disyorkan kerana keperluan penguatkuasaan termasuk bagi hal berkaitan penguatkuasaan keperluan EIA yang secara lebih intensif di peringkat lapangan.

Bagi Jabatan Mineral dan Geosains pula, walaupun peratus pengisian agak tinggi melebihi 85 peratus, tetapi perjawatan sedia ada tidak mencukupi disebabkan oleh kompleksiti tugas pada masa kini. JMG sedang melaksanakan cadangan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara dan perkara ini telah diangkat ke Jemaah Menteri dan disetujui secara prinsip pada Februari 2024.

Jadi, kertas cadangan ini sedang dimuktamadkan sebelum dikemukakan kepada JPA dalam tempoh terdekat. Jadi, cadangan pengukuhan organisasi JMG dilaksanakan setelah urusan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara ini dilakukan.

Dalam hubungan ini, JMG juga mengenal pasti beberapa isu utama yang akan diberi perhatian dalam Kajian Pengukuhan Organisasi JMG iaitu:

- (i) kekurangan pegawai bagi melaksanakan aktiviti penguatkuasaan;
- (ii) pertindihan tugas antara pelesenan dan penguatkuasaan dengan kita akan melaksanakan pengasingan dua tugas di bawah dua unit berbeza; dan
- (iii) keperluan perjawatan pegawai undang-undang di JMG di mana ia merupakan satu-satunya jabatan yang tidak mempunyai pegawai undang-undang. Pada masa ini nasihat perundangan dirujuk kepada penasihat undang-undang di kementerian.

Yang Berhormat, kita maklum di sini bahawa kekurangan tenaga kerja dalam melaksanakan penguatkuasaan akan menyukarkan pemantauan dan seterusnya menjelaskan kecekapan penguatkuasaan. Dalam masa yang sama, keperluan untuk mengimbangi antara aktiviti pembangunan dengan kemampunan alam sekitar dan ekosistem

bukan lagi suatu pilihan. Sebaliknya, ia merupakan keperluan yang mendesak dalam menangani krisis alam sekitar dan juga perubahan iklim pada hari ini.

Jadi, di peringkat kementerian kami amat menyokong supaya perjawatan di jabatan-jabatan NRES diperkasakan agar semua jabatan memiliki tenaga kerja yang mencukupi dan juga berkemahiran dalam menjalankan tugas penguatkuasaan, pemantauan dan pengurusan. Dalam hal ini, sokongan penuh daripada JPA amatlah diperlukan untuk perkara ini. Itu bagi perkara di syor nombor lima, Yang Berbahagia Datuk.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kalau kita tengok dia punya perjawatan itu, dia agak rendah dia punya peratusan itu nak berbanding dengan Jabatan Alam Sekitar ya. Pengisian dia tu 91 peratus, hampir 92 peratus. Tapi kalau untuk Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, so dia *not more than 79 percent* ya? So, jadi kaedahnya ada cadangan tak bagaimana hendak menambah? Ya.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Datuk Wira Pengerusi, di peringkat kementerian memang kita mengetahui bahawa kekurangan penguatkuasaan di JPSM dan juga di Sabah dan juga di Sarawak. Oleh yang demikian, seperti yang saya sebutkan di awal tadi, kita mengadakan Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti. Jadi, di situ Kerajaan Pusat telah memperuntukkan bantuan bajet khusus untuk pelaksanaan— melaksanakan aktiviti BP3 ini bagi membantu. Sebab kita memang kekurangan dari segi perjawatan.

Jadi, dan di bawah Program BP3 ini, kita menambah bilangan renjer komuniti melalui program ini di mana kita melibatkan juga veteran angkatan tentera dan veteran polis dan juga Orang Asli dan komuniti setempat. Dia telah memberikan impak yang baguslah untuk membantu kedua-dua jabatan yang tidak mempunyai— kekurangan tenaga kerja dari segi penguatkuasaan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maknanya kita guna semaksimum yang mungkin...

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** ...apa yang ada. Dan boleh juga kalau dapat dicadangkan, kalau dapat digabungkan ya, fungsi untuk setiap itu. Contohnya, macam renjer hutan supaya mereka lebih— maksudnya mereka boleh buat pelbagai tugas dan boleh ditempatkan di mana-mana tempat dan tanpa perlu ada pengambilan perjawatan baharu. Dia boleh cover di setiap agensi. So, mungkin boleh tengok juga cadangan tersebut.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Ya. *In fact* Yang Berhormat, untuk yang Orang Asli dan juga komuniti setempat ini mereka bergaji bulanan yang kita bagi. Untuk komuniti Orang Asli ataupun Orang Asal di Sabah, Sarawak, sebulan kita bagi RM1,950 sebulan untuk Orang Asli dan juga kalau komuniti kalau dia ada Sijil Pelajaran Malaysia, gajinya adalah RM1,700. Kalau tiada SPM, RM1,500.

Mereka juga diberi potongan KWSP dan juga PERKESO dan juga insurans perlindungan berkelompok. Di peringkat Jabatan PERHILITAN dan JPSM, kita di bawah Program BP3 ini kita melaksanakan latihan untuk Orang-orang Asli dan Orang Asal ini sebelum mereka dihantar ke pos-pos dalam hutan, ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira, nak tanya fasal Jabatan Alam Sekitar kan, syor yang lima itu. Nak pastikan cukup orang daripada segi bilangan dan berkemahiran untuk menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan.

Di dalam negara kita ini, setiap negeri itu dia tidak sama. Saya sebut di Selangor khususnya tempat saya, Kapar dekat North Port dan sebagainya dan zon industri di Meru dan di Sementa. Masalah yang dihadapi ialah di mana tempat-tempat bukan tapak pelupusan sampah yang betul— macam *toxic waste*, *industrial waste* dan sebagainya. Maka, ada pihak yang mengambil mudah dan murahlah agaknya. Buang sajalah dekat tapak tanah orang

#### ■1350

So, benda ini dulu, ia berlaku bertahun-tahun sampai macam-macam apalah, sampah yang dimasukkan termasuklah yang dikatakan produk plastik, *parts of* keretakah apa benda, semua-semua itu, campak dekat situ. Yang masalahnya, benda itu sampai 20 kaki, tahu? Letaknya tanah, selepas itu tambah lagi segala apa. Macam-macamnya, kan? So, *it's been there for years*.

Bila saya jadi Ahli Parlimen dua bulan, saya terperanjat. Tengok ingat sikit, rupanya banyak dah. Maknanya dah lamalah, kan? So, *my apa is, especially* tempat saya yang zon industri ini, *you all* memang cukupkah? Cukupkah bilangan ini dan untuk nak mengesangkan benda yang apa – ini berlaku yang melibatkan kesihatan sekali.

Seorang wanita Melayu ini, rasanya 50 tahun atau lebihlah. Dia ini orang yang aktif, sihat. So, bila dia tengok tanah yang ditimbus itu cantik hitam, kan? So, dia ingat *top soil*. So, dia pun berkebun dan ber... – apa. So, pendek cerita, dia jadi terlantar. Dia jadi sakit sebab dia buat itu dah berapa lama dah, kan.

So, itu yang saya nak tahu daripada pihak jabatan ini. Pertama, cukup tak orang untuk ambil tindakan sebab *this one is NGO* alam sekitar juga, telah pun *highlight* kepada Jabatan Alam Sekitar Selangorlah ini. Saya tengok di sini, ada yang disyorkan untuk daerah sekali, kan?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Yes.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Kan? Ada ya? Jadi, kalau *you all* cukup, maknanya cukup orang, maka dia boleh bertindak cepat.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Betul.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Yang keduanya, bila berkemahiran dan *you all* juga ada *feel* sebab ini masa saya bawa MPK masa itu, Majlis Perbandaran Klang dan semualah.

Segala polis, segala apa turun dekat situ buat pembakaran. Yang dibuat aduan, ini orang mengadu ini, kadang-kadang dia terlebihkah. Tak tahulah, kan?

So, saya nak inikan kepada *you all-lah*. Dia kata, bila dia ini dengan Jabatan Alam Sekitar, “*kami tak boleh buat chemical testing*”.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Betul.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Tanah itu dan sebagainya, sama ada dia ini toksikkah apa bendakah. Betulkah? *You don't have the expertise*-kah macam mana ini? *How are you going to take action if you can't prove that* benda itu toksik?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, dah. *[Ketawa]* Kita – soalannya itu. Boleh respons untuk ini?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey, terima kasih. Okey. Terima kasih. Realitinya, memang kita tidak mencukupi pegawai untuk melaksanakan penguatkuasaan JAS ini. Ya, contoh tadi. So, saya pohon Puan Rohimah daripada Jabatan Alam Sekitar untuk bagi pencerahan sikit.

**Puan Rohimah binti Ayub [Pengarah (Bahagian Penilaian) Jabatan Alam Sekitar]:** Yang Berhormat Datuk Wira, sebenarnya kita memang kalau kira dekat Selangor itu kita dah letak ramai kakitangan. Tetapi, sebab Selangorlah yang paling banyak punca pencemaran. Dia negeri maju. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Rohimah binti Ayub [JAS]:** So kalau kira, Selangorlah yang paling banyak cawangan. Yang dah ada; Sepang, Sabak Bernam, Gombak, Kajang. Dah ada.

**Seorang Ahli:** Klang tak ada? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Rohimah binti Ayub [JAS]:** Klang tak ada sebab Klang daripada Shah Alam. *Enforcement* dia daripada Shah Alam.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Shah Alam bagus dia punya *enforcement*.

**Puan Rohimah binti Ayub [JAS]:** *[Ketawa]* Tetapi Shah Alam juga, dia ada daerah-daerah lain jugalah.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Daerah Bangi. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Rohimah binti Ayub [JAS]:** *[Ketawa]* Bangi pun tak ada.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Lambat, lambat. Lambatlah pergi hantar dekat Klang.

**Puan Rohimah binti Ayub [JAS]:** Itulah yang salah satu kita memang fokus juga untuk Selangor, untuk dapatkan setiap daerah sebab dia semakin mendesak dengan pertambahan industri. Daripada punca yang kita dapati bahawa di seluruh Malaysia, 63,000 industri. Tetapi, kalau ikut punca keseluruhan termasuk kenderaan bermotor, 34 juta punca pencemaran sebab setiap kenderaan itu juga punca pencemaran.

Yang Selangor ini, memang sekarang ini isu *burning* pun plastik ya. Dulu pun daripada kawasan Jenjarom. Itu yang kita nampaklah. Memang kita beri perhatian dalam kita punya cadangan juga untuk menambah kakitangan. Yang sekarang yang kita ada adalah – perjawatan yang lulus oleh JPA adalah 101. Yang diisi, 92 orang.

Untuk penguatkuasaan, kita ada 86 orang. Ini keseluruhanlah. Tetapi, kalau dari sudut cawangan, kalau Sepang kita ada lapan. Sabak Bernam ada lapan. Gombak ada 10. Kajang ada 11.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Nak mintalah Klang. Klang ini ada 1 juta manusia dan dah jadi majlis bandar raya. Bukan Shah Alam saja majlis bandar raya. Klang pun dah jadi majlis bandar raya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Teruskan.

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Okey. Kita *take note*. Terima kasih. Saya terus kepada syor yang keenam, supaya NRES melaksanakan libat urus bersama kerajaan negeri bagi menggalakkan pemakaian Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 supaya amalan piawaian standard digunakan seperti yang digariskan dalam akta.

Yang Berhormat, slaid ini menunjukkan status terkini pemakaian Akta A1667 sehingga 31 Ogos 2024. Perlis merupakan satu-satunya negeri yang telah menerima pakai akta ini pada 1 April 2023. Negeri Kelantan telah selesai pembentangan di Dewan Undangan Negeri dan kini dalam proses pewartaan serta pemakaian akta.

Terdapat tiga buah negeri yang sedang dalam proses pembentangan di DUN iaitu Kedah, Melaka dan juga Pulau Pinang. Manakala Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor masih dalam tindakan penasihat undang-undang negeri; dan Johor dan Terengganu pula masih dalam proses konsultasi dengan agensi-agensi negeri.

Di peringkat Persekutuan, penguatkuasaan akta akan disekalikan dengan kaedah-kaedah siasatan awam iaitu pengeluaran kawasan tanah daripada Hutan Simpanan Kekal Wilayah Persekutuan 2024, yang kini dalam peringkat semakan Jabatan Peguam Negara. Jangkaan tarikh kuat kuasa akta di Wilayah Persekutuan adalah pada 1 Disember 2024.

Bagi menggalakkan negeri-negeri menyegerakan pemakaian akta ini, Kerajaan Persekutuan melalui kementerian telah menjadikan pemakaian akta dalam Enakmen Perhutanan Negeri masing-masing sebagai kriteria tambahan dalam pemberian insentif *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* atau selalu disebut sebagai EFT.

Sebagai contoh, negeri Perlis telah menerima insentif tambahan di bawah EFT berjumlah RM300,000 pada tahun ini kerana telah menerima pakai penguatkuasaan akta dalam Enakmen Perhutanan Negeri bermula 1 April 2023.

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Peringkat Nasional Siri 2, Bilangan 2 2024 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah bersetuju supaya proses siasatan awam diguna pakai di semua jabatan perhutanan negeri di Semenanjung Malaysia.

Keputusan ini telah dimaklumkan kepada semua Pengarah Perhutanan Negeri semasa Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia pada 6 hingga 9 Oktober yang lalu.

Saya terus ke slaid syor terakhir. Syor terakhir adalah supaya NRES memastikan JAS segera melaksanakan penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling kepada Jabatan PERHILITAN sebagai pematuhan dan penguatkuasaan pelan pengurusan hidupan liar dapat disegerakan – segera dilaksanakan bagi menangani konflik manusia-hidupan liar.

Draf Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pemakaian Kuasa Kepada Agensi) 2024 telah disediakan dan kini dalam peringkat semakan perundangan. Draf ini dijangka dimuktamadkan pada akhir tahun 2024 sebelum dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara. Dalam hal ini, Jabatan PERHILITAN telah disenaraikan dalam jadual sebagai agensi yang diwakilkan kuasa oleh Ketua Pengarah Alam Sekeliling bagi menguatkuasakan *Wildlife Management Plan (WMP)*.

Yang Berhormat, itu sahaja pembentangan daripada NRES terhadap syor-syor.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih atas pembentangan. Saya nak balik-balik kepada syor nombor lima. Tadi, saya terlupa nak minta pandangan daripada JPA. Boleh respons tak dari segi kurangnya jumlah pengisian perjawatan itu? JPA.

**Encik Nur Zahidi bin Abdul Rahman [Ketua Penolong Pengarah (Jabatan Perkhidmatan Awam)]:** Terima kasih, YB Datuk Wira Pengerusi. Saya Nur Zahidi Abdul Rahman daripada JPA.

Setakat ini YB, berdasarkan perjumpaan yang awal yang kita buat dengan NRES hari itu, kami tak dapat lagilah permohonan secara rasminya daripada NRES kepada Bahagian Perjawatan dan Organisasi di JPA.

#### ■1400

Tapi walau apa pun, kami akan beri perhatian yang lebih seriuslah untuk permohonan daripada NRES untuk menangani perkara-perkara beginilah. Sebab kita nak tengok dari segi keperluan semasa yang saya pasti memang ada perubahanlah sekarang ini berbanding dengan perjawatan yang ada dahulu. Dengan zaman sekarang ni memang nampak ada keperluanlah. Walau apa pun, kita nak tengok supaya tidak ada pertindihan fungsi dan apa saja proses kerja yang boleh direkayaskan mungkin melalui penggunaan teknologi yang lebih efisien, pun kita akan lihat secara terperinci dan duduk bersama dengan NRES nanti ya. Terima kasih YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih JPA. *[Dicelah]* Ada nak respons untuk isu nombor dua tadi, yang saya sentuh awal tadi?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira. *Actually,* perlombongan haram nadir bumi di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa kerajaan

negeri. Adalah satu-satu isu yang rumit kerana Undang-undang Tanah dan juga Mineral berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sementara beberapa aspek seperti keselamatan alam sekitar dan juga pengendalian bahan radioaktif adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Dalam konteks ini, kerajaan negeri mempunyai kuasa penting dalam menguruskan aktiviti perlombongan termasuk yang berkaitan dengan unsur nadir bumi tetapi mereka tertakluk kepada peraturan yang lebih luas di bawah undang-undang kita. Di bawah kuasa negeri, di bawah Kanun Tanah Negara, saya nak sentuh di sini. Kanun Tanah Negara 1965 memberikan kuasa kepada kerajaan negeri untuk menguruskan dan juga mengeluarkan lesen atau konsesi tanah bagi tujuan perlombongan. Ini bermaksud sebarang aktiviti perlombongan termasuk yang melibatkan unsur nadir bumi memerlukan kebenaran daripada kerajaan negeri terlebih dahulu. Dalam konteks ini, perlombongan haram boleh berlaku jika aktiviti dijalankan tanpa kebenaran dan juga lesen sah daripada kerajaan negeri.

Menyentuh peranan kerajaan negeri dalam pengeluaran lesen perlombongan pula, kerajaan negeri berperanan utama dalam mengeluarkan lesen untuk perlombongan melalui pejabat tanah dan galian. Jika individu itu ataupun syarikat menjalankan perlombongan unsur nadir bumi tanpa lesen atau konsesi yang sah, ia dianggap sebagai aktiviti perlombongan haram dan tindakan terhadap perlombongan haram ini adalah tanggungjawab utama kerajaan negeri yang boleh melibatkan penguatkuasaan undang-undang juga di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 atau Kanun Tanah Negara.

Berkaitan dengan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, meskipun kerajaan negeri mempunyai kuasa dalam pengurusan tanah dan perlombongan, beberapa isu kritikal seperti perlindungan alam sekitar dan juga pengendalian bahan radioaktif memerlukan kerjasama dengan agensi Persekutuan seperti Jabatan Alam Sekitar dan juga Lembaga Pelesenan Tenaga Atom di bawah MOSTI. Jika perlombongan haram melibatkan pencemaran alam sekitar atau pengurusan tidak sah bahan radioaktif, Kerajaan Persekutuan boleh campur tangan untuk melaksanakan tindakan undang-undang melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling dan juga Akta Pelesenan Tenaga Atom.

Dari segi impaknya pula, perlombongan haram unsur nadir bumi boleh menyebabkan kemerosotan alam sekitar, kerosakan hutan dan juga pencemaran sumber air yang seterusnya memberi kesan kepada komuniti setempat dan juga ekonomi. Sebarang ketidakupayaan kerajaan negeri untuk mengawal aktiviti haram ini boleh menyebabkan kehilangan hasil kerajaan negeri daripada cukai dan juga royalti perlombongan yang sepatutnya diperolehi.

Oleh itu, kerajaan negeri mempunyai insentif kuat untuk memperketatkan penguatkuasaan dan juga pemantauan bagi memastikan sumber mineral dieksplorasi secara sah dan juga beretika.

Dalam konteks tindakan negeri terhadap perlombongan haram, kerajaan negeri boleh mengambil tindakan tegas terhadap perlombongan haram termasuk merampas peralatan, mendenda pesalah atau menutup operasi perlombongan haram. Mereka boleh melibatkan agensi penguatkuasaan seperti JMG serta Polis Diraja Malaysia dalam usaha penguatkuasaan. Kerajaan negeri juga boleh memperkenalkan undang-undang ataupun peraturan tambahan di peringkat negeri untuk memperketatkan kawalan ke atas aktiviti perlombongan khususnya bagi sumber berharga seperti unsur nadir bumi.

Dari segi cabaran pula Yang Berhormat, antara cabaran yang dihadapi oleh kerajaan negeri dalam menangani perlombongan haram adalah kekurangan sumber dan teknologi untuk memantau kawasan-kawasan perlombongan yang luas. Macam tadi isu pembalakan haram juga. Sesetengah kawasan terpencil sukar untuk dipantau dan menyebabkan aktiviti perlombongan haram berleluasa. Selain itu, dalam beberapa kes perlombongan haram mungkin melibatkan pihak-pihak berpengaruh yang menjadikan penguatkuasaan lebih rumit dan juga memerlukan kerjasama antara negeri dan juga Persekutuan untuk memastikan juga ketelusan.

Secara keseluruhannya, walaupun kerajaan negeri mempunyai kuasa dalam mengawal aktiviti perlombongan termasuk unsur nadir bumi, perlombongan haram tetap memerlukan usaha penguatkuasaan yang lebih kuat dan kolaborasi dengan agensi Persekutuan untuk memastikan sumber mineral negara diuruskan dengan berkesan. Dalam hal ini juga, dalam pembentukan BP3 tadi yang diterajui oleh PERHILITAN dan juga JPSM, kita juga masukkan dalam dia punya tugas adalah untuk memastikan tiada perlombongan haram berlaku dalam kawasan hutan simpan kekal dekat Taman-taman Negara dan juga kawasan-kawasan perlindungan yang di bawah PERHILITAN dengan juga JPSM.

Dalam konteks ini juga Yang Berhormat, untuk isu berkaitan dari segi penyelarasian polisi, kita ada Majlis Mineral Negara dan juga Majlis Tanah Negara untuk membincangkan isu ini. Kalau ada tambahan, mungkin saya boleh jemput Ketua Pengarah Mineral dan Geosains.

**Datuk Zamri bin Ramli [Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]:** Terima kasih Puan TKSUSA. Yang Berhormat Datuk Wira, apabila kita membuat cadangan awal dulu kita mengambil kira— sebab terdapat tadi ada perbezaan tadi. Sebab kita mengambil kira sebab JMG satu-satunya jabatan yang tak ada penasihat undang-undang waktu itu dan kita mengambil kira kepakaran yang JMG ada lah. JMG salah satunya agensi yang mempunyai kepakaran dalam perlombongan dan juga pengkuarian dari segi teknikalnya.

Tapi apabila kita merujuk kepada penasihat undang-undang, rupanya kepakaran itu tidak boleh mengatasi tuan punya tanah itulah sebab pengeluaran tenemen itu adalah di bawah kuasa-kuasa kerajaan negeri. JMG punya kuasa dari segi surat kelulusan melombong

ataupun *operation mining scheme*, yang itu untuk *development*, untuk pembangunan lombong— barulah dia boleh dikeluarkan oleh JMG. Tetapi sebenarnya dari segi *complement*— dari segi keselamatan, dari segi efluen dan sebagainya, itu adalah di bawah kuasa-kuasa Federal. Hasil dari segi tanah dan sebagainya, pengeluaran tenemen itu adalah di bawah kerajaan negerilah. Itu yang terkandung dalam kita punya Perlembagaan lah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, *[Dicelah]* saya cuma nak *confirm*-lah sebab hari itu kata akan buat pindaan, lepas itu tidak ada *confirmation*. Jadi, memang tidak ada pindaanlah buat masa ini, betul?

**Puan Norsham binti Abdul Latip [NRES]:** Akta Pembangunan Mineral memang ada dalam proses pindaan. Draf itu di peringkat penasihat undang-undang kementerian dan selepas diteliti nanti, kita kena buat sesi libat urus bersama juga kerajaan negeri dan *actor* yang lain yang berkait dengan industri perlombongan ini Yang Berhormat. Memang kita buat, sedang buat pindaan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih. *All right*, kalau tak ada ini, *I think* pukul 2.09 dah selesai. Jadi, saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua yang hadir pada hari ini, TKSU, ketua pengarah dan semua yang terlibat bagi sesi prosiding yang panjang ni. *Alhamdulillah*, kita dah selesaikan ketujuh-tujuh syor. Jadi kita tangguhkan prosiding kita pada hari ini pada pukul 2.09 minit. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.09 petang]***



**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**  
**Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur**  
**Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)**  
**E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my**

